



**Muhammad  
Yasin  
Maamor**

PUJANGGA MELAYU



BIOGRAFI  
PENGARANG  
MELAYU

# Muhammad Yasin Maamor

PUJANGGA MELAYU

Muhd. Mansur Abdullah

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2002

0822501

Cetakan Pertama 2002  
© Muhd. Mansur Abdullah 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Muhd. Mansur Abdullah, 1945-

Muhammad Yasin Maamor : pujangga Melayu / Muhd. Mansur Abdullah.  
(Biografi pengarang Melayu)

Bibliografi: hlm. 139

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-7236-4

1. Muhammad Yasin Maamor, 1910-1971. 2. Authors, Malay--  
Biography. I. Judul. II. Siri.  
928.9923

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

M  
928-9923  
MYM.n1

M  
1075530

26 APR 2003  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

# Kandungan

<i>Pengantar</i>		vii
Bab Satu	: RIWAYAT HIDUP	1
Bab Dua	: PENGALAMAN, SIKAP DAN PEMIKIRAN	12
Bab Tiga	: PERBINCANGAN KARYA	35
Bab Empat	: PETIKAN KARYA POPULAR	94
<i>Senarai Karya</i>		135
<i>Bibliografi</i>		139
<i>Indeks</i>		141



## Pengantar

PROSES mengumpul bahan dan menulis biografi seseorang tokoh kesusasteraan yang telah dianggap "orang lama" adalah satu tanggungjawab yang amat berat. Namun begitu, usaha mengutip bahan-bahan yang tercicir dan menjejaki serta mencari sesuatu yang hilang adalah menjadi kewajipan bagi kita "orang-orang baru". Justeru itu, saya beranikan juga untuk menulis biografi Allahyarham Cikgu Muhammad Yasin Maamor (Pungguk) ini.

Pungguk dan *Majalah Guru* tidak dapat dipisahkan, malah begitu sinonim sekali. Kelahiran Pungguk sebagai penulis dan *Majalah Guru* telah berjaya mengasuh, mendidik dan melahirkan puluhan, malah ratusan penulis sastera di negara ini. Cikgu Muhammad Yasin Maamor ialah tokoh penyair moden terkemuka yang dilahirkan oleh media tersebut.

Sebagai "Bapa Puisi Melayu Moden" Pungguk begitu berani mengubah bukan sahaja dari segi bentuk, malah isinya juga dan bebas daripada ikatan puisi-puisi tradisional, seperti pantun, syair, mahupun gurindam. Meskipun pada peringkat awal zaman transisi karyanya, Pungguk masih terikat sedikit dengan bentuk cantuman antara pantun dan syair, yang menggunakan empat baris dalam satu rangkap, namun tanda-tanda perubahan dari segi jumlah suku kata, dan rima di akhir *a, b, a, b* bukanlah terdiri daripada pembayang sebagaimana syarat sesebuah pantun. Keberaniannya memecah tradisi dan kelaziman itu menjadikan puisinya yang dipanggil sajak kelihatan amat bebas, bersahaja dan indah. Contohnya:

Senyap sunyi bayu berpuput,  
Dinihari sejuk sampai ketika;  
Sebentar kubaring sekejap kuberfutus,  
Asyikkan adik tidak berjangka.



Pungguk menjadikan alam maya sebagai sumber ilhamnya. Keindahan panorama alam semula jadi menjadi pokok pembicaraan yang diungkapkan dengan kata-kata halus, suci dan murni. Padahal, puisi-puisi tradisi, misalnya pantun hanya menggunakan sumber alam ini sebagai pembayang maksud, sedangkan syair pula amat jarang menggunakan fenomena alam ini sebagai bahan dan ramuan pembinaannya. Pungguk menggunakan sensitivitinya dengan penuh perasaan halus bagi merasa dan menikmati keindahan alam maya, seperti ombak di pantai, kebiruan gunung-ganang, kehijauan lembah dan kuning padi keemasan di sawah bendang. Pungguk juga menggunakan faktor waktu seperti pagi, senja, malam dan dinihari dalam puisinya. Hal ini mengingatkan kita kepada gurindam hari nak siang. Namun demikian, masih terdapat banyak perbezaannya.

Contohnya:

Waktu senja burung terbang,  
 Waktu adinda bersedih cita;  
 Hancur lebur di kalbu abang,  
 Sedihkan adik panah dewata.

Waktu dinihari malam yang sunyi,  
 Waktu kanak-kanak kehilangan ibunya;  
 Abang meratap berbagai bunyi,  
 Merindu adik beryala di kalbu.

Selain menggunakan citra alam, Pungguk juga mengambil unsur-unsur perasaan dalam diri manusia sendiri sebagai tema-tema sajaknya, seperti soal percintaan dan kasih sayang sesama manusia, termasuklah rasa cinta anak kepada ibunya. Kepelbagaian tema yang diterokainya, terutama keupayaannya memainkan perasaan kemanusiaan bersifat psikologi yang tinggi, memperlihatkan Pungguk bukanlah calang-calang penyair. Perasaan rindu dendam, terhutang budi, hormat dan sanjungan terutama kepada ibu yang melahirkan begitu sensitif dan halus serta tidak pula terasa dibuat-buat atau berlebih-lebihan. Ia diungkapkan dengan sederhana tetapi menancap ke hulu hati para pembaca. Pungguk dengan beraninya memecah tradisi dengan memasukkan unsur dialog ke dalam sajaknya yang sebelum ini tidak terdapat dalam puisi tradisi. Penggunaan kata seru begitu hidup sekali, sehingga terasa seolah-olah petikan ini merupakan satu perbualan atau dialog antara seorang anak dengan ibunya yang tercinta:

## PENGANTAR

Ibu! Mahkota negara  
Bersumpahlah anakanda dalam dunia  
Membekal pelihara anak bondaku."  
"Anakanda, anakanda mastika puri  
Selamatlah engkau dalam bahagia  
Siratkan niatmu sebagai biku."  
Oh ibu ....

Sejarah hidup Pungguk sendiri, sebagai seorang anak yatim piatu dan hidup penuh derita menyebabkan puisinya begitu. Beliau dapat merasakan semua derita bangsanya terutama para petani dan peladang yang tertindas. Mengenang negaranya yang masih dicengkam penjajah semakin pedih derita yang dirasakannya. Sebagai seorang pendidik, dia berperanan meniup api semangat nasionalisme kepada anak-anak bangsanya. Pungguk dengan tabah telah menyuarakan erti keberanian, kebenaran, kemakmuran, kemerdekaan dan ketuanan kepada anak-anak bangsanya. Ini dilaungkannya:

Berkorbanlah dengan harta dan kekayaan  
Berkorbanlah dengan hati dan perasaan  
Berkorbanlah dengan jiwa dan kematian.  
45 tahun mendung hitam di angkasa  
Matahari gelap disaput mega  
Mendayu-dayu ombak di Selat Melaka  
Tergendong Gunung Tahan walau tinggi  
Keriang muara air tak memenuhi  
Malang sial hamba Tanah Melayu diratapi  
Oh ... jadi hamba ditindas.

Pungguk, seorang kanak-kanak yang penuh iltizam, membuktikan bahawa kemiskinan dan jiwa yang sentiasa terhimpit boleh dijadikan motivasi diri untuk berjaya. Sebagai anak sekolah, walaupun kecikiran selama dua tahun, Pungguk membuktikan intelektualismenya yang boleh dikagumi dalam peperiksaan. Beliau menjadi penuntut yang cemerlang di seluruh tanah air, dan kejayaan ini membolehkannya masuk ke Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), di Tanjung Malim. Kesempatan menimba ilmu di Ibu Kandung yang ketika itu merupakan gedung khazanah bangsa, mendewasakannya lagi dengan kreativiti sasteranya. Tidak dapat dinafikan Pungguk turut dipengaruhi cara penulisan ala-Indonesia kerana banyak membaca buku-buku, majalah

dan surat-surat khabar negara itu. Perhatikan puisi ini:

Ayuhai rindunya ....  
 Wahai sedihnya ....  
 Beta tanggungkan ....  
 Hati yang sayu ....  
 Kalbu yang pilu ....  
 Daku tangiskan ... dalam anganku.

Walaupun Pungguk disaingi oleh beberapa orang teman penulis ketika itu, namun beliau amat menonjol, di samping begitu aktif menghasilkan karya yang menampakkan perubahan demi perubahan. Perkembangan ini menyebabkan teman-teman lain ketinggalan jauh ke belakang. Inilah yang menyebabkan Cikgu Muhammad Yasin Maamor diterima sebagai pelopor dan "Bapa Persajakan di Tanah Melayu". Apabila dilihat ketokohnya, beliau bukan sekadar boleh digelar pelopor, malah juga "Bapa Pujangga Moden Malaysia".

Oleh yang demikian, buku *Muhammad Yasin Maamor: Pujangga Melayu* ini ditulis dengan penuh kesedaran, untuk menggilap permata bangsa yang dahulunya terpendam di persada ibunda tercinta. Dalam usaha menyelidik dan menulis biografi Muhammad Yasin Maamor ini penulis berasa bertuah kerana dapat mempersembahkan kepada anak bangsa yang bakal menjadi pemikir, peneliti, penganalisis, dan pembicara kesusasteraan bahawa kita memiliki sasterawan ulung yang patut diketengahkan. Penulis percaya sehingga ini tidak banyak kajian yang dibuat secara terperinci terhadap Cikgu Muhammad Yasin Maamor, karya-karyanya mahupun kerjayanya. Jikalau ada pun hanya beberapa butir makalah yang disiarkan baik dalam majalah-majalah mahupun surat khabar tempatan.

Adalah menjadi harapan penulis, melalui buku ini akan muncul lebih ramai lagi para penulis dan pengkaji yang akan membuat kajian-kajian lanjut daripada berbagai-bagai aspek kehidupan bapa pujangga baru ini. Semoga para pengkaji akan datang cuba memperbaiki, menambah dan memantapkan lagi kekurangan dan kelemahan yang penulis sendiri alami dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, buku *Muhammad Yasin Maamor: Pujangga Melayu* boleh dijadikan landasan untuk meletakkan karya Cikgu Muhammad Yasin Maamor sebagai karya agung negara. Hasil karya yang ditinggalkan adalah aset yang berharga dan tidak dapat dihitungkan dan dinilai dengan wang ringgit. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Pungguk sendiri, jika wang sahaja yang menjadi

kayu ukur dan petunjuk dalam kehidupan manusia, kita sendiri akan terperangkap akhirnya:

Wanglah raja, ringgit dewata,  
lalah sentosa ialah celaka;  
Hilang fikiran menggelapkan mata,  
Syurga terkeluar rapat ke neraka.

**Prof. Dato' Dr. Muhd. Mansur Abdullah**  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai  
Johor Darul Takzim



## BAB SATU

# Riwayat Hidup

MUHAMMAD YASIN, anak kelapan daripada sembilan adik-beradik ini, telah menempa nama dalam arena kesusasteraan tanah air. Beliau dilahirkan pada 18 September 1910 di Jalan Brickfields, Kuala Lumpur. Ayahnya, Maamor bin Abdul Karim berasal dari Batu Bara, Sumatera, Indonesia. Ayahnya meninggal dunia ketika umurnya baru lima tahun. Penderitaan hidup sebagai anak yatim begitu sukar dilupakan oleh Muhammad Yasin. Sebagai anak yang kehilangan tempat bergantung, hidupnya payah dan getir. Tanggungjawab mendidik dan membesarkannya seratus peratus terletak di bahu ibu dan abang-abangnya yang ketika itu masih muda-muda belaka. Mujurlah ada sedikit-sedikit harta peninggalan ayahnya (Abdul Manaf Jaafar, 1970:1) dan dengan harta itu mereka meneruskan hidup sebagaimana keluarga Melayu yang lain pada waktu itu.

Ibu dan abang-abangnya mempunyai kesedaran dan pandangan yang jauh terhadap masa hadapan Muhammad Yasin. Mereka berusaha memberinya pelajaran. Setelah mencapai umur lapan tahun pada tahun 1918 Muhammad Yasin mula bersekolah di Sekolah Melayu Petaling, Selangor. Umur lapan tahun pada waktu itu merupakan kebiasaan bagi seseorang kanak-kanak Melayu untuk memulakan persekolahan. Muhammad Yasin, amat berbeza dengan kanak-kanak lain. Barangkali hidup sempit dan serba payah yang dihadapinya itu menyebabkan beliau lebih cepat dewasa. Beliau agak lebih matang berbanding murid-murid lain dan terkehadapan serta mendahului kanak-kanak lain di dalam kelasnya. Hal ini mengagumkan guru-gurunya. Namun, belum pun sempat bermesra dengan keadaan alam persekolahan di situ beliau dibawa berpindah dan meninggalkan sahabat, teman-teman sekolah, dan guru-guru yang disayanginya. Dalam jangka masa setahun,

beliau tidak berpeluang memperlihatkan dan membuktikan kematangan dan kecerdasannya.

Dengan perasaan yang sedih dan kesal, Muhammad Yasin terpaksa akur kepada keputusan keluarganya. Beliau mengikut ibunya ke Klang dan di Klang beliau dimasukkan pula ke Sekolah Melayu Batu Belah, pada tahun 1919 (Abd. Manaf, 1970:1). Pada mulanya Muhammad Yasin agak kekok belajar di sekolah baru itu. Beliau terpaksa mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan alam persekitaran di situ. Nasib malang dalam hidupnya datang sekali lagi. Pada tahun 1920, keluarganya terpaksa berpindah lagi kerana abangnya, Ahmad Shah mendapat kerja di sebuah ladang di Beranang.

Perpindahan kali ini sungguh-sungguh menggores hatinya sehingga Muhammad Yasin menganggap dirinya diperlakukan seperti bola. Beliau berasa tidak pasti dan menjadi tidak menentu. Sese kali terfikir juga olehnya barangkali sudah suratan nasibnya begitu. Ketidakteraman jiwanya itu mempengaruhi prestasi pelajarannya yang mulai menurun dari hari ke hari. Abangnya, Ahmad Shah pula asyik menumpukan perhatian kepada kerjanya hingga melupakan keadaan adiknya yang mula tidak berminat untuk bersekolah.

Di tempat baru ini, Muhammad Yasin mula terdedah kepada kehidupan yang bebas dalam alam yang terbentang luas. Beliau mula mengerti makna kebebasan. Di Sekolah Melayu Beranang, tidak ada suasana pertandingan yang dapat memberikan motivasi yang mencabar kebolehan dan kematangannya dalam pelajaran. Dalam masa dua tahun, iaitu dari 1920 hingga 1921, Muhammad Yasin berusaha mengelakkan diri daripada terikut-ikut dengan tingkah laku remaja sebayanya yang tidak bersekolah. Malangnya, tindak tanduk remaja ini banyak sekali mempengaruhi jiwanya yang lembut dan perasa. Beliau mula terikut-ikut dengan gelagat budak-budak nakal di kampungnya. Alam persekitaran yang begitu telah mendorong Muhammad Yasin berhenti sekolah pada tahun 1922.

Keputusannya berhenti sekolah membuatkan abang dan ibunya kecewa. Puas mereka memujuknya tetapi hampa. Akhirnya sebagai mengisi waktu lapang, pada tahun 1923 Muhammad Yasin belajar mengaji di sebuah sekolah agama di sebelah petang. Jiwa remajanya terus memberontak. Tidak lama kemudian beliau berhenti belajar mengaji. Dari 1924 hingga 1926 Muhammad Yasin bekerja di lombong bijih di Sungai Besi, Selangor.

Pada tahun 1927, salah seorang daripada abangnya, Muhammad Kasim telah diterima menjadi guru. Muhammad Kasim tidak pernah berputus asa

untuk mengubah sikap Muhammad Yasin. Malah, Muhammad Kasim sedar sebagai seorang remaja, adiknya memerlukan pujukan dan perhatian. Oleh itu beliau senantiasa memujuk dan memberi nasihat dan lama-kelamaan hati Muhammad Yasin menjadi lembut kembali dan sanggup meneruskan persekolahannya.

Muhammad Yasin bersekolah semula pada tahun 1927 di Sekolah Melayu Hulu Gombak, Kuala Lumpur. Berkat daya usaha dan kepintaran semula jadi yang dimilikinya, pada tahun 1928 beliau lulus Peperiksaan Darjah Lima Sekolah Melayu dengan mendapat markah yang paling tinggi di seluruh negeri Selangor. Ibu dan abang-abangnya begitu berbesar hati dengan keputusan cemerlang yang diperolehinya.

Dengan keputusannya yang baik itu Muhammad Yasin ditawarkan menjadi guru pelatih. Bagi Muhammad Yasin, tawaran ini ibarat pucuk dicita ulam mendatang. Beliau segera menerima tawaran tersebut lalu memulakan tugasnya di Sekolah Melayu Setapak, Kuala Lumpur pada tahun yang sama. Sambil mengajar, Muhammad Yasin menduduki peperiksaan untuk memasuki maktab pada tahun 1929. Beliau berjaya dalam peperiksaan tersebut dan diisytiharkan sebagai peserta yang mendapat markah paling tinggi di seluruh Tanah Melayu. Kejayaannya ini menggembirakan seluruh keluarga dan rakannya. Pendeknya, kecerdasan dan kematangan yang dimilikinya telah dibuktikan bukan sahaja kepada seluruh keluarganya, malah kepada seluruh orang kampung dan guru sejawatannya.

Pada tahun 1929, Muhammad Yasin Maamor mengikuti latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak. Pada ketika itu maktab tersebut menjadi lambang kemegahan dan ketinggian ilmu bagi orang-orang Melayu. Muhammad Yasin bukan setakat lulus dalam peperiksaan setiap mata pelajaran yang diambilnya, malah berjaya mendapat tempat pertama selama tiga tahun berturut-turut, sejak tahun pertama lagi hinggalah tahun ketiga (1929–31). Atas kejayaan cemerlangnya itu beliau dianugerahi Hadiah Abdul Jalil, berupa wang sebanyak \$250.00. Ini adalah hadiah teragung bagi penuntut yang mendapat markah paling tinggi di maktab tersebut dalam tahun berkenaan. Selain itu Muhammad Yasin juga berjaya mendapat sijil kelas pertama dalam peperiksaan akhir kursus perguruannya di maktab tersebut. Di samping itu Muhammad Yasin juga memperolehi Hadiah Mohd. Jaafar yang menawarkan wang sebanyak \$25.00, bagi pelajar tahun ketiga yang mendapat markah terbaik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Di maktab inilah Muhammad Yasin mula mengukir nama. Di sinilah beliau



terdedah dengan berbagai-bagai bahan ilmu pengetahuan yang luas. Beliau berkesempatan membaca bahan-bahan bacaan dari luar negeri. Bahan-bahan itu termasuklah majalah, akhbar dan juga buku-buku dari Indonesia, seperti *Panji Pustaka*, *Pewartu Deli* dan *Pujangga Baru*. Selain itu beliau membaca akhbar dan majalah tempatan seperti *Majlis*, *Majalah Guru* dan *Pengasuh*. Muhammad Yasin membaca *Seruan Azhar* dari Mesir dan akhbar ini banyak sekali memberi nafas kepada kesedaran perjuangannya.

Pengaruh pembacaannya yang agak luas itu telah menyemarakkan pula kesedaran politik, ekonomi dan sosial dalam dirinya, sehingga membuahkan bibit-bibit anti-British dan anti kepada bangsa-bangsa dagang dan kaum pendatang. Muhammad Yasin berkesempatan bertemu dan bergaul dengan beberapa orang guru yang mempunyai semangat kesedaran perjuangan politik dan juga semangat cintakan tanah air. Ada di kalangan guru tersebut yang begitu berani dan terang-terang meniupkan api perjuangan dan membenci penjajah. Mereka ini terdiri daripada Cikgu Harun bin Muhammad Amin (Harun Aminurrashid), Cikgu Ahmad bin Abdullah dan Cikgu Buyong bin Adil.

Dengan tegas dan berani mereka memberikan ucapan-ucapan yang bersemangat kepada penuntut-penuntut di maktab itu. Mereka yakin bahawa pada suatu masa nanti penuntut-penuntut yang bakal menjadi guru ini, sekali gus akan menjadi pemimpin kecil di kampung-kampung. Mereka berpendapat penuntut-penuntut maktab ini harus dibekalkan dengan semangat yang utuh agar dapat membangkitkan pula semangat kesedaran di kalangan orang Melayu di kampung-kampung terhadap bahaya penjajah dan bangsa-bangsa dagang dan kaum pendatang. Antara rakan-rakan sekelasnya ialah Abdul Karim Rashid, Abdullah Sidek, Ibrahim Haji Yaacob dan Hassan Haji Abdul Manan (Abdul Manaf Jaafar, 1970:2).

Selain kejayaannya dalam bidang akademik, Muhammad Yasin juga telah menunjukkan bakatnya yang cemerlang dan luar biasa dalam lapangan kesusasteraan. Pada tahun 1930 beliau memenangi hadiah pertama dalam peraduan mengarang pantun berkait dengan memakai nama Pungguk. Sejak kejayaan itu beliau terus memakai nama tersebut dalam menghasilkan sajak-sajaknya. Kepopularan nama pena ini menenggelamkan nama sebenarnya dalam perkembangan sastera Melayu. Di samping itu Muhammad Yasin juga telah memenangi hadiah pertama dalam bidang penulisan makalah dengan esainya yang berjudul "Adat Istiadat Melayu Dalam Tahun 1931", anjuran Tuan Sheferd, (Tan Sri Sheferd) Setiausaha Residen British di Perak ketika itu. Pada tahun yang sama Muhammad Yasin memenangi hadiah

pertama di bidang lukisan pula.

Pendeknya, Muhammad Yasin ialah tokoh pelajar yang serba boleh di MPSI ketika itu. Dalam lapangan sukan dan olahraga juga beliau tidak ketinggalan. Muhammad Yasin telah terpilih sebagai pemain bola sepak dan badminton bagi pasukan maktab. Sementara itu beliau juga turut terpilih sebagai pelumba lari jarak dekat (100 dan 200 ela) bagi pasukan rumahnya.

Selepas tamat pengajiannya di MPSI, Tanjung Malim, beliau diarahkan mengajar di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur sebagai guru penolong dari tahun 1932 hingga tahun 1937. Kemudian beliau ditukarkan ke Sekolah Melayu Beranang pada tahun 1938 dan tiga tahun kemudian Muhammad Yasin dilantik menjadi Guru Besar Sekolah Beranang Hilir sehingga tahun 1945. Mulai tahun itu beliau dipindahkan ke Sekolah Melayu Sungai Pelek, Sepang, Selangor, juga dengan jawatan yang sama. Semasa inilah Muhammad Yasin mula melibatkan diri dengan kegiatan politik bersama-sama Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diasaskan oleh Ibrahim Yaacob dan Ishak Haji Muhammad. Muhammad Yasin ikut menyumbangkan makalah-makalah yang menjadi alat propaganda Jepun dalam menyemai dan memupuk semangat bencikan penjajah Inggeris.

Apabila Jepun menyerah kalah, penjajah Inggeris berkuasa kembali dan mula mencari orang-orang yang disyaki membantu perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM). Mereka yang disyaki ini merupakan ahli KMM dan perintah dikeluarkan bagi menangkap mereka yang terlibat. Antara yang disyaki itu termasuklah Muhammad Yasin yang telah ditangkap dan ditahan dalam Kem Tahanan Politik di Seremban selama setahun tiga bulan bersama-sama beberapa tokoh pejuang lain termasuklah Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.

Beliau dibebaskan pada tahun 1949 dan mengajar kembali tetapi jawatannya diturunkan sebagai guru penolong kanan dan bertugas di Sekolah Melayu Banting, Kuala Langat hingga tahun 1950. Tahun berikutnya Muhammad Yasin dilantik semula menjadi guru besar dan bertugas di Sekolah Melayu Tanjung Karang. Di sekolah ini beliau menunjukkan prestasi yang cemerlang dan diangkat menjadi guru pelawat bagi Sekolah-sekolah Melayu Daerah Hulu Selangor. Pada tahun 1958, dengan jawatan yang sama Muhammad Yasin bertanggungjawab pula ke atas semua sekolah di Daerah Hulu Langat hingga tamat perkhidmatannya pada 19 September 1965. Setelah bersara beliau menetap di Kampung Jalan Enam Kaki, Beranang, Selangor.

Muhammad Yasin mendirikan rumah tangga dengan Safiah binti Haji

Abdul Rahman yang bertugas sebagai guru pada tahun 1934. Perkahwinan mereka adalah atas dasar suka sama suka dan direstui kedua-dua belah keluarga. Walaupun sudah tiga tahun lamanya mereka berkahwin, namun mereka belum juga dikurniai cahaya mata. Bagi mengatasi masalah ini mereka mengambil anak angkat yang diberi nama Noraini. Namun demikian, hanya beberapa tahun sahaja rumah tangga mereka boleh bertahan kerana tiada lagi persefahaman dan perceraian tidak dapat dielakkan.

Lama juga Muhammad Yasin menduda. Pada tahun 1940 beliau berkahwin buat kali kedua dengan seorang gadis kampung dari Beranang. Kebetulan pada masa itu beliau mengajar di sana. Gadis tersebut bernama Yam Chek binti Mohammad. Dengan isteri baru ini pun Muhammad Yasin tidak memperoleh cahaya mata. Sekali lagi Muhammad Yasin terpaksa mengambil anak angkat, juga seorang perempuan yang diberi nama Norsaadah. Meskipun mereka tidak mempunyai anak kandung, hidup mereka bahagia, kekal hingga ke akhir hayat.

Muhammad Yasin memperlihatkan bakatnya dalam arena kesusasteraan semasa menuntut di MPSI lagi. Dengan kecemerlangan semasa mengikuti latihan perguruan di maktab ini dan beberapa hadiah penulisan yang dimenangnya menunjukkan bahawa beliau memiliki kebolehan mengarang. Dengan kemenangan itulah juga, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarang *Majalah Guru*, suara rasmi bagi Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung. Jawatan ini disandangnya dari tahun 1934 hingga 1938. Semasa di maktab ini, Muhammad Yasin berkesempatan berkawan dan belajar bersama-sama beberapa orang teman yang sealiran dengan jiwanya. Antara teman-teman yang sekelas dengannya ialah Abdullah Sidek, Abdul Karim Rashid, Ibrahim Yaacob dan Hassan Haji Abdul Manan (Abdul Manaf Jaafar, 1970:2). Mereka ini banyak memberi perangsang dan dorongan kepadanya.

Karya pertama Muhammad Yasin ialah puisi bentuk baru berjudul "Di Tengah Segara" yang tersiar dalam *Majalah Guru*, Disember 1933. Sajak ini lahir secara kebetulan bagi mengisi ruangan kosong dalam *Majalah Guru* yang dipimpinnya. Ketika itu beliau menghadapi masalah ketiadaan bahan.

Hendak diisi dengan pantun, Muhammad Yasin rasakan sudah biasa dan selalu dibuat. Hendak pula dimuatkan dengan syair, sudah tidak sesuai lagi. Hendak diisi dengan kata-kata sakti sudah banyak. Lalu beliau mengambil keputusan mencipta sebuah sajak.

(*Dewan Sastera*, Oktober 1970:49)

Selain puisi, Muhammad Yasin juga menulis cerpen, rencana dan cerita bersiri. Selain *Majalah Guru*, karya-karyanya tersiar dalam akhbar *Majlis*. Muhammad Yasin mula melibatkan diri dalam arena cerpen sesudah tahun 1937. Sebanyak 21 buah cerpen telah dihasilkannya dan kebanyakannya tersiar dalam *Warta Jenaka*, *Majalah Guru*, dan *Majlis* dengan menggunakan nama samaran Tanah Emas dan Malim Deman. Novel tunggalnya diberi judul *Suka dan Duka* yang dihasilkan pada tahun 1936.

Walaupun Muhammad Yasin menulis cerpen, novel dan esei, namun kehadirannya dalam arena penulisan lebih dirasakan apabila namanya dikaitkan dengan pertumbuhan dan perkembangan puisi baru Melayu. Sajak-sajaknya "Keluh-Kesah", "Selalu Merayu", "Tak Disangka-sangka", "Pujukan Hati", dan "Ibuku" sering diperkatakan sebagai karya yang membawa gejala baru dalam dunia puisi Melayu.

Setelah bersara, Muhammad Yasin menjalani cara hidup sebagai penduduk kampung yang amat sederhana. Beliau dan isterinya tinggal di sebuah rumah yang dibina pada tahun 1965 sempena tahun bersaranya daripada jawatan guru (*Dewan Sastera*, Oktober 1970:50). Masa lapangnya dipenuhi dengan menerangi dan membersihkan sekeliling rumah sambil menjaga pokok buah-buahan yang dimilikinya. Waktu-waktu akhir hayatnya, Muhammad Yasin menumpukan sepenuh perhatian beribadat kepada Allah. Melalui hari-hari tuanya, Muhammad Yasin meminati burung, khususnya burung balam atau tekukur. Seluruh kampung mengenalinya sebagai seorang pemikat balam yang handal. Beliau boleh mengecam dan menilai bunyi tekukur atau balam yang baik atau yang kurang baik. Kecintaan Muhammad Yasin kepada balam terbukti kerana kesanggupannya masuk hutan bersama-sama rakan-rakannya semata-mata untuk memikat balam atau tekukur.

Muhammad Yasin dan isteri pernah ditimpa oleh sejenis penyakit ganjil. Peristiwa ini menyebabkan beliau menuntut ilmu untuk mengubati penyakitnya sendiri. Akhirnya ilmu itu telah menjadikan dirinya sebagai dukun, mengubati penyakit ghaib, kena hantu, perbuatan orang dan kena sihir. Mereka yang datang berubat terdiri daripada semua bangsa (Usman Awang, 1971).

Hal ini menjadi satu lagi kelebihan yang dimiliki oleh Muhammad Yasin. Sebagai bomoh beliau disegani tidak sahaja oleh jiran-jiran sekampungnya, malah orang-orang luar yang datang menemuinya untuk berubat. Ketika mengubati pesakit-pesakitnya, Muhammad Yasin menggunakan ayat-ayat al-Qur'an dengan mendoakan kesejahteraan mereka yang ditimpa musibah. Di samping itu, Muhammad Yasin ialah seorang pengikut setia fahaman

tasawuf aliran Naksyabandiah.

Dengan kehendak Allah, pada hari Jumaat, 2 Julai 1971 pintu hayatnya tertutup dan seorang pujangga Melayu yang memberikan suatu jalan kepada kehidupan puisi moden meninggalkan kita untuk selama-lamanya (*Berita Minggu*, 11 Julai 1971). Setelah lama uzur kerana sakit tua, Muhammad Yasin menghembuskan nafas yang terakhir dalam usia 67 tahun 9 bulan 14 hari. Penyair A. Latiff Mohidin telah mengabadikan ingatan puitisnya kepada Muhammad Yasin dengan mencipta puisi yang berjudul "Bunga dan Balam dan Awan" yang tersiar dalam *Dewan Sastera*, Julai 1971:

### BUNGA DAN BALAM DAN AWAN

(dengan ingatan puitis kepada  
Allahyarham Pak Yasin Maamor)

1

taulah kami  
mengapa kami hari ini  
tiba-tiba melihat kaki-kaki hujan  
miring  
    satu  
        satu  
            di ujung rumput  
dan lalang-lalang keperakan  
bongkok oleh beratnya hujan  
dan angin yang tiba-tiba hening  
di pipi di kening  
    :kami:  
tunduk tafakur  
    menganangmu  
taulah kami  
mengapa kami hari ini  
tiba-tiba melihat 40 debaran kepak  
burung balam  
miring  
    satu  
        satu  
            ke bahu gunung  
dan dada-dada keputihan  
bongkok oleh derasnya kepak

dan nada yang tiba-tiba bening  
 di pipi di kening  
 :kami:  
 tunduk tafakur  
 mengenangmu

2

37 tahun dahulu  
 kau buka pintu  
 dengan tangan tergetar  
 dengan dada berdebar  
 dengan mata bersinar  
 melangkah lalu membongkok  
 di halaman  
 di panas terik tengah hari  
 menanam benih bunga  
 tak dikenal  
 dan orang yang melihatmu  
 bertanya dan bertanya  
 apa namanya?  
 bagaimana baunya?  
 tapi kau terus membongkok  
 di panas terik tengah hari  
 dan tersenyum

kemudian  
 melihat bunga itu  
 mulai subur dari pintu  
 kau melangkah ke belakang rumah  
 sebentar-sebentar melihat jua  
 ke halaman  
 sambil membelai rambut anak-anak  
 dan kepak burung balam  
 sambil memberi siulan baru  
 pada lidah mereka  
 'berlagulah kamu  
 dengan lagu baru bernama sajak  
 berlagulah  
 anak-anakku yang kecil dan pemalu

buka dadamu dan nyaringkan suaramu  
dan menarilah dengan lagu itu'  
sambil membelai rambut anak-anak  
dan kepak burung balam  
kau berdiri dengan dada yang penuh  
sebentar-sebentar melihat jua  
ke halaman melihat jua  
ke awan yang sekarang berderetan  
putih bak dada burung balammu  
dan kelopak-kelopak bungamu  
dengan tangan tergetar  
dengan dada berdebar  
dengan mata bersinar  
kau telah memberi dan merakamkan  
satu siulan baru  
pada alammu

3

hari ini  
37 tahun kemudian  
bunga yang kautanam telah subur membiak  
dengan seribu bentuk dan warna  
telah penuh pula halamanmu  
barangkali kau tidak menyangka  
akan begini jadinya  
tetapi  
malam ini  
37 tahun kemudian  
kau berdiri sekali lagi  
lalu melangkah buat ke akhir kali  
ke sangkar burung balammu  
dengan tangan dada dan mata itu jua  
membuka pintunya satu  
satu  
ke ujung malam  
sambil melihat jua ke langit  
ke awan yang semakin pekat  
sambil melihat jua ke halaman  
ke bunga yang semakin sarat  
kau berdiri sekali lagi dan tidak melangkah lagi

kerana hujan mulai turun  
 dengan lebat  
 dan di sana  
 di bahu gunung  
 berkilatlah putih  
 dada burung-burung balmu  
 meninggalkan ujung rumput  
 dan lalang yang kini  
 terasa panas dan dingin sekali  
 di ujung jari kakimu

4

taulah kami  
 mengapa kami hari ini  
 tiba-tiba melihat keping-keping fotomu  
 miring  
 satu  
 satu  
 ke ujung album  
 dan sajak-sajakmu  
 bongkok oleh terharunya kata  
 dan dakwat yang tiba-tiba kuning  
 di pipi di kening  
 :kami:  
 tunduk tafakur  
 mengenangmu  
 amin

*Beranang-Kuala Lumpur*



## BAB DUA

# Pengalaman, Sikap dan Pemikiran

MUHAMMAD YASIN MAAMOR dikenal dan disanjung oleh para pengkaji dan peminat sastera sebagai pelopor puisi moden di Malaysia (*Dewan Sastera*, Oktober 1970:48–51). Sikap dan pandangannya dapat diikuti melalui hasil kreatifnya dalam jangka waktu sekitar 20 tahun. Perkembangan ini boleh diselarikan melalui pengalaman-pengalamannya semasa zaman kanak-kanak sehinggalah beliau berhenti berkarya.

Perkembangan sikap dan pemikiran Muhammad Yasin dapat dibahagikan mengikut tahap kehidupannya ke dalam tiga zaman. Pertama, zaman kanak-kanaknya iaitu semasa beliau bersekolah Melayu; kedua, zaman remaja, iaitu ketika menjadi penuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak dan ketiga, zaman dewasanya, iaitu ketika berkhidmat sebagai guru di beberapa sekolah di Selangor. Melalui carta di bawah dapat dilihat karya-karya yang mengambil latar belakang ketiga-tiga zamannya.

### Sikap dan Pandangan Pengarang dalam Sajak dan Cerpennya Mengikut Tahap/Zamannya

Sajak	Cerpen	Novel	Tahap/Zaman
1. "Ibuku"	1. "Bermain di Perigi Beracun"	1. <i>Suka dan Duka</i>	Kanak-kanak
2. "Oh Tuhan"	2. "Bukan Emas"		Kanak-kanak
3. "Pujukan Hati"	3. "Tawarikh yang Menyedihkan"		Kanak-kanak

PENGALAMAN, SIKAP DAN PEMIKIRAN

Sajak	Cerpen	Novel	Tahap/Zaman
4. "Selalu Merayu"			Kanak-kanak
5. "Sesat di Hutan Kerana Merajuk"			Kanak-kanak
6. "Jangan Pedulikan Susah"			Kanak-kanak
7. "Tanpa Nama"			Kanak-kanak
1. "Keluh-Kesah"	1. "Tanggung Muda"	1. <i>Suka dan Duka</i>	Remaja/Belia
2. "Tak Disangka"	2. "Persabungan Muda"		Remaja/Belia
3. "Waktu Senjakala"	3. "Bukan Pertemuan"		Remaja/Belia
4. "Taman Perasaan"	4. "Asyik Maksyuk Sutan Alam"		Remaja/Belia
5. "Adinda Sayang"	5. "Nasib Moden Si Comel"		Remaja/Belia
6. "Siti Dara"	6. "Di Bawah Lindungan Cinta"		Remaja/Belia
	7. "Berulam Jantung"		Remaja/Belia
	8. "Pencari Hati Lelaki"		Remaja/Belia
1. "Di Tengah Segara"	1. "Beralun-alun dan Berbuai-buai dalam Cinta Asmara"	1. <i>Suka dan Duka</i>	Dewasa
2. "Indahnya"	2. "Kecewa"		Dewasa

Sajak	Cerpen	Novel	Tahap/Zaman
3. "Merdeka ... Merdeka ... Merdeka!"	3. "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka"		Dewasa
4. "Nasihatnya Wang"	4. "Membuka Kampung Baru di Tanjung Karang"		Dewasa
5. "Tanpa Nama"	5. "Oh Kasihku Tak Kering oleh Panas, Tak Basah oleh Air"		Dewasa
6. "Wahai Dayang dan Dara"	6. "Ombak Perasaan"		Dewasa
	7. "Pengaruh Sutan Alam"		Dewasa
	8. "Polis dan Mata-mata Gelap"		Dewasa
	9. "Nasib Pengarang Muda"		Dewasa

Tahap-tahap perkembangan yang berlaku ke atas dirinya banyak mempengaruhi bentuk, sikap dan pandangan Muhammad Yasin dan hal ini jelas terpancar menerusi karya-karya kreatif yang dihasilkannya.

Pada peringkat awal sejarah hidupnya, Muhammad Yasin ialah anak yang dahagakan kasih sayang seorang bapa. Beliau dibesarkan oleh ibu yang berhati waja bersama-sama lapan orang adik-beradiknya yang lain dalam keadaan yang serba kekurangan. Bapanya, Maamor meninggal dunia semasa anak-anaknya masih kecil lagi.

Dalam suasana kehidupan bandar yang hiruk-pikuk inilah Muhammad Yasin dibesarkan dan seterusnya disekolahkan. Keadaan dan suasana persekitarannya begitu mencabar. Ketika itu, iaitu dalam lingkungan tahun-tahun 1915 hingga 1920, orang-orang Melayu masih belum sedar terhadap kepentingan pendidikan dan pelajaran, khususnya persekolahan anak-anak, apalagi

bagi kebanyakan keluarga Melayu kelas bawahan, seperti keluarga Muhammad Yasin.

Orang Melayu ketika itu berasa rendah diri dan menganggap semua pengaruh moden buruk belaka (Abdul Manaf Jaafar, 1970). Muhammad Yasin telah membidas pandangan dan sikap masyarakat Melayu yang demikian, termasuklah juga pandangan negatif sesetengah golongan terhadap usaha menyekolahkan anak-anak. Cerpennya yang berjudul "Bukan Emas" jelas memperlihatkan sikap dan pandangan tegasnya terhadap soal tersebut.

Kesedaran pendidikan pada zaman itu hanya di kalangan keluarga Melayu peringkat menengah dan atasan. Mereka kebanyakannya anak bangsawan dan pegawai kerajaan. Mereka bersekolah Inggeris dan bukannya bersekolah Melayu. Namun demikian, keluarga Muhammad Yasin berusaha mengubah tradisi dan pandangan masyarakat ketika itu. Ibu dan abang-abangnya mempunyai pandangan yang amat berbeza sama sekali. Mereka menganggap persekolahan anak-anak adalah mustahak dan keluarganya menyedari betapa bergunanya pendidikan demikian. Kesedaran begitu timbul mungkin disebabkan situasi keluarganya yang tinggal di tengah-tengah bandar yang penuh dengan cabaran. Barangkali cabaran-cabaran inilah yang terpaksa dihadapi bersama hidup yang payah. Atas kesedaran itulah Muhammad Yasin disekolahkan di Sekolah Melayu Petaling.

Muhammad Yasin sendiri menerima keadaan itu dengan hati yang terbuka. Beliau berasa seolah-olah dirinya dihargai oleh seluruh keluarganya. Malah, beliau sendiri mempunyai tekad yang teguh untuk meningkatkan dirinya serta berjuang bagi masa depan keluarganya. Muhammad Yasin sedar, hanya dengan ilmu pengetahuan seseorang itu akan hidup senang dan berjaya. Beliau juga sedar pengorbanan ibunya begitu luhur. Jasa ibunya tetap dikenang dan disanjung sampai ke akhir hayatnya.

Menerusi puisi yang berjudul "Ibuku" Muhammad Yasin mencurahkan rasa hati terhadap jasa ibu yang membesarkannya. Antara lain dia menggoreskan dalam bait-bait puisinya:

- Hai azabnya bonda mengasuh beta  
 Makan minum sekalian dicega  
 Penyelamatkan anak kan jadi manusia.  
 Itulah ibu terus berkata:  
 Lindungan ibu sebagai mega  
 Lelahan ibu hilang upaya.

(*Majalah Guru*, Mac 1934)

Selain puisi "Ibuku", sebuah lagi puisinya yang tidak berjudul juga menjelaskan pandangan simpatinya terhadap jasa dan bakti seorang ibu yang gigih. Antara lain Muhammad Yasin menuliskan begini:

Bukan tak arif pemandanganmu, oh ibu!  
 Bukan tak tahu isyaratmu, oh bonda!  
 Sungguhnya hamba maklum dan merasa  
 Ibuku merana berhari raya,  
 Bukan tak terasa dek hausmu oh ibu!  
 Bukan tak insaf dahagamu oh bonda!  
 Hamba berdoa pada Allah Yang Esa  
 Dicururkan rahmat ibuku diberi....

(*Majalah Guru, Mac 1938*)

Kasih ibu dibicarakan lagi dalam cerpennya berjudul "Tawarikh yang Menyedihkan". Cerpen ini menyentuh bagaimana seorang yang kasihkan anaknya sanggup meninggalkan bayi perempuannya di halaman rumah seorang haji yang kaya kerana kemelaratan hidupnya setelah diceraikan suaminya. Walaupun begitu kasih ibu terhadap anaknya yang bernama Maimon tetap utuh. Peristiwa seorang tua yang menceritakan kisah penderitaannya semasa berada di rumah sakit telah membuahkan kasih sayang Maimon terhadap ibunya. Dia mahu agar mayatnya dikebumikan di sebelah pusara ibunya. Ini mengingatkan kepada kepedihan yang dialami sendiri oleh Muhammad Yasin semasa kematian ayahnya. Justeru, beliau tidak mahu mensia-siakan harapan ibu dan abang-abang kandungannya. Sebagai usaha untuk membalas jasa baik mereka dan sekali gus untuk memenuhi azam yang tersemat di hatinya, Muhammad Yasin belajar dengan tekun dan membuktikan kemampuannya. Muhammad Yasin yakin kepada diri dan kebolehan-nya sendiri. Azamnya tebal. Semangat berjuang dalam pelajaran sentiasa berkobar-kobar di sanubarinya. Cita-citanya untuk mengejar ilmu bagi meletakkan dirinya setanding dengan mereka yang belajar di sekolah Inggeris dibuktikan.

Muhammad Yasin cuba menolak pandangan dan sikap negatif sesetengah orang Melayu ketika itu yang mengatakan bahawa kemiskinan dan kesusahan hidup menjadi penghalang kepada seseorang untuk mencapai kejayaan. Sesungguhnya, beliau berjaya membuktikan bahawa sikap dan pemikiran demikian tidak berasas sama sekali. Beliau sendiri yang hidup dalam kesempitan boleh maju dalam pelajaran kerana adanya kemahuan yang kuat

dalam diri serta usaha yang tidak kenal penat dan lelah.

Berlaku satu hal yang tidak terduga apabila abangnya, Ahmad Shah yang dahulunya begitu kuat mendorongnya untuk belajar, telah memberhentikan persekolahannya. Peristiwa yang berlaku secara mengejut dalam hidupnya telah menggores perasaan halusinya. Muhammad Yasin berasa seperti tertipu, malah beliau berasakan seolah-olah keinginan, keazaman dan cita-cita murninya selama ini telah direnggut. Muhammad Yasin mula menganggap abangnya bukan sahaja telah merampas segala keinginan dan keazamannya selama ini, malah telah membunuh minat dan cita-citanya. Beliau berasa sedih, benci, dan serba salah lalu bersikap dingin dan tidak mahu ambil peduli lagi terhadap persekolahan. Beliau cuba memujuk hati kecilnya agar mahu menerima kenyataan tersebut. Jauh dalam hatinya beliau seperti merayu-rayu agar abang dan ibunya memahami kehendak dan perasaannya. Dalam puisinya berjudul "Selalu Merayu" Muhammad Yasin merakamkan perasaan hatinya itu:

Ayuhai rindunya ....  
 Wahai sedihnya ....  
 Beta tanggungkan ....  
 Hati yang sayu ....  
 Kalbu yang pilu ....  
 Daku tangiskan ... daku angankan...!

(Majalah Guru, Mac 1934)

Abangnya, Ahmad Shah pula sibuk dengan kerjanya sebagai seorang penoreh getah di sebuah ladang di Beranang, Selangor dan tidak menghiraukan pelajaran adiknya lagi. Hal ini menambahkan lagi kekecewaan Muhammad Yasin, ibarat dahan tempat bergayut telah sekah. Muhammad Yasin terasa dirinya tersisih, dan akibatnya beliau seolah-olah kehilangan kepercayaan dan keyakinan diri. Segala kasih sayang, dorongan dan galakan daripada keluarga yang diharap-harapkannya selama ini, punah sama sekali.

Kini beliau mula berasa tidak pasti terhadap diri sendiri dan berasa tidak menentu terhadap nasib malangnya. Jiwanya dalam diam-diam mulai memberontak. Justeru itu minatnya untuk bersekolah menjadi dingin sama sekali. Walaupun begitu sikapnya, beliau tetap seorang anak yang patuh kepada orang tuanya. Beliau hanya memendam perasaan dan hanya mampu sekadar memujuk perasaan hatinya. Puisinya "Pujukan Hati" jelas memperlihatkan pandangan dan sikapnya ini:

Tenang, hatiku tenang!  
Tahankan tangis ratapmu  
Istimewa keluh-kesahmu,  
Membuat akalku tenggelam berenang!

Bersih otakku bersih!  
Usah dimimpi yang jauh masih  
Walaupun kata "Oh ... kasih!"  
Rosak jantungku pertemuan selisih.

(*Majalah Guru*, Mac 1934)

Muhammad Yasin mula terceburlah ke dalam pergaulan dengan budak-budak Kampung Beranang yang tidak bersekolah. Akhirnya beliau terjebak dengan keadaan persekitarannya. Bersama-sama teman sebaya di kampung itu, Muhammad Yasin mula terdedah kepada erti hidup yang bebas. Pergaulan yang tidak ada batasnya itu amat menyeronokkan, terutama bagi seorang remaja sepertinya ketika itu. Dalam masa dua tahun, iaitu pada tahun 1920 sehingga 1921, beliau cuba menghirup nikmat hidup remaja sebebaskan-bebasannya.

Pengalaman ini diterapkan oleh Muhammad Yasin dalam novelnya *Suka dan Duka* melalui watak Basir yang kecewa kerana tidak lagi dapat berkawan seakrab dahulu dengan Maimunah. Oleh itu Basir mencari jalan keluar. Beliau membuang diri ke dalam kumpulan budak-budak jahat dan sering tidak tidur di rumah. Jikalau balik ke rumah hanya setelah hari jauh malam. Namun, akhirnya Basir sedar bahawa tindakannya itu adalah satu tindakan yang sia-sia.

Pahit maung hidup remaja menjadikan Muhammad Yasin insaf dan beranggapan bahawa zaman muda janganlah dipersia-siakan. Nasihat ini diketengahkan dengan menyorot kehidupan muda-mudi yang terlalu inginkan kebebasan, sedangkan mereka sebenarnya belum bersedia menerimanya, seperti yang terjadi kepada Zaharah, Zahari, Syamsur dan Syamsir dalam cerpen "Bermain-main di Perigi Racun". Mereka ini ialah golongan muda yang lupa diri, asyik mengejar kebebasan yang disangkanya satu pembaharuan. Adat budaya bangsa sendiri dilemparkan jauh-jauh. Mereka hanyut dalam gelombang hawa nafsu dan akhirnya kebinasaanlah yang diperolehinya.

Bidasan dan kutukan Muhammad Yasin terhadap para remaja yang tidak mahu mendengar nasihat orang tua ini lahir daripada perasaan insaf terhadap perbuatannya masa lalu. Hal ini jelas memperlihatkan pengalaman pahitnya

sendiri semasa bergaul dengan kanak-kanak nakal. Cerpen ini banyak mengandungi sindiran yang tajam dan nasihat yang berguna. Apabila berhenti sekolah, beliau membuat kerja-kerja sambilan seperti menoreh getah di ladang atau bekerja di lombong-lombong bijih di Sungai Besi, Selangor.

Abangnya, Muhammad Kasim sedar sikap adik kesayangannya itu lalu berikhtiar mengembalikan minat dan azam adiknya. Dengan lembut dan belaian kasih mesra hati adiknya berjaya dilembutkan kembali. Cita-cita untuk menjadi orang yang berguna kembali subur dan barulah Muhammad Yasin menyedari keterlanjurannya selama ini. Puisinya "Sesat di Hutan Kerana Merajuk" mencerminkan kekesalan atas keterlanjurannya yang lalu. Tulisnya:

Hutan tegak rimba belantara  
 Tersesat aku seperti kera  
 Beruk dan napuh lari berkecempura  
 Melihatkan manusia berjalan melara.  
 Bila aku cuba berteriak  
 Bahananya jelas hutan bersorak  
 Jauh dan sayup gemuruhku berarak  
 Di tempat merbahaya binatang berselerak.

(*Majalah Guru*, Ogos 1936)

Antara puisi-puisinya yang mengisahkan pengalaman masa kecilnya ialah "Ibuku", "Oh Tuhan", "Pujukan Hati" dan "Sesat di Hutan Kerana Merajuk". Manakala menerusi cerpen-cerpen pula pengalaman zaman itu dapat dilihat melalui cerpen yang berjudul "Bukan Emas", "Bermain-main di Perigi Beracun" dan "Tawarikh yang Menyedihkan".

Kepintaran semula jadinya telah membuktikan beliau sebagai pelajar ulung. Dalam peperiksaan untuk memasuki MPSI, Tanjung Malim, Perak pada tahun itu, Muhammad Yasin diisytiharkan sebagai calon yang mendapat markah tertinggi di seluruh Tanah Melayu. Seluruh kaum keluarganya merayakan kejayaannya itu. Pada ketika itu untuk diterima masuk ke maktab perguruan bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi MPSI, Tanjung Malim.

Pada tahun 1929, Muhammad Yasin memasuki MPSI, Tanjung Malim, Perak dan di sinilah latar dan suasana kedua bermula bagi dunia penulisannya. Pengalamannya diadun dan dicanai dalam karya kreatifnya. Alangkah megahnya seorang anak yatim kerana telah dapat meletakkan dirinya sebaris dengan orang lain dari seluruh tanah air ketika itu. Pada mulanya beliau berasa agak kekok untuk menyesuaikan diri dengan suasana asrama dan pembela-



jaran di maktab tersebut. Sikap dan pandangannya jelas tergambar dalam puisinya "Tak Disangka-sangka":

Bila kusampai di tepi laut  
Hatiku menung menekan dagunya  
Menentang ombak menderu di pantai  
Ombak menyeru sedihku menyahut

"Apa diseru?" sedih bertanya,  
Gelombang menjawab, "Ia mengintai!"

(*Majalah Guru*, Mac 1934)

Sewaktu di MPSI, Muhammad Yasin terdedah seluas-luasnya dengan dunia ilmu pengetahuan. Ketika itu hanya maktab inilah menjadi gedung ilmu dan menara gading bagi orang Melayu. Sedangkan mengikut Gullick:

MPSI adalah tempat guru-guru dilatih supaya mempunyai pengetahuan dan kelayakan sesuai untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah Melayu. Tarafnya cuma sebagai sekolah menengah rendah sahaja, manakala sekolah rendah Melayu itu terbenam dalam konteks kekampungan, mempunyai tugas menjadikan seorang anak nelayan atau petani itu seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanya.

(J.M. Gullick, 1964:203)

Pengalamannya mengikuti kursus perguruan ini kemudiannya diceritakan kembali menerusi watak Maimon dalam cerpen "Tawarikh yang Menyedihkan". Seperti watak Maimon dalam cerpen tersebut, Muhammad Yasin mula merasai perubahan dalam dirinya. Pelajarannya semakin tinggi dan pelbagai pula. Ketekunan Maimon adalah ketekunan Muhammad Yasin sendiri.

Muhammad Yasin berhasrat mengubah hidupnya daripada kesengsaraan dan kemelaratan kepada hidup yang lebih mewah dan lumayan. Kehidupan yang penuh dengan disiplin dan tata tertib itu walaupun banyak mengasuhnya tetapi kadang-kadang terasa membelenggu dirinya pula. Tambahan pula waktu itu jiwa teruna mulai menguasai dirinya. Hal ini dinyatakan dalam puisinya "Waktu Senja":

Puteri bulan memancar pula  
Merataplah punggung di segenap rimba  
Menentang bulan cahaya cemerlang

Sedih hatiku sebagai tersula  
 Pilu dan ngilu bercampur hiba  
 Bilakah bertemu kekasih cemerlang  
 Ah! Nasibku Oh! Untungku  
 Ayuhal belahan nyawa, kekasihku  
 Di mana tuan duduk bertunggu  
 Serasa adik sama di sisiku  
 Jiwa terikat kaki terbelunggu.

(*Majalah Guru*, Julai 1935)

Pengalaman tinggal di asrama yang hanya dihuni oleh pemuda banyak memperkemas pandangan dan sikap serta pendiriannya sendiri, khususnya dalam menilai gelagat seorang lelaki apabila terpancangkan seorang perempuan. Dengan sinis beliau berjenaka dalam puisinya "Siti Dara":

Oh dara, oh Siti  
 Yang molek yang comel yang jinjang  
 Terlenggok, terlenggang lemah gemalai  
 Kutenung, kuperhati  
 Yang pesolek, yang mengotor, yang bujang  
 Bak lampin baru tersidai!

(*Majalah Guru*, Julai 1937)

Bagi Muhammad Yasin belajar bukanlah suatu perkara main-main. Justeru itu beliau bekerja sedaya mungkin untuk meraih kejayaan. Akhirnya tercapailah hasratnya apabila dalam peperiksaan, beliau lulus dengan cemerlang bagi setiap mata pelajaran yang diambilnya. Malah, Muhammad Yasin mencatat satu rekod baru dalam peperiksaan akhir kerana mendapat tempat pertama selama tiga tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1929, 1930 dan 1931.

Semasa berada di maktab inilah, Muhammad Yasin mengukir nama sebagai penulis. Di sini, beliau terdedah kepada berbagai-bagai bahan ilmu pengetahuan yang luas, di samping pengalaman hidup yang semakin bertambah. Sebagaimana orang lain juga Muhammad Yasin tidak dapat mengelakkan diri daripada dilamun cinta. Puisi "Adindaku Sayang", misalnya, adalah bukti yang memperlihatkan pengalaman orang muda yang diserang asmara.

Senyap sunyi bayu berpuput  
 Dinihari sejuk sampai ketika

Sebentar kubaring sekejap kuberlutut  
Asyikkan adik tidak berjangka.

(*Majalah Guru*, Julai 1936)

Menerusi puisi "Keluh-Kesah" pun sikap Muhammad Yasin sebagai anak muda yang sedang dilamun cinta dapat diikuti. Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Yasin sendiri sebagaimana yang diucapkan kepada A. Ghafar Ibrahim bahawa sajak ini lebih merupakan ratap tangisnya mengenangkan bangsanya yang tercicir di belakang. Beliau bimbang dan runsing melihat tanah airnya yang berada di dalam mulut singa penjajah (*Dewan Sastera*, Oktober 1980:49). Antara lain tulisnya:

Waktu senja burung terbang  
Waktu adinda bersedih cita  
Hancur lebur di kalbu abang  
Sedihkan adik panah dewata.  
Waktu dinihari malam yang sunyi  
Waktu kanak-kanak kehilangan ibu  
Abang meratap berbagai bunyi  
Merindu adik beryala di kalbu.

(*Majalah Guru*, Mac 1934)

Rindu, dendam, cinta, dan kasih sayang adalah permainan anak muda yang sedang dilamun asmara. Muhammad Yasin tidak ketinggalan merakamkan pandangan dan sikapnya terhadap cinta dan perasaan mudanya dalam cerpen-cerpennya. Dalam cerpen "Tanggungjawab Muda" misalnya mengisahkan cinta Jamal dengan Hafsah yang tidak diresmikan oleh kedua-dua ibu bapanya. Jamal terpaksa mengahwini gadis pilihan orang tuanya dan akhirnya perkahwinan itu tidak kekal.

Begitu juga dalam cerpennya "Asyik Masyuk Sutan Alam" yang menceritakan cinta tiga segi antara Pendekar Buyung dengan Zainab dan Sutan Alam. Sutan Alam yang berjaya menambat hati Zainab akhirnya terpikat dan menggoda pula Si Putih tunangan Panglima Haji. Muhammad Yasin menganggap cinta itu suci dan murni. Cinta bukan barang lukisan dan permainan yang boleh ditukar ganti dengan mudah.

Pengalamannya sebagai anak muda yang dilamun perasaan rindu, cinta dan kasih sayang boleh diikuti dalam puisi-puisinya seperti "Keluh-Kesah",

"Siti Dara", "Tak Disangka-sangka", "Waktu Senjakala", dan "Adindaku Sayang". Perasaan tersebut boleh diikuti juga menerusi cerpen-cerpennya seperti "Tanggungan Muda", "Asyik Maksyuk Sutan Alam", "Ajal", "Bukan Pertemuan", "Di Bawah Lindungan Cinta", "Nasib Moden Si Comel" dan sebagainya. Juga menerusi novelnya *Suka dan Duka*.

Keseronokan bercinta cuba digambarkan oleh Muhammad Yasin melalui babak-babak berahi, terutama dalam cerpen "Pengaruh Sutan Alam" dan "Beralun-alun dan Berbuai-buai dalam Cinta Asmara". Manakala dalam cerpennya yang berjudul "Kecewa" pula Muhammad Yasin cuba memperlihatkan kisah cinta tiga segi antara Ahmad, Hussin dan Zainab. Pengalaman zaman mudanya jelas dipaparkan melalui cerpennya ini.

Dalam cerpennya yang berjudul "Persambungan Ajal" pula beliau melukiskan erti kesucian perkahwinan dan cinta sejati. Salleh yang kehilangan kekasihnya Zaitun yang hendak dikahwini oleh ayah tirinya itu jatuh sakit kerana merana dan akhirnya meninggal dunia. Begitu juga dalam cerpennya "Bukan Pertemuan" yang menceritakan penderitaan Ahmad yang jatuh sakit kerana kekasihnya, Kamariah akan dinikahi oleh bapa kandungnya sendiri. Tidak lama setelah kematian Ahmad, Kamariah pula meninggal dunia.

Cerpen "Nasib Moden Si Comel" memuatkan sindiran dan kritikan tajam Muhammad Yasin kepada sikap setengah-setengah anak muda pada zamannya yang terlampau inginkan kebebasan, sedangkan kebebasan yang tidak ada batasan akhirnya menjerumuskan mereka sendiri ke dalam lembah kehinaan. Siti Comel, anak Sutan Beringin dan Siti Cantik yang bebas bergaul dengan Syamsir akhirnya mengandung tanpa nikah.

Walaupun fahaman-fahaman baru mula menyemarak dalam diri Muhammad Yasin ketika itu, namun ada juga nilai-nilai lama dan fahaman tradisi yang baik dilihat daripada perspektif akhlakinya. Baginya, tidak semua pengaruh moden sesuai dengan alam budaya masyarakat Melayu. Muhammad Yasin menyindir pemuda-pemuda Melayu pada ketika itu yang begitu mudah tergoda dengan wanita. Hanya dengan sekali senyum dan dapat peluang bercakap-cakap, cinta pandang pertamanya pun terus menjelma.

Cerpen "Di Bawah Lindungan Cinta" memperkatakan kemiskinan dan cinta luhur. Kisah putus cinta Syamsir terhadap Syamsiah akibat kemiskinan Syamsir untuk melamarnya telah menyebabkan keluarga Syamsiah menjodohkan Syamsiah dengan Abdullah Salas, pemuda terpelajar, hartawan dan kakak.

Selain itu dalam beberapa cerpen yang disebutkan terdahulu Muhammad

Yasin juga tidak lupa menyelitkan soal sikap dan pandangannya terhadap kerajaan British yang menjadi penjajah. Pengalamannya di MPSI menjadikan beliau semakin berani menyuarakan suara anti-British sebagai kuasa penjajah serta anti kepada bangsa-bangsa dagang dan kaum pendatang yang dianggapnya sebagai perompak dan penyamun kesenangan dan kesejahteraan rakyat di rantau ini.

Muhammad Yasin terlatih sebagai pendidik yang peka terhadap perkembangan sosial dan ekonomi bangsa. Justeru itu dalam novelnya *Suka dan Duka* beliau memperjelaskan sikapnya terhadap orang-orang Melayu moden yang maju dalam bidang perniagaan, malah ada antara mereka yang setanding dengan orang Cina tetapi membiarkan kaum pendatang membolot kesenangan dan keuntungan negeri sendiri.

Dalam zaman inilah, sebagai guru muda lepasan maktab yang hidup di tengah-tengah keributan kota, beliau banyak menimba pengalaman hidup yang menjadi latar belakang dalam novel *Suka dan Duka*. *Suka dan Duka* mengisi gambaran kehidupan bandar seperti Kuala Lumpur, Klang dan Medan. Jelas, novel tunggalnya ini merakamkan pengalamannya dalam kerjaya keguruannya.

Sebagai guru, beliau sering bertemu dan bergaul dengan orang-orang terpelajar, penulis, ahli politik, pegawai tinggi kerajaan dan masyarakat kampung serta guru-guru daripada pelbagai bangsa. Oleh yang demikian, banyak masalah masyarakat Melayu diketahuinya, termasuklah pelbagai masalah hidup di bandar.

Menerusi cerpen "Polis dan Mata-mata Gelap" pembaca dapat melihat sikap Muhammad Yasin terhadap jenayah. Cerpen ini mengisahkan seorang pemuda Melayu bernama Abdul Malik yang ditugaskan membasmi jenayah di Perak telah dituduh membunuh rakannya, Abdul Rahim kerana kematian Abdul Rahim ditikam dengan pisau kepunyaan Abdul Malik. Abdul Malik dipenjarakan tetapi berjaya melepaskan diri lalu menyamar sebagai ahli kongsi gelap. Dia berjaya mengesan pusat kumpulan jenayah terbesar di Perak. Dengan itu terhapuslah tuduhan yang mengatakan dia sebagai pembunuh Abdul Rahim. Menerusi cerpen ini juga memperlihatkan minat Muhammad Yasin tidak sahaja khusus kepada masalah masyarakat Melayu semata-mata, tetapi telah maju selangkah lagi ke hadapan, kerana persoalan jenayah merupakan persoalan masyarakat pelbagai bangsa di Tanah Melayu.

Sebagai guru muda, beliau juga berkeinginan untuk berumah tangga. Telah menjadi adat muda zaman moden ini, sebelum berkahwin perlu bercinta

terlebih dahulu. Begitulah pandangan Muhammad Yasin sendiri. Ini jelas dilihat dalam sebuah sajaknya yang tidak berjudul:

Bukan tak terdengar ratapanmu, oh adinda!  
 Bukan tak terdengar keluhmu si buah hati  
 Sesungguhnya hamba mendengar dan mengerti  
 Menantikan masa hendak dipelawa  
 Bukan hamba tak rahim, oh adinda!  
 Bukan kakanda tak kasih si buah hati  
 Adikku dicinta sampai ke mati  
 Kuletak di dalam piala jiwa.

(*Majalah Guru*, Mac 1938)

Muhammad Yasin berpegang teguh kepada konsep perkahwinan mestilah atas dasar cinta sama cinta. Malah, dalam kehidupannya sendiri dia mengamalkan konsep ini. Safiah, isterinya yang pertama adalah pilihannya sendiri. Mereka sama-sama cinta-mencintai sebelum diadakan. Bagaimanapun takdir menentukan semua, rumah tangga yang dibina akhirnya runtuh juga.

Muhammad Yasin kemudiannya sedar bahawa rumah tangga yang dibina atas dasar cinta sahaja tidak akan kekal lama seperti yang terjadi dalam rumah tangganya. Dengan hati yang tenang beliau menerimanya walaupun jiwanya kecewa. Kekecewaan ini dapat dilihat dalam cerpennya yang berjudul, "Oh Kasihku, Tak Kering oleh Panas. Tak Basah oleh Air". Dalam cerpen ini dia menceritakan nasib malang yang dialami oleh sepasang teruna dara, Arfah dan Arifin apabila Arfah memilih Zainal sahabat Arifin, iaitu seorang inspektor polis sebagai suami. Arifin kecewa dan membawa diri tetapi rumah tangga Arfah dan Zainal retak dan berakhir dengan perceraian. Akhirnya Arifin berjaya mengambil bekas kekasihnya yang sudah menjanda menjadi isterinya.

Satu perkara lagi yang dibidas oleh Muhammad Yasin adalah tentang spekulasi materialistik kaum tua waktu itu. Hal ini dinyatakan dalam novel *Suka dan Duka*. Encik Mazrun mengahwinkan anaknya Kamariah dengan Basir tanpa cinta sama cinta melainkan kerana semata-mata mahu kekayaan mereka terkawal. Encik Akhir sedia menerima Haji Kantin menjadi menantunya kerana memandangkan kekayaan dan kealiman Haji Kantin. Kekayaan dan darjat kedudukan selalu dijadikan sebagai kriteria beristeri, sehinggakan orang tua nyanyuk sekalipun menggunakan peluang begini untuk beristeri lebih daripada satu. Selain itu, Muhammad Yasin juga semacam membakar bara dan semangat kaum supaya tampil dengan berani menyuarakan haknya dalam

memilih jodoh. Muhammad Yasin tidak sanggup melihat anak gadis menjadi mangsa perkahwinan yang menyebabkan mereka hidup dengan perasaan menderita.

Perpecahan dan keruntuhan rumah tangga yang terjadi dalam masyarakat banyak mengilhamkan Muhammad Yasin untuk menerapkan pengalaman pahitnya itu ke dalam karya-karyanya. Perceraian baginya adalah suatu perkara biasa. Ia merupakan asam garam dalam hidup berkeluarga. Walau bagaimanapun, kadang-kadang beliau menyesali juga sikap wanita yang terlampau materialistik. Dalam cerpennya "Bukan Emas" jelas sekali Muhammad Yasin mengkritik kaum wanita seumpama itu dengan menghukum mereka dengan sekejap-kejap hukuman sehingga digambarkan wanita yang sedemikian akhirnya menjadi anak dara tua sepanjang hayatnya.

Begitu juga dalam cerpen "Ombak Perasaan" yang menggambarkan sikapnya terhadap erti perkahwinan dan rumah tangga. Keretakan rumah tangga Zawiah yang sering dirundung malang itu mengingatkan kita kepada nasib malang rumah tangga Muhammad Yasin sendiri. Malah, dalam novel tunggalnya, *Suka dan Duka*, beliau menggambarkan keruntuhan rumah tangga Basir dengan Kamariah berpunca daripada kelalaian Kamariah menjalankan tugasnya sebagai suri rumah dengan sempurna.

Semasa mengajar di Beranang, Muhammad Yasin mula melibatkan diri dalam kegiatan politik. Sebagai warganegara dan anak peribumi Semenanjung Tanah Melayu yang asli, Muhammad Yasin berpendapat cinta terhadap tanah air lebih murni dan sejati daripada cinta terhadap seorang wanita. Sikap dan pandangannya itu jelas terlihat dalam puisinya yang berjudul "Indahnya":

Indahnya alam dijadikan Allah  
 Sungai laut asyik terdedah  
 Bukit gunung tinggi dan rendah  
 Mergastua unggas dan manusia  
 Kayu-kayan rumput-rumpai  
 Hijau, kuning, biru terampai  
 Udara angin berkisar bersepai  
 Manusia pahit tawar nikmat.  
 Walaupun demikian syukurnya beta  
 Dianugerah Tuhan raya dewata.

(*Majalah Guru*, Ogos 1936)

Dalam sajaknya yang pertama "Di Tengah Segara", memancarkan sikap

dan pandangannya terhadap rasa taat setia dan kecintaannya kepada tanah air. Beliau merasakan betapa kecewanya seorang rakyat mengenangkan nasib tanah airnya yang terjajah, yang seolah-olah merengek-rengok meminta dilepaskan daripada cengkaman penjajahan (*Dewan Sastera*, 1972:3), sebagaimana katanya:

Dalam gelombang hembur menghembur  
Kudengar seru sayup bahasa  
Hatiku lebur bagaikan hancur  
Hendak direnang beta tak bisa

(*Majalah Guru*, Disember 1938)

Manakala dalam cerpen yang berjudul "Membuka Kampung Baru di Tanjung Karang" memperlihatkan kritik Muhammad Yasin terhadap usaha orang-orang Melayu yang masih tidak menghormati atau tidak mahu berbakti kepada tanah yang jauh lebih menguntungkan. Pandangan dan kesedarannya terhadap usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi penduduk kampung, khususnya bangsa Melayu diutarakan dengan beraninya.

Muhammad Yasin secara sembunyi-sembunyi ikut sama dalam perjuangan Kesatuan Melayu Raya di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob. Walaupun penglibatannya tidak secara langsung, tetapi Muhammad Yasin banyak memberikan sumbangan yang berupa pandangan dan fikiran dalam tulisan-tulisannya. Tindak tanduknya itu rupa-rupanya tidak dapat disembunyikan dan akhirnya dapat dihidu juga oleh British.

Kebenciannya terhadap penjajah mula diluakannya melalui puisi-puisinya. Secara berani puisinya mula bersifat antipenjajah di samping menyuarakan hasrat kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu. Puisi yang berjudul "Merdeka ... Merdeka ... Merdeka ...", jelas memperlihatkan sikap dan pendiriannya itu.

Berkorbanlah dengan harta dan kekayaan  
Berkorbanlah dengan hati dan perasaan  
Berkorbanlah dengan jiwa dan kematian.  
45 tahun mendung hitam di angkasa  
Matahari gelap disaput mega  
Mendayu-dayu ombak di Selat Melaka  
Tergendong Gunung Tahan walau tinggi  
Kekeringan muara air tak memenuhi



Malang sial hamba Tanah Melayu diratapi  
Oh... Jadi hamba ditindas.

(Bingkisan Merdeka, Ogos 1957)

Selain puisi, cerpen-cerpennya juga membawa unsur-unsur politik dan semangat perjuangan bangsa Melayu. Menerusi cerpennya berjudul "Nasib Pengarang Muda" misalnya, terpancar dengan jelas dan terang sikap dan pandangan Muhammad Yasin terhadap malapetaka yang akan dihadapi oleh sesiapa sahaja yang cuba menentang penjajah. Sebagai teladan lihat sahaja nasib Ajmain, pengarang muda yang berani membidas penjajah itu akhirnya ditangkap dan dibuang negeri ke Hong Kong selama sepuluh tahun. Kekentalan hati Ajmain yang dalam buangan itu menggambarkan bibit-bibit semangat nasionalisme yang mula bercambah dan membiak di kalangan anak watan amnya dan di hati Muhammad Yasin sendiri khasnya.

Selain itu, cerpen "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" juga memperlihatkan sikap kesetiaan, kegagahan dan keberanian perajurit Melaka pada zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka. Nostalgia begini adalah usaha mengembalikan kepercayaan orang Melayu dalam perjuangan menentang kaum penjajah melalui gerakan semangat nasionalisme yang sudah pun bermula. Muhammad Yasin mengharapkan kegagahan dan keberanian perajurit Melayu masa lampau dapat bertapak di hati anak-anak Melayu zamannya.

Pandangan dan pemikirannya terhadap pendidikan bahasa, sastera dan budaya Melayu dengan jelas dan lantang disuarakan menerusi rencana-rencana yang dihasilkannya.

Sebagai guru yang ingin melihat kejayaan, Muhammad Yasin menyeru guru-guru sekolah Melayu agar memberikan galakan kepada murid-muridnya dalam perkara kraftangan seperti membuat barang-barang daripada rotan, membatik, membuat periuk belanga dan membaiki kerosakan-kerosakan kecil di sekolah. Murid-murid Melayu wajib didedahkan kepada kemahiran-kemahiran hidup ini. Dengan itu murid-murid itu nanti boleh berdikari. Selain itu, beliau berpendapat bahawa taman asuhan kanak-kanak juga perlu diwujudkan sebagaimana *Froebel School* yang ada ketika itu.

Bagi mempertingkat lagi kemajuan pelajaran anak-anak Melayu di sekolah Melayu, Muhammad Yasin berpendapat agar semua guru Melayu bersikap tegas dan keras dengan disiplin sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah Inggeris. Para ibu bapa pula diharapkan dapat mengambil

bahagian secara lebih aktif dalam pembelajaran anak-anak mereka. Beliau menyarankan agar mereka itu dapat menyusun jadual belajar anak-anaknya di rumah.

Untuk mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan bacaan di kutub-khanah sekolah-sekolah Melayu pula, beliau mengesyorkan supaya Persekutuan Guru-guru Melayu di peringkat negeri berusaha menyediakan bahan-bahan bacaan. Seelok-eloknya, bagi setiap bilik darjah di semua sekolah rendah diberikan kemudahan ini. Bahan bacaan itu kemudian hendaklah dihantar ke setiap negeri satu salinan untuk disemak dan dinilai. Hanya bahan-bahan yang baik dan bermutu sahaja yang akan diselaraskan untuk dihantar ke percetakan Pejabat Karang Mengarang MPSI Tanjung Malim. Di samping itu sebagai penganut Islam, Muhammad Yasin mengingatkan guru-guru Melayu agar melengkapkan diri dengan pelajaran agama Islam. Segala pandangannya ini termuat dalam rencananya yang berjudul "Murid-murid Sekolah Melayu dengan Pelajaran di Rumahnya" yang tersiar dalam *Majalah Guru*, November 1936.

Tentang bahasa Melayu pula, Muhammad Yasin memberikan pendapatnya dengan menyatakan bahawa bahasa Melayu itu penting bagi anak-anak Melayu. Mereka wajib mengetahui bentuk pusaka turunan bangsanya dan mereka inilah yang diharapkan untuk menterjemahkan segala ilmu pengetahuan asing ke dalam bahasa Melayu agar dapat dinikmati oleh semua anak Melayu. Bagi beliau, bahasa Melayu ialah bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Melayu di sekitar alam Melayu. Beliau secara peribadi tidak menyekat penggunaan bahasa Indonesia ke dalam bahasa Melayu kerana tiga perempat daripada orang-orang Melayu di sini dari Indonesia.

Dengan tegas dan berani dia memberikan pandangan terhadap usaha mengambil terus istilah-istilah Inggeris untuk perkataan yang tidak ada dalam bahasa Melayu. Baginya dalam soal begini kita tidak boleh malu kerana bahasa Inggeris yang maju itu pun meminjam daripada bahasa-bahasa lain juga. Pandangan ini dapat diikuti menerusi rencana yang berjudul "Bahasa Melayu" yang disiarkan dalam *Majalah Guru*, Mei 1933. Menurut beliau lagi, dalam perkembangan bahasa Melayu itu sendiri pun penuh dengan kata-kata pinjaman daripada bahasa-bahasa Portugis, Sanskrit, Belanda, Cina, Arab, Parsi dan sebagainya. Dengan memakai dan meminjam bahasa asing akan lebih cepat memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Dalam masalah bahasa, sikap Muhammad Yasin begitu tegas, berani dan terbuka sekali. Beliau dengan ikhlas dan jujur mahu melihat perkem-

bangsan dan kemajuan bahasanya setanding dengan bahasa-bahasa dunia yang lain. Antara lain beliau menyebutkan bahawa kita boleh mencipta bahasa sendiri tanpa meminjam, tetapi orang ramai tidak boleh dipaksa menerimanya. Di sini kita dapati betapa terkedepannya fikiran dan visi Muhammad Yasin tentang soal memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang hidup dan berkembang maju.

Bagi kemajuan kaum wanita pula, beliau berpandangan jauh dan yakin dengan bilangan anak perempuan yang belajar di sekolah-sekolah ketika itu kian meningkat. Ini menunjukkan satu kepesatan kemajuan bagi kaum wanita. Muhammad Yasin mengingatkan masyarakat supaya jangan sekali-kali memandang rendah terhadap kaum wanita. Sebaliknya mereka ini hendaklah dihormati kerana lazimnya kecantikan wanita juga sering dipuja oleh pihak lelaki. Kepada kaum wanita, beliau mengingatkan hanya dengan memiliki pelajaran yang tinggi dalam apa juga bidang, akan menaikkan imej mereka sendiri.

Menyentuh keadaan bangsa asing di Tanah Melayu dan hubungan antara kaum, dengan tegas dan lantang Muhammad Yasin menyuarakan dalam rencana yang berjudul "Jawapan yang Lebih Baik kepada Peranakan". Dalam esei ini, Muhammad Yasin berasa jijik dan meluat dengan sikap orang Cina waktu itu yang mula membuat tuntutan-tuntutan hak mereka di negara ini. Justeru itu, beliau mengingatkan bangsa Melayu supaya tidak lalai untuk menyaingi orang Cina yang baru datang itu. Muhammad Yasin menganggap suara tuntutan orang-orang Cina ini melampaui batas dan membahayakan. Disebabkan mereka menguasai ekonomi negeri ini, mereka menyangka mereka sudah wajar mendapat hak yang sama. Bagi kaum-kaum pendatang lain, tidak pula demikian lagaknya.

Dengan tegas Muhammad Yasin menyatakan, "... pada pandangan kita perbahasan seperti ini tidak akan berkesudahan bahkan akan turun-temurun menjadi pusaka kepada anak-anak cucu peranakan yang bukan Melayu dan bukan Islam itu. Maka sekiranya tidak cermat antara kedua-dua belah pihak menjalankan perbahasan itu, bolehlah pula pada suatu masa akan membawa kepada pertempuran yang tidak baik" (*Majalah Guru*, 1933:3). Muhammad Yasin sudah dapat menghidu dan kerana itu mula menunjukkan rasa curiganya terhadap tuntutan kaum pendatang di Tanah Melayu ini kira-kira 55 tahun yang lalu. Apa yang dibimbangkan dan dicurigakan oleh Muhammad Yasin terjadi juga 36 tahun kemudiannya. Ini adalah antara bukti betapa jauhnya pandangan Muhammad Yasin terhadap masalah pendatang asing ini.

Selain itu, dalam satu rencana yang berjudul "Suara Islam dalam Persyarikatan Bangsa-bangsa" (*Bingkisan Merdeka*, 1957:78–80), Muhammad Yasin telah membenarkan perangkaannya, bahawa lebih daripada 250 juta umat Islam telah pun menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu sebelum tahun 1957, namun umat Islam di serata dunia masih mundur ketika itu. Antara lain Muhammad Yasin memberikan sebab bahawa mereka itu sengaja mengabaikan hukum Allah dan kehendak Islam yang sebenar-benarnya. Harapan beliau agar umat Islam menyedari hal ini dan secara serius bertindak mengisi kekosongan tersebut sehingga dapat melahirkan khalifah-khalifah Islam baru yang berupaya memerintah dan mentadbirkan negara-negara Islam di seluruh dunia.

Tentang pembangunan sosioekonomi orang-orang Melayu, Muhammad Yasin pernah menyarankan supaya jawatankuasa-jawatankuasa kampung memainkan peranan dan pengaruhnya untuk menggalakkan bangsa Melayu berniaga. Beliau menyeru murid-murid lepasan sekolah Melayu berniaga di pasar-pasar minggu bagi mengelakkan mereka menganggur ataupun duduk di kedai-kedai kopi sahaja.

Dalam rencananya yang berjudul "Berapa Rahsia Perniagaan", Muhammad Yasin cuba membongkar rahsia kejayaan peniaga-peniaga Cina. Antaranya dipaparkan tentang tipu muslihat pendatang yang cuba berbaik-baik dengan orang-orang Melayu kampung. Sebenarnya mereka bertujuan hendak mendirikan kedai sehinggalah mereka dapat menetap dan yang penting memiliki tanah di situ. Menurut beliau, peniaga-peniaga Cina ini dapat mengaut untung kerana memonopoli dan menjual hasil serta barang-barang kampung.

Bagi mengatasi hal ini, Muhammad Yasin menyeru supaya orang-orang Melayu kampung menubuhkan syarikat kerjasama. Justeru itu, beliau menyifatkan pendatang asing itu sebagai lintah darat yang sentiasa menghisap darah orang-orang kampung, khasnya orang-orang Melayu. Di sini jelas sekali sikap beliau yang anti terhadap bangsa-bangsa asing dan kaum pedagang luar. Baginya bangsa yang mendatang inilah yang menjadi punca serta mengakibatkan ekonomi orang-orang Melayu kian merosot dan kehidupan orang Melayu terhimpit dan tersepit.

Dalam menimba ilmu pengetahuan, Muhammad Yasin menganggap akhbar merupakan alat penting dan dapat membantu meningkatkan orang-orang Melayu daripada melakukan kesalahan-kesalahan secara berterusan. Dengan kata lain, beliau yakin akhbar dapat dijadikan media untuk mengajar bangsanya supaya bangun dan berusaha. Baginya akhbarlah pembela nasib

bangsa. Beliau yang menjelaskan mengapa banyak akhbar Melayu yang cepat ditutup dan mati. Antara sebab utamanya, kandungan akhbar-akhbar tersebut tidak dipelbagaikan. Akhbar-akhbar yang sempit ruang lingkungnya hanya menjadi kegemaran satu-satu golongan sahaja. Seharusnya selera pelbagai golongan harus dijaga dan dipelihara.

Dalam rencananya yang berjudul "Kepada Segala Pengarang Surat Khabar Melayu" (*Majalah Guru*, Julai 1934), Muhammad Yasin menyeru agar pengarang-pengarang Melayu jangan suka mencedok hasil karangan orang lain, kemudian mengaku sebagai hasil ciptaan sendiri. Beliau cuba menasihatkan pengarang-pengarang Melayu supaya tidak terlalu ghairah mengutuk dan mencerca satu-satu golongan manusia. Sikap begini hendaklah dihindari dan dihentikan segera. Satu lagi nasihatnya agar akhbar-akhbar mesti berani mengeluarkan rencana yang boleh menggemparkan masyarakat umum. Oleh itu, pengarang-pengarang haruslah peka dan dapat menggambarkan kembali perasaan hiba, marah, sedih, tenang dan sebagainya ke dalam tulisan-tulisan mereka. Jika mereka berjaya mencuit perasaan pembaca umum, bererti mereka sudah merupakan pengarang yang berjaya.

Sebagai pengarang dan sekali gus penulis, Muhammad Yasin peka terhadap hal ehwal semasa dan juga sejarah tanah airnya. Beliau menganggap *Sejarah Melayu* dapat menggambarkan masyarakat Melayu lama dari segi kemasyarakatan, perhubungan, politik, adat istiadat, idea, dan pandangan serta tatasusila dan kesetiaan rakyat zaman itu. Ini menggambarkan keagungan zaman kerajaan Melayu waktu itu yang boleh dianggap sebagai ketamadunan bangsa Melayu.

Kesedaran terhadap sejarah kegemilangan bangsa dan negara membuatkan Muhammad Yasin kadang-kadang berasa sedih dan sesekali meluap-luap semangat kesedarannya untuk mendapatkan kemerdekaan. Manakala *Hikayat Abdullah* pula dianggap oleh Muhammad Yasin sebagai suatu kritik yang amat berfaedah dan membina. Malah, peranannya sama seperti yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Melayu dalam waktunya. Jelas di sini bahawa Muhammad Yasin begitu menyanjung tinggi khazanah sastera bangsa.

Dalam sebuah rencananya yang berjudul "Kemajuan Siapa yang Patut Ditiru?" (*Majalah Guru*, Disember 1932), Muhammad Yasin mengkritik orang-orang yang antitamadun Barat yang kononnya dianggap akan merosakkan kemajuan semata-mata. Beliau menegaskan bahawa sebenarnya sekarang ini terlalu banyak tamadun Barat yang telah kita terima dengan baik, terutama dalam hal-hal pendidikan, berpakaian dan pentadbiran. Sesuatu bangsa itu

tidak akan maju sekiranya tidak ada unsur tiru-meniru. Meniru kemajuan bukanlah bermakna meniru kejahatan. Hanya dalam perkara-perkara yang membawa kebaikan sahaja yang harus dicontohi dan diteladani.

Menyentuh tentang kerosakan budi bahasa yang terjadi di kalangan anak Melayu zamannya, Muhammad Yasin sekali lagi menegaskan bahawa semua ini disebabkan pengaruh bangsa pendatang yang dianggapnya sememangnya kasar dan tidak beradab sopan. Selain itu, beliau juga menulis tentang hal-hal kebudayaan luar negeri seperti rencana yang berjudul "Adat Perkahwinan di Negeri China", "Adat Menguburkan Mayat di Negeri China", "Bunyi-bunyian Cina", dan "Adat Perkahwinan di Sulawesi Selatan". Ini membuktikan begitu luas pembacaan dan pengetahuan amnya di samping mempunyai minat dalam berbagai-bagai hal yang berhubung adat serta kebudayaan.

Menerusi cerpen, novel, puisi, dan rencananya, memperjelaskan kepada kita bahawa Muhammad Yasin ialah tokoh budayawan yang tidak ingin melihat perpecahan di kalangan bangsa Melayu. Beliau sedia menerima pengaruh moden yang membawa kebaikan dan tetap menentang pengaruh-pengaruh moden Barat yang mendatangkan keburukan. Beliau mempunyai pemikiran yang luas dan terbuka terhadap kemajuan dan perkembangan bahasa dan bangsa Melayu. Beliau juga menggalakkan kemajuan dari segi pelajaran dan kemodenan yang baik kepada kaum-kaum wanita.

Muhammad Yasin seperti juga pengarang-pengarang sezamannya mengemukakan teori ekonomi yang berdasarkan pandangan dan pemikirannya semata-mata untuk memajukan orang-orang Melayu supaya setanding dengan kaum-kaum lain. Pada keseluruhannya terdapat satu persamaan tentang tujuan penulis-penulis zaman permulaan itu iaitu nasihat. Baik dalam apa bentuk, corak dan isinya, nasihat tetap menjadi faktor utama bagi pengarang masa itu. Disebabkan terlampau mementingkan nasihat, hingga menjadikan karya-karya mereka lemah dan dirasakan pengarangnya berkhotbah dan merayu-rayu sehingga lupa akan dirinya dan kerap kali beliau menghadirkan dirinya dalam rencananya sebagai guru (*Dewan Bahasa*, Januari 1967).

Oleh sebab tulisan-tulisan Muhammad Yasin menjelang pertengahan dekad 1930-an agak tajam dan pada awal dekad 1940-an terdapatnya beberapa bukti daripada kegiatannya yang menyokong MPAJA, menyebabkan beliau dicap sebagai penghasut dan pengacau keamanan negara. Justeru itu, pada tahun 1947 beliau ditahan kerana didapati terlibat secara langsung dalam usaha-usaha menentang penjajah yang disarankan oleh MPAJA itu.

Selepas keluar daripada tahanan, beliau tidak lagi cergas dalam segala macam pertubuhan, termasuk pertubuhan guru-guru dan juga pertubuhan politik. Sebenarnya beliau berasa begitu tersinggung dan kecil hati sebab semasa beliau meringkuk di dalam tahanan, tidak ada sesiapa mepedulikannya dan tampil membuat sebarang pembelaan baik daripada orang perseorangan mahupun daripada ahli-ahli pertubuhan yang pernah dipimpinya dahulu (Abdul Manaf Jaafar, 1970).

Apabila Semenanjung Tanah Melayu hendak mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, Muhammad Yasin berasa bangga dan berbesar hati. Perjuangannya selama ini seolah-olah telah membuahkan kejayaan. Justeru itu lahirlah puisi yang berjudul "Merdeka ... Merdeka ... Merdeka ..." (*Bingkisan Merdeka*, 1957). Dalam puisi ini nyata betapa gembira dan syukurnya perasaannya apabila mendapati negara dan bangsanya telah bebas daripada cengkaman penjajah. Sebagaimana tulisannya:

Berkorbanlah dengan harta dan kekayaan  
 Berkorbanlah dengan hati dan perasaan  
 Berkorbanlah dengan jiwa dan kematian  
 446 tahun mendung hitam di angkasa  
 Matahari gelap disaput mega  
 Mendayu-dayu ombak di Selat Melaka  
 Tergendung Gunung Tahan walau tinggi  
 Kekeringan muara air tak memenuhi  
 Malang sial hamba Tanah Melayu diratapi  
 Oh ... jadi hamba ditindasi....

Syukur bergerak mendung hitam di kaki langit  
 Memancarlah Sang Suria di angkasa tinggi  
 Membangunkan ombak di Selat Melaka  
 Megah Gunung Tahan pasak sakti  
 Membuaklah muara sungai air memenuhi  
 Dirgahayu, bahagia, berdaulat Tanah Melayu yang  
 dicintai;

Merdeka ... Merdeka ... Merdeka....

## BAB TIGA

# Perbincangan Karya

DALAM perkembangan penulisan kreatifnya sejak 1931–40, Muhammad Yasin menghasilkan sebuah novel, *Suka dan Duka*, 20 buah cerpen dan kira-kira 20 buah puisi. Walaupun Muhammad Yasin lebih terkenal sebagai pelopor puisi Melayu moden, namun beliau lebih berhasrat menceburkan diri dalam bidang penulisan novel. Akhirnya lahirlah satu-satunya novel yang berjudul *Suka dan Duka*. Novel ini ditulis semasa beliau menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan hanya dapat diselesaikannya pada tahun 1931 serta dicetak oleh Muhammad Ali Rawa Press, Pulau Pinang setahun kemudiannya.

### Novel *Suka dan Duka*

Novel ini mengandungi 120 halaman bercetak dalam huruf Jawi. Oleh sebab Muhammad Yasin sendiri mengaku bahawa beliau banyak membaca karya sastera Indonesia, maka tidak syak lagi tema percintaan dan kahwin paksa menjadi ikutannya. Waktu itu Balai Pustaka, Indonesia juga giat menerbitkan novel-novel yang bertemakan demikian.

Novel ini mengisahkan watak utamanya, Basir anak orang kaya, Encik Syamsuddin yang tinggal di Batu Tiga, Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Suatu hari ibu Maimunah datang memulangkan cincin Basir yang dipinjamnya. Dalam perbualan itu, Basir telah bergurau mengatakan simpanlah cincin itu sebagai tanda pertunangannya dengan Maimunah.

Selepas tamat sekolah Melayu, Basir melanjutkan pelajarannya ke Victoria Institution. Basir mengenali Maimunah melalui perhubungan keluarga. Maimunah pula bersekolah di Methodist Girls School di Kuala Lumpur. Keduanya sama-sama membesar dan remaja. Malangnya, Maimunah yang baru



berusia 15 tahun itu terpaksa diberhentikan sekolah oleh orang tuanya dan dimasukkan belajar ke sekolah agama. Sedangkan Basir terus bersekolah hingga lulus peperiksaan Senior Cambridge.

Pada masa yang sama bapa saudara Basir dari Medan datang berkunjung menemui abangnya, Encik Shamsuddin. Kedua-dua beradik ini bermuafakat untuk menjodohkan anak-anak mereka, dengan tujuan utama agar harta mereka tidak jatuh ke tangan orang lain. Akhirnya berkahwinlah Basir dengan sepupunya, Kamariah. Oleh sebab perkahwinan yang dibina itu bukan atas dasar cinta sama cinta, rumah tangga mereka tidak tenteram. Kamariah sendiri belum bersedia menjadi seorang isteri dan tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna. Setelah setahun Basir berada di Medan, dia akhirnya pulang semula ke Kuala Lumpur bersendirian.

Alangkah hampunya hati Basir apabila mengetahui bahawa buah hatinya, Maimunah akan dikahwinkan dengan Haji Kantin seorang tua yang sudah beristeri tiga. Pada suatu malam ketika Maimunah tinggal keseorangan kerana keluarganya pergi ke temasya di Klang, Basir telah datang menemuinya dan mereka telah memadu kasih sepuas-puasnya. Masa itu Maimunah merayu Basir agar menyelamatkannya daripada menjadi mangsa Haji Kantin yang telah berusia 60 tahun itu.

Malangnya Basir tidak sanggup berbuat demikian. Dia memujuk Maimunah supaya mengikutkan kehendak ibu bapanya supaya tidak membusukkan nama keluarga. Setelah berkahwin, Maimunah buat-buat macam orang gila kerana bencikan suaminya Haji Kantin itu. Namun, gilanya akan sembuh apabila Basir datang mengunjunginya. Ini menyebabkan Haji Kantin menaruh syak terhadap mereka berdua. Apatah lagi apabila dia mengetahui Basir telah menceraikan isterinya Kamariah dan tidak pulang-pulang ke Medan lagi.

Walaupun hasil perkahwinan Haji Kantin dengan Maimunah telah menghasilkan seorang anak lelaki, namun orang tua Maimunah sedar anaknya hidup merana dan mereka amat menyesal. Oleh sebab Haji Kantin tidak juga menceraikan Maimunah, Basir berasa kecewa lalu menikahi Airah binti Hursyam, salah seorang teman lamanya yang tinggal di Jalan Pudu. Maimunah berasa sakit hati lalu tidak menghadiri majlis perkahwinan itu walaupun suaminya, Haji Kantin dan madu-madunya yang tiga itu pergi menghadiri majlis tersebut.

Seperti yang diketahui, tahun 1930-an dan 1940-an memperlihatkan kegemaran pengarang zaman itu mengemukakan tema percintaan anak-anak muda di samping mendedahkan pula ranjau-ranjau kehidupan yang terpaksa

mereka tempuh sebelum mahupun sesudah perkahwinan. Justeru itu tema kahwin paksa amat popular waktu itu baik di Indonesia mahupun di Tanah Melayu (*Dewan Bahasa*, Disember 1977). Muhammad Yasin ikut sama menyentuh persoalan ini sambil membuktikan keburukannya apabila perkahwinan itu bukan atas dasar pilihan sendiri ataupun suka sama suka. Akibat buruk yang menimpa pasangan begini ditonjolkannya dengan memberikan contoh rumah tangga Basir dengan Kamariah dan rumah tangga Maimunah dan Haji Kantin tidak bahagia dan berakhir dengan perceraian.

Novel ini dihasilkan dengan menitikberatkan soai hormat dan patuh kepada orang tua juga mesti ada batasnya. Soal malu, maruah, harga diri, dan nama baik menjadi isu utama kepada Muhammad Yasin. Baginya semua itu penting kepada masyarakat bangsa Melayu. Beliau juga menganggap sesetengah anak-anak muda sekarang sudah tidak mematuhi tatasusila, malah jikalau mereka bercinta sanggup pula melakukan perkara terkutuk dan keji di sisi agama dan masyarakat. Mereka tidak mempedulikan masyarakat asalkan jiwa raga mereka terhibur dan nafsu mereka puas. Misalnya, peristiwa antara Maimunah dengan Basir memadu kasih di Bukit Nenas dan di rumah Maimunah sendiri. Maimunah juga digambarkan bercumbu-cumbuan dalam motokar sebelum Basir bertolak ke Medan.

Muhammad Yasin cuba membuat perbandingan tentang kerajinan dan kemajuan orang-orang Melayu di Tanah Melayu dengan orang Melayu Medan. Malah, beliau kagum dengan orang Melayu Medan yang sudah setanding dengan orang Cina dalam lapangan perniagaan. Sebaliknya, orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kemajuan orang Cina di Tanah Melayu. Di sini nyata sekali beliau telah mempunyai kesedaran tentang kelemahan orang-orang Melayu di lapangan perniagaan.

Perkara lain yang disentuh oleh Muhammad Yasin dalam novel ini adalah kelaziman orang-orang Melayu menunangkan anak-anak mereka sejak kecil lagi. Namun begitu, beliau tidak pula mengulas kelaziman ini bagi menunjukkan keburukan-keburukannya. Selain itu, beliau juga menyentuh tentang kebiasaan kaum wanita Melayu pada masa itu yang suka meminjamkan barang-barang kemas seseorang untuk menghadiri majlis perkahwinan dan keramaian.

Urutan cerita dalam novel ini pada keseluruhannya mengikut kronologi. Dari zaman kecil Basir dan Maimunah bersekolah sampailah remaja, semasa muda belia mereka bercinta tetapi putus dan akhirnya masing-masing mendirikan rumah tangga.

Gaya plot naratif atau penceritaannya mengikut sudut pandangan serba tahu begini tidak banyak bezanya dengan cerita atau hikayat-hikayat lipur lara Melayu. Pada beberapa tempat terdapat pengarang turut campur dalam cerita. Unsur didaktik begini juga banyak terdapat dalam novel Melayu sebelum perang, sama seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Abdullah* dan sebagainya. Pengarang secara langsung bercerita kepada pembaca, contohnya, "Sebelum menceritakan perihal anak-anak itu lebih lanjut, agaknya lebih baiklah penulis menerangkan siapa dia asal usulnya terjadi kedua-dua anak demikian itu." (Muhammad Yasin, 1932: 2).

Begitu juga apabila dia cuba melukiskan babak romantik antara Basir dan Maimunah di dalam motokar. Antara lain beliau menulis begini:

"Penulis khatir hendak menarik pena di atas hal ehwal yang terjadi di masa itu lagi sepatutnya tuan-tuan pembaca tau memikirkannya sendiri."

(Muhammad Yasin, 1982:60).

Ataupun penulis menerangkan sendiri:

Penulis tidak suka hendak mengkhabarkan hal ayah bonda Basir dengan lebih panjang, melainkan marilah kita berbalik kepada perihal Maimunah yang telah mendapat surat daripada kekasihnya.

(Muhammad Yasin, 1932:81)

Pada pengakhir cerita ini Muhammad Yasin terus terang memberikan nasihat kepada pembaca-pembaca dengan berkata:

Seyogiannya seorang bapa atau ibu pandangilah anak, umpama suatu permata yang boleh menyenangkan hati kita, sekiranya permata kita letakkan pada tempatnya nescaya cemerlang cahayanya, tinggi mulia sebutannya ... janganlah diibaratkan umpama seekor kerbau yang diternak, apabila gemuk saja dijual kepada sesiapa ada wang nilai yang cukup.

(Muhammad Yasin, 1932:119-20)

Dalam novel ini tidak digunakan teknik pencintaan moden melalui dialog. Beliau juga tidak banyak menggunakan teknik *foreshadowing* bagi membayangkan sesuatu peristiwa yang akan berlaku pada watak-wataknya kecuali dalam bab pertama semasa ibu Maimunah datang memulangkan cincin Basir

yang dipinjamnya dahulu. Hal ini dapat dilihat apabila Basir sendiri mengatakan "Tak payahlah dipulangkan cincin itu, kerana itulah tanda pertunangannya dengan Maimunah". Sebagai ekoran dan bukti *foreshadowing* itu, Basir dan Maimunah akhirnya ditunangkan.

Dalam hikayat lama, unsur mimpi memainkan peranan utama. Muhammad Yasin tidak ketinggalan menggunakan teknik ini. Misalnya Maimunah bermimpi dirinya dilarikan oleh seekor singa beranak dan berbini banyak. Basir yang cuba menyelamatkannya sia-sia sahaja, malah mendapat bahaya pula. *Foreshadowing* begini telah membantu pembaca untuk membuat tanggapan bahawa cinta Maimunah dengan Basir akan musnah akhirnya.

Plot lurus yang konvensional dengan mengemukakan masalah, puncak dan penyelesaian digunakan oleh Muhammad Yasin dalam keseluruhan novelnya ini. Pemergian Basir ke Medan atas jemputan bapa saudaranya yang bertujuan untuk mengahwinkan Basir dengan anaknya, Kamariah dan penerimaan pinangan Tuan Haji Kantin terhadap Maimunah untuk isteri keempatnya merupakan puncak yang akhirnya menelurkan beberapa konflik dalam diri watak-wataknya.

Unsur ketegangan juga ada tetapi tidak berapa ketara dan jelas. Misalnya sewaktu Maimunah melahirkan anak hasil perkahwinannya dengan Haji Kantin menjadi titik tolak kepada kasih sayang Basir. Ketegangan ini mengakibatkan cinta Basir kepada Maimunah musnah sama sekali lalu dia membuat keputusan berkahwin sahaja dengan Airah, gadis yang pernah diminatinya dahulu.

Cara Muhammad Yasin mengemukakan watak-wataknya adalah secara langsung. Pengarang sendiri mengenalkan buruk baik sesuatu watak. Misalnya dalam melukiskan watak protagonisnya, Basir dan juga watak antagonisnya, Haji Kantin, pengarangnya memihak kepada kejayaan Haji Kantin. Ini mengingatkan kita kepada kejayaan watak antagonis dalam *Siti Nurbaya*, dengan Datuk Meringgih berjaya juga akhirnya memperisterikan Siti Nurbaya.

Walaupun pelukisan watak-wataknya secara terus terang tetapi Muhammad Yasin tetap mengekalkan peranan watak yang konvensional - watak pipih dan watak bulat. Watak pipihnya ialah Encik Shamsuddin ayah Basir sendiri. Dia merupakan watak yang statik. Tidak ada sebarang perkembangan kepada wataknya. Manakala watak bulatnya ialah Basir, Maimunah, Haji Kantin, dan Mat Akhir. Watak ini hidup dan dinamik. Ia berkembang dari semasa ke semasa, baik dari segi tingkah laku dan sikapnya. Misalnya Basir yang pada suatu ketika pernah menjadi budak jahat boleh berubah menjadi seorang terpelajar yang baik. Begitu juga sikap cintanya kepada Maimunah

sanggup melarikan Maimunah daripada tangan Haji Kantin. Kita berasa curiga terhadap cinta suci Basir. Malahan, apa yang ketara dia lebih mementingkan dirinya sendiri. Dia tidak mahu nama baik keluarganya tercemar.

Apakah benar hujahnya bahawa dia tidak mahu dituduh sebagai perampas tunang orang? Sedangkan dia sanggup pula berhubung sulit dengan tunangan orang? Kita tertanya-tanya tentang sikap dan pendirian Basir terhadap cinta dan kekasihnya. Sebagai sifat watak bulat itu mesti ada kelemahan-kelemahannya. Justeru itu Basir digambarkan kemudiannya sebagai watak yang berasa bersalah terhadap dirinya sendiri.

Watak Maimunah juga kelihatan berubah-ubah sikap. Misalnya, apabila tidak sanggup merampasnya daripada Haji Kantin, dia terpaksa bersikap menurut sahaja sekalipun batinnya terseksa. Dalam pada itu dia masih juga rela dicumbui oleh Basir beberapa kali sekalipun dia sudah bertunang. Walaupun Maimunah mendapat didikan agama tetapi ternyata pelajaran agama tidak boleh menghalang perasaan cintanya itu. Halal dan haram dilupakan asalkan dia dapat bersama-sama Basir.

Manakala watak Mat Akhir pula berubah sikap daripada materialistik kepada seorang bapa yang insaf dan menyesal. Keterlanjurnya mengahwinkan anaknya Maimunah dengan Haji Kantin menjadikan dia berasa bersalah kepada dirinya sendiri. Dia sungguh kesal apabila melihat Maimunah berduka-cita dan merana. Harta Haji Kantin yang diharap-harapkannya itu langsung tidak dirasainya.

Manakala Haji Kantin juga dikatakan sebagai watak bulat kerana perubahan-perubahan sikapnya. Pada mulanya Haji Kantin tidak mahu tahu Maimunah itu sudah mempunyai kekasih. Dia tidak tahu sesungguhnya Maimunah sedang bercinta dengan Basir. Setelah Maimunah menjadi isterinya, dia dapati Maimunah tidak menyukainya sebaliknya lebih menyukai Basir. Haji Kantin cemburu dan menyimpan buruk sangka terhadap Basir. Namun, sejak Maimunah melahirkan anak lelaki, dia sudah tidak melayani Basir lagi dan ini membuatkan Haji Kantin berubah sikap semula. Dia mula menganggap Basir pemuda yang baik dan sebagai buktinya dia bersama-sama isteri-isterinya yang lain pergi menghadiri majlis perkahwinan Basir dengan Airah secara ikhlas dan jujur.

Dari segi menggambarkan watak-wataknya, kita dapati Muhammad Yasin telah mula terkeluar daripada ikatan tradisi penulisan sastera Melayu lama. Beliau mengemukakan watak-wataknya sebagai manusia umum yang tidak lekang daripada sebarang kelemahan dan kekurangan. Oleh sebab itu,

barangkali Muhammad Yasin sengaja tidak mahu memberikan *poetic justice* kepada watak-wataknya itu.

Walaupun begitu, pelukisan wataknya masih mengikut cara lama. Khususnya dalam menggambarkan kecantikan seseorang watak akan dilukiskan secara terperinci. Lihatlah bagaimana beliau menggambarkan kecantikan Maimunah:

... Bentuk tubuhnya amat berbeza daripada dahulu, daripada kurus menjadi bernas (bulat) comel, pergerakannya lemah lembut, sedangkan tampuk pinangnya yang menongkat baju itu semakin sehari bertambah tinggi, mukanya berseri-seri laksana bintang timur, giginya seperti diatur, rambutnya hitam berkilat-kilat, tambahan pula bersambutan bila ia memakai seluar cara Barat, sangatlah menerbitkan berahi segala pemuda memandang pada betisnya dengan memakai sarung kaki yang serupa dengan kulitnya itu.

(Muhammad Yasin, 1932:12–13)

Ada kalanya Muhammad Yasin kurang berhati-hati semasa menggambarkan watak-wataknya. Basir yang hanya berusia 12 tahun tiba-tiba sahaja menjadi budak jahat semata-mata kerana terlepas cakap di hadapan ibu Maimunah. Dari segi lojiknya perubahan sikap begini tidak dapat diterima akal.

Tentang perwatakan orang tua Basir pula, didapati sedikit pelik kerana dia digambarkan membiarkan sahaja perangai dan tingkah laku anaknya yang baru berusia 12 tahun itu bercampur gaul dengan budak-budak jahat sehingga pulang jauh-jauh malam ataupun sering tidur di luar. Padahal, ayahnya bukanlah daripada golongan orang yang bodoh dan kolot. Sedangkan masyarakat dalam sekitar tahun-tahun 1920-an dan 1930-an ialah masyarakat tertutup. Malah, hubungan kekeluargaan antara anak dan orang tua masih utuh. Watak Mat Akhir pula sebagai seorang pegawai tinggi kerajaan sanggup melepaskan Maimunah anak kesayangannya kepada Haji Kantin semata-mata terpengaruh dengan harta orang tua itu. Bukankah ibu bapa Maimunah sendiri kaya dan hartanya lebih daripada cukup?

Menyentuh lokasi penceritaan pula, kita dapati lokasi yang menjadi sasaran ialah bandar-bandar besar yang kemajuannya dikatakan sudah bermula. Pemilihan bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Klang dan Medan. Muhammad Yasin mengambil tempat-tempat itu sebagai memperlihatkan penumpuan pengaruh Barat yang semakin kuat meresap khususnya dalam

kehidupan masyarakat muda-mudi. Ini menimbulkan semacam satu kesedaran kepada bangsa Melayu tentang kepentingan pelajaran di samping harus mengekalkan tradisi dan adat istiadat bangsanya. Kesedaran tentang semangat kebangsaan dan juga pertumbuhan ekonomi mula diperkatakan, Muhammad Yasin menonjolkan pergolakan hebat hasil daripada pertembungan antara pengaruh tradisi dan pengaruh moden itu. Dalam pergolakan ini pengaruh moden lebih diberikan perhatian oleh Muhammad Yasin.

Masyarakat Melayu dalam tahun-tahun 1920-an masih begitu kuat berpegang kepada amalan dan konsep hidup tradisinya. Walaupun Encik Mat Akhir misalnya, seorang pegawai tinggi kerajaan tetapi masih berpegang teguh kepada fahaman lama. Oleh sebab itulah dia rela menerima pinangan Haji Kantin sekalipun dia tahu Haji Kantin sudah ada lebih daripada dua isteri. Mat Akhir tetap menyanjung tinggi Haji Kantin, sebagai haji, orang berada dan warak pula.

Untuk menamatkan cerita, Muhammad Yasin mempunyai caranya yang tersendiri. Cara ini boleh dianggap unik. Beliau tidak mengakhiri ceritanya dengan *happy ending* sebagaimana kebanyakan novel Melayu sebelum perang, atau tidak pula mengakhiri ceritanya dengan *sad ending* seperti membunuh atau mematikan watak-wataknya sebagaimana yang sering terdapat dalam novel-novel Indonesia ketika itu. Ceritanya disudahi dengan suatu cara yang agak menarik dan baru. Beliau sahajalah yang dapat memikirkan cara mendalam untuk memberikan keputusan yang adil tentang apakah kesudahan cinta muda-mudi itu? Sama ada ia boleh kekal selamanya atau adakah pasangan yang gagal bercinta itu akan merana seumur hidup? Atau adakah perkahwinan yang bukan atas dasar cinta, sebaliknya bercinta selepas berkahwin boleh menyebabkan sesebuah rumah tangga itu tidak akan kekal.

Tentang gaya bahasa novel tunggal Muhammad Yasin ini tidak jauh miripnya daripada penceritaan hikayat lama dan cerita-cerita Melayu lama. Pada pembukaan cerita Muhammad Yasin menulis demikian:

Iniilah sebuah novel *Suka dan Duka* cerita ini sebenarnya ada berlaku iaitu bagaimana seorang muda berkash-kasih dengan seorang gadis yang juga perihal ibu bapanya yang tidak menepati janjinya serta bahagian kesudahannya terjadi pada perubahan demikian. Penulis mengaku banyak kesalahan di dapati dalam karangan ini, sebab itu diharap tuan-tuan pembaca memaafkan apa-apa yang tidak betul ... had inilah saja penulis sudahi sekali lagi dengan menuntut maaf kepada pembaca budiman.

Selain itu Muhammad Yasin juga masih tidak dapat lari daripada ikatan sastera lama. Justeru itu, banyak unsur pantun dan syair yang disertakan. Contohnya:

Wah bukan main suka hati Basir kerana mendengar kata bapanya hendak mengahwinkan ianya dengan orang yang dicintainya ... sebelum ia tidur angan-angannya telah melayang ke rumah maksiuknya dan terbayang-bayanglah padanya si jantung hatinya itu akan jadi isterinya ... lalu ia bersyair perlahan-lahan di dalam biliknya.

"Demi perbuatan Tuhan yang esa  
menjadikan alam tempat sentosa  
menyampaikan hajat dengan kuasa  
Tiap saat ataupun masa.  
Ayuhai Tuhanku Mali Albahri  
Besar hajat hambamu yang ghari  
Berkehendakkan Maimunah jadi isteri  
Maksiukku yang indah sebagai puteri...."

(Muhammad Yasin, 1932:36-37)

Pada bahagian-bahagian lain dalam novel ini ada pula diselitkan pantun;

Daun selasih saya lurutkan,  
Dimasak lemak dengan belimbing;  
Hati kasih saya turutkan,  
Tahan remuk mati bersaing.

Dimasak lemak dengan kambing,  
Masak Cik Ali orang Johor;  
Tahan remuk mati bersaing,  
Dari dunia sampai ke kubur....

(Muhammad Yasin, 1932:42)

Dalam novel yang nipis ini terdapat enam buah syair yang agak panjang dan dua buah pantun. Penggunaan pantun dan syair ini menunjukkan Muhammad Yasin Maamor masih tetap menulis dengan menggunakan gaya bahasa lama.

Selain itu terdapat juga bentuk-bentuk surat. Novel *Suka dan Duka* memuatkan lapan pucuk surat. Surat-surat dalam novel begini mula digunakan oleh penulis-penulis Indonesia pada zaman Balai Pustaka, sebagaimana



yang terdapat dalam novel *Siti Nurbaya* tetapi, surat-surat yang ditulis oleh Muhammad Yasin Maamor berbentuk moden, ringkas, padat, dan tepat. Misalnya beliau menulis begini:

Adikku Maimunah,

Abang khabarkan dengan terang dan abang sendiri telah mendapat tahu daripada orang tua abang yang kita telah dipertunangkannya, apa kiranya dik, adalah sudi bersuamikan abang? Harap akan mendapat jawapan.

Terimalah peluk cium daripada yang asyik:

- Basir,

(Muhammad Yasin, 1932:39)

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa bahasa yang digunakan oleh Muhammad Yasin Maamor dalam novelnya ini amat jauh perbedaannya dengan bahasa Melayu sekarang. Bahasa Melayu era ini banyak menggunakan perkataan seperti "syahadan", "maka" "demikianlah adanya, dan beberapa perkataan lama yang lain. Selain itu, penggunaan perkataan pinjaman Arab seperti "asyik", "maksyuk" dan sebagainya.

Muhammad Yasin juga menggunakan bahasa kiasan misalnya, perkataan "tampuk pinang" bagi menyatakan buah dada. Kiasan lain, "seperti anak bangsawan" sebagai kiasan kepada orang yang bijak dan berbahasa dengan teratur, "giginya seperti diatur" untuk menunjukkan gigi yang rapat dan cantik, licin seperti "mengurut baldu ainul banat" dan sebagainya.

Sesuai dengan sifatnya sebagai novel peringkat awal, teknik penulisan, stail dan gaya bahasa masih mengikut cara dan kaedah penulisan lama. Malah, cara pengolahan cerita, plot dan juga temanya yang berkisar tentang cinta dan kahwin paksa merupakan persoalan yang sering diperdebatkan oleh masyarakat Melayu waktu itu. Namun begitu, persoalan yang dikemukakan oleh Muhammad Yasin adalah sesuatu yang luas bidangnya. Kehidupan berumah tangga dan tanggungjawab suami terhadap isteri dan kekasih terhadap buah hatinya, dibicarakan secara serius. Hanya pembaca yang kritis sahaja dapat memahami dedikasi yang cuba diserapkan oleh beliau melalui cerita percintaannya itu. Cinta muda-mudi yang digambarkan oleh Muhammad Yasin boleh dianggap sebagai satu metafora kehidupan.

Sebagai tokoh pendidik, Muhammad Yasin tidak dapat melepaskan dirinya daripada turut serta dalam plot cerita yang dicipta. Kehadirannya ini

dirasakan sebagai pemberi khutbah dan pembawa nasihat terutama bagi menyedarkan masyarakat zamannya tentang kedatangan budaya Barat. Contohnya beliau memberi komen dan pandangan yang agak panjang terhadap bahaya kedatangan budaya asing.

Satu hal yang ketara, jikalau hikayat lama ada menceritakan babak-babak percumbuan antara putera dengan puteri raja, Muhammad Yasin juga melukiskan gambaran percintaan antara Basir dengan Maimunah dengan begitu mengasyikkan dan menghairahkan.

Novel *Suka dan Duka* boleh dilihat sebagai novel satira. Ia mencerminkan rasa cinta anak-anak muda yang menjadi warisan bangsa Melayu bagi mempertahankan kedaulatan nusa dan bangsanya. Mungkin konsep cinta Muhammad Yasin adalah konsep cinta terhadap alamnya sendiri. Kahwin paksa itu sendiri dapatlah diertikan sebagai kejatuhan sesebuah negara itu ke tangan sebuah bangsa lain apabila anak peribuminya sentiasa leka. Mereka tidak ada rasa kecintaan yang sejati atau sepenuhnya terhadap bumi tempat lahirnya. Watak Basir yang digambarkan sebagai pemuda yang tidak bertanggungjawab terhadap cinta kekasihnya, Maimunah bolehlah ditakrifkan sebagai anak watan yang tidak mempunyai kesetiaan dan tanggungjawab langsung kepada negaranya. Haji Kantin sendiri adalah lambang kekuasaan penjajah Barat iaitu Inggeris. Justeru itu, saya kira Muhammad Yasin ialah pengarang novel Melayu yang pertama berani mengakhiri ceritanya dengan menyogokkan kepada pembaca suatu gagasan besar yang harus difikir dan dipikul bersama secara sedar dan serius.

## Cerpen

Muhammad Yasin menghasilkan kira-kira 20 buah cerpen bersiri sebanyak 60 siri. Ada juga cerpen-cerpennya yang sempat disiarkan sebanyak satu siri sahaja. Namun, yang lain-lain lebih daripada dua siri. Malah, ada yang sampai menjangkau 12 siri panjangnya. Sesetengah daripada cerpen bersirinya agak panjang dan boleh dianggap sebagai novelet. Ini disebabkan latar masa dan waktu dalam cerpen itu agak panjang, malah peristiwa-peristiwa yang diceritakan itu hingga kepada generasi yang keempat.

Kebanyakan cerpen Muhammad Yasin tersiar dalam akhbar *Majlis, Warta Ahad, Warta Jenaka* dan *Majalah Guru* sejak tahun 1932 hinggalah tahun 1940 dengan menggunakan berbagai-bagai nama samaran seperti Tanah Emas, Pungguk dan Malim Deman. Pada peringkat permulaannya, keba-

nyakan cerpen beliau bertemakan kahwin paksa dan kekecewaan akibat gagal bercinta. Seiring itu peristiwa pertemuan dan percintaan dengan pelukisan babak-babak percumbuan dua kekasih diberikan tumpuan utama dengan penerangan yang agak panjang dan terperinci. Malah, ada sesetengah gambaran dianggap erotik dan mengghairahkan.

Kira-kira separuh daripada cerpen Muhammad Yasin mengupas masalah percintaan seperti persoalan kegagalan dan kekecewaan akibat kahwin paksa.

Persoalan kahwin paksa diutarakan hasil daripada pertembungan fahaman golongan konservatif dengan fahaman golongan muda. Muhammad Yasin cuba membuktikan bahawa pandangan dan sikap golongan konservatif lebih menguasai fahaman golongan muda. Justeru itu golongan muda berasa kebebasan mereka tersekat lalu bangun menentang untuk melepaskan diri daripada ikatan tradisi masyarakatnya. Perkembangan yang lebih menyegarkan berlaku sekitar tahun-tahun 1930-an, kerana waktu itu dikatakan sebagai zaman kemuncak bagi kebangkitan surat khabar dan majalah di Tanah Melayu (*Dewan Bahasa*, Mac 1974).

Kupasan konsep cinta terus dipaparkan dalam bentuk pengajaran. Cinta bukan sahaja bermakna mencintai seorang kekasih tetapi juga mencintai bangsa, agama dan negara. Ini dilakukan oleh Muhammad Yasin dengan kemas dan licin selaras dengan kematangan pemikirannya selari dengan peningkatan usianya. Oleh itu, sorotan terhadap cerpen-cerpen Muhammad Yasin harus dilihat dari aspek luaran dan dalaman.

Antara tahun-tahun 1920-an dan 1930-an cerpen-cerpen ciptaannya yang bergandingan dengan rencana menjadi alat pengucapan cita-cita masyarakat baru. Malah, dapat dikatakan bahawa bentuk cerpen waktu itu seolah-olah menjadi sebagai satu rencana. Cerpen-cerpen yang lahir pada waktu itu membicarakan isu-isu dalam masyarakat, umpama cermin yang merakamkan pergolakan masyarakat Melayu dengan sifatnya yang paling ketara adalah penilaian kembali nilai-nilai feodal untuk tujuan perombakan nilai-nilai tersebut. Ini memperlihatkan hasrat masyarakat Melayu yang mahu melepaskan dirinya daripada berbagai-bagai ikatan dan kongkongan tradisi.

Keadaan ini tidak dapat tidak mempengaruhi perkembangan cerpen-cerpen Muhammad Yasin. Secara kasar tema cerpen-cerpennya berkisar di sekitar alam percintaan dan kahwin paksa, kesedaran politik, ekonomi, kebangkitan semangat kebangsaan, pertembungan pengaruh moden, dan keruntuhan akhlak anak-anak muda dan kisah-kisah kehidupan umum masyarakat Melayu ketika itu. Ini dilihat oleh Muhammad Yasin sebagai suatu

gejala protes dan tentangan daripada golongan muda yang ingin melepaskan diri mereka daripada semua jenis ikatan lama.

Menerusi cerpen sulungnya yang berjudul "Tanggungannya Muda" (*Majalah Guru*, September/Oktober 1932 Januari dan Februari 1933), dapat diikuti tema percintaan yang dibawakan. Ia menceritakan kebingungan Jamal dalam memilih antara gadis pilihannya sendiri dengan gadis pilihan ibunya. Oleh sebab Jamal terikat dengan kehendak tradisi, dia terpaksa mengetepikan cintanya terhadap kekasihnya lalu mengahwini gadis pilihan ibunya. Ternyata perkahwinan tanpa cinta tidak akan kekal dan pada akhirnya rumah tangga mereka runtuh dan musnah. Apabila Jamal cuba kembali kepada Hafsa, kekasihnya dia telah ditempelak dengan tuduhan-tuduhan kesat. Dia dianggap sebagai lelaki yang tidak boleh dijadikan suami kerana tidak bertimbang rasa dan tidak bertanggungjawab. Dia juga dikatakan suka menganiaya wanita dengan kuasa talak seorang lelaki yang dijatuhkan secara sewenang-wenangnya. Untuk membalas dendam dan menyakiti bekas kekasihnya Hafsa, Jamal berfoya-foya dengan ramai teman wanita. Akhirnya, Jamal insaf dan menyedari keterlanjurannya itu lalu kembali ke pangkal jalan.

Begitu juga dalam cerpennya "Asyik Maksyuk Sutan Alam" (*Majlis*, 29 Jun–8 Julai 1938), yang mengutarakan kisah cinta Zainab terhadap Sutan Alam, pemuda pendekar di Beranang. Malangnya, Pendekar Buyung masuk meminang terlebih dulu. Walaupun Zainab meminta dia dilarikan, namun Sutan Alam tidak mahu berbuat demikian kerana tidak mahu memalukan keluarga. Sutan Alam lalu membawa diri jauh dari kampung halamannya. Zainab tetap mencintai Sutan Alam dan membenci suaminya Pendekar Buyung. Ini menyebabkan Pendekar Buyung marah dan mencabar Sutan Alam. Sutan Alam yang balik ke kampung untuk melihat Zainab yang jatuh sakit telah dicabar oleh Pendekar Buyung dan berlakulah pertarungan dua pendekar tersebut.

Cerpen "Asyik Maksyuk Sutan Alam" ini disambung atas permintaan para pembaca dengan judul "Pengaruh Sutan Alam" (*Majlis*, 17 Ogos–5 September 1938). Cerpen ini juga bertemakan percintaan dan pertarungan. Di sini diceritakan Sutan Alam yang berjaya menewaskan Pendekar Buyung telah diganggu oleh hantu Pendekar Buyung yang ingin menuntut bela. Namun, Sutan Alam dapat mengalahkan hantu itu sehingga hantu itu sanggup menjadi hambanya pula.

Sutan Alam mula sombong dan takbur lalu bertukar menjadi seorang pengacau tunangan orang. Si Putih yang menjadi tunangan Panglima Haji

telah diganggu oleh Sutan Alam. Ini menyebabkan Panglima Haji marah dan mencari Sutan Alam untuk beradu kekuatan dan kesaktian dengan disaksikan oleh penduduk kampung termasuk Si Putih sendiri. Ini mengingatkan kita kepada satu sayembara dalam cerita-cerita Ramayana. Sekali lagi Muhammad Yasin berpendapat, kerana cinta orang sanggup melakukan apa sahaja sekali-pun terpaksa bergadai nyawa kerana merampas kekasih orang lain.

Dalam cerpen "Persambungan Ajal" (*Majlis*, 12 Februari – 13 April 1936) yang disiarkan sebanyak 12 siri mengemukakan watak utamanya, Salleh yang terhalau daripada rumah oleh bapa tirinya kerana enggan berkahwin dengan gadis pilihan mereka. Tambah menyedihkan lagi apabila mendengarkan kekasihnya Zaitun akan berkahwin dengan ayah tirinya sendiri. Sama seperti cerpen-cerpennya yang lepas juga, Muhammad Yasin tidak berani hendak memecah tradisi, justeru itu watak Salleh juga tidak berkemampuan dan tidak bersedia melarikan Zaitun kerana dia tidak sanggup memberi malu kepada keluarganya dan juga keluarga Zaitun.

Dalam cerpen ini Muhammad Yasin mengakhiri ceritanya secara *sad ending*. Salleh yang putus kasih itu merana sakit teruk hingga membawa maut. Perkahwinan Zaitun dengan ayah tirinya juga tidak tenteram dan bahagia. Mesej yang hendak disampaikan oleh Muhammad Yasin sama, iaitu cinta suci itu kekal sehingga mati dan perkahwinan yang tidak didasarkan atas perasaan cinta selalunya tidak akan bahagia ataupun kekal lama.

Tema cerpen "Bukan Pertemuan" (*Majlis*, 3 Jun 1938), adalah kekecewaan Ahmad apabila mendengar kekasihnya, Kamariah akan mengahwini ayah kandungnya sendiri. Konflik jiwa yang dihadapi Ahmad lebih parah apabila kekasihnya kini tinggal serumah dengannya dan menjadi ibu tirinya pula. Penanggung batin Ahmad menyebabkan dia jatuh sakit dan akhirnya mati beragan. Tiga bulan kemudian Kamariah yang makan hati berulam jantung mengikut kekasihnya, Ahmad menghadap Tuhan Yang Maha Esa.

Muhammad Yasin juga memaparkan soal politik, ekonomi dan semangat kebangsaan dalam cerpen-cerpen ciptaannya tetapi bilangannya tidak banyak. Persoalan ini disentuh secara tidak langsung baik melalui gagasan pengarangnya mahupun daripada pandangan watak-watak dalam ceritanya sahaja.

Namun demikian, ada dua buah cerpennya yang menyentuh tentang kesedaran berpolitik, kemunculan semangat kebangsaan dan juga kesedaran terhadap ekonomi orang-orang Melayu secara menyeluruh. Cerpen "Rindu Pengarang Muda" (*Warta Ahad*, 11 Ogos 1940), menceritakan kisah Ajmain,

guru muda sekolah Melayu yang rajin menulis rencana politik, ekonomi dan perjuangan semangat kebangsaan dalam akhbar-akhbar dengan memakai nama pena "Layar Terkembang." Oleh sebab tulisannya ketara memberangsangkan semangat anak-anak watan dan dianggap berbahaya oleh pemerintah, dia ditangkap dan dibuang ke Hong Kong selama sepuluh tahun.

Walaupun dibuang ke Hong Kong, Ajmain tetap tidak menyesal atas perbuatannya, malah berasa bangga dianggap sebagai orang yang berani berjuang dan meniupkan api semangat kebangsaan. Dia juga mengharapkan ramai lagi anak bangsanya yang lain akan terus menyambung usahanya bagi menyedarkan bangsa Melayu. Setelah habis tempoh pembuangannya serta perang di Asia pun berlaku, Ajmain dibebaskan dan balik semula ke Tanah Melayu.

Selain tema kesedaran politik dan semangat kebangsaan, Muhammad Yasin juga cuba menonjolkan sikap dan pegangan serta keberanian anak muda Melayu ketika itu. Dinyatakan orang-orang Melayu sudah mempunyai kesedaran yang mendalam dalam soal-soal perjuangan membebaskan tanah air. Selain itu dipaparkan peranan dalam menyebarkan semangat kesedaran kepada seluruh bangsa Melayu yang mula tertanam dalam sanubari orang Melayu ketika itu. Meskipun Ajmain tidak mendapat pembelaan daripada sesiapa semasa ditangkap, namun cita-cita dan semangatnya tetap berkobar-kobar sekalipun terpaksa menjalani hidup sebagai orang buangan di negeri orang.

Sementara itu cerpennya yang berjudul "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" (*Warta Ahad*, 7 Januari 1940), mengungkapkan kisah keagungan kesultanan Melayu Melaka. Ceritanya adalah tentang keengganan Hang Kasturi ikut mengiringi Sultan Melaka ke Majapahit untuk mengahwini Puteri Majapahit. Sebenarnya Hang Kasturi tidak sanggup meninggalkan kekasihnya, Tun Mandan. Sebaliknya Tun Mandan telah mengutuk Hang Kasturi dan menganggapnya sebagai perwira yang lemah dan mementingkan diri sendiri daripada berkhidmat untuk raja dan negara. Cabaran kekasihnya itu menyedarkan Hang Kasturi lalu dia menyertai rombongan tersebut.

Sewaktu di Majapahit, Hang Tuah lima bersaudara telah menunjukkan kehandalan dan ketangkasan masing-masing daripada sebarang tipu muslihat orang-orang Jawa sehinggalah rombongan diraja Melaka itu selamat kembali. Sekembalinya ke Melaka Hang Tuah terfitnah. Tanpa usul periksa secara teliti sultan telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap pahlawan yang banyak berjasa kepada Melaka itu. Hang Kasturi telah bangun membela keadilan

dan menentang kezaliman sultan sambil membuat aib dan memalukan raja dengan tujuan memprotes dan membela nama baik sahabatnya, Tuah. Hang Tuah yang disembunyikan oleh Bendahara telah ditugaskan membunuh Hang Kasturi. Tuah menghadapi dilema dan konflik terhadap titah raja dengan rasa persahabatan yang akrab. Tuah akhirnya akur terhadap titah raja lalu bertarung dan membunuh sahabat karibnya, Hang Kasturi.

Dalam cerpen ini menunjukkan bahawa Muhammad Yasin cuba menanamkan semangat dan kesedaran agar setiap rakyat Tanah Melayu menjadi seperti Tuah yang mementingkan tugas terhadap raja dan negara. Dia melihat anak-anak muda bangsanya kini lebih mementingkan diri sendiri dan keluarganya berbanding dengan kepentingan bangsa dan watan.

Kupasan daripada peristiwa dalam *Sejarah Melayu* ini boleh menimbulkan semangat yang kental untuk mendaulatkan negara yang ketika itu masih di tangan penjajah Inggeris. Kemunculan Hang Kasturi sebagai lambang golongan muda yang radikal sesungguhnya memecahkan tradisi taat setia yang melulu tanpa mengetahui matlamat sebenar. Muhammad Yasin cuba menyampaikan mesej bahawa kalau pada zaman itu Hang Kasturi dianggap penderhaka tetapi dalam zaman moden ini dia harus disanjung sebagai pahlawan yang cuba membawa perubahan dan kemajuan berfikir bagi bangsa Melayu seluruhnya. Selain itu bagi Muhammad Yasin, setiap rakyat mesti menyumbangkan bakti kepada raja dan negara.

Tema ketiga yang banyak sekali ditonjolkan oleh Muhammad Yasin adalah pertembungan antara budaya Barat dan budaya Timur atau dengan lebih khusus lagi adalah pertembungan budaya Barat dengan tradisi tempatan. Lazimnya masyarakat tempatan beranggapan bahawa pengaruh moden itu perosak akhlak pemuda pemudi Melayu. Muhammad Yasin terang-terang menolak pendapat tersebut kerana tidak semua pengaruh moden itu tidak sesuai dengan kehendak masyarakat tempatan.

Muhammad Yasin menggunakan cerpen sebagai wadah untuk menerangkan kepada masyarakat Melayu supaya tidak tersalah anggap. Beliau mengakui memang ada unsur-unsur budaya Barat yang dianggap perosak dan pemusnah adat resam dan tradisi nenek moyang Melayu. Beliau juga tidak menolak kepentingan pengaruh Barat dalam bidang pengetahuan dan pendidikan untuk perubahan masyarakat Melayu bagi mencapai kejayaan. Selain itu Muhammad Yasin memberikan pendapat tentang usaha mencegah anak-anak muda Melayu daripada tersalah langkah atau terpesong sehingga boleh mengakibatkan kerosakan moral dan akhlak mereka.

Cerpennya yang berjudul "Nasib Moden Siti Comel" (*Majlis*, 18–20 Julai 1938) menceritakan bagaimana Sutan Beringin dan isterinya sangat memanjakan anak gadisnya, Siti Comel. Kebebasan yang diperoleh dan dikecapi oleh Siti Comel telah digunakan dalam pergaulan bebasnya antara lelaki dan perempuan tanpa sebarang sekatan. Akibatnya, Siti Comel mengandung hasil perhubungannya dengan Syamsir, pemuda yang tidak bertanggungjawab. Syamsir menghilangkan diri dengan meninggalkan pekung yang bakal ditanggung oleh ibu bapa Siti Comel. Mesej yang ingin disampaikan oleh pengarangnya jelas, iaitu mengutuk dan menentang pergaulan yang tidak ada batasan di kalangan muda-mudi serta mengkritik kaum lelaki yang tidak bertanggungjawab serta mementingkan diri semata-mata.

Manakala dalam cerpen yang berjudul "Bukan Emas" (*Majlis*, 19 Disember 1936) menceritakan seorang gadis bernama Mahanum yang bersumpah setia untuk berkahwin dengan kekasihnya, Muhammad Ali. Kemudiannya Mahanum berubah kasih apabila mendapati Salleh lebih kacak dan berharta daripada Muhammad Ali. Oleh sebab kecewa, Muhammad Ali telah berkahwin dengan gadis lain sebagai membuktikan dirinya masih berharga sedangkan Mahanum sendiri gagal dalam percintaannya apabila dia dipermainkan dan ditinggalkan oleh Salleh.

Akibatnya gadis yang putus tunang waktu itu sukar dipinang orang sehingga ada yang menjadi anak dara tua walaupun baru berusia 25 tahun. Pada suatu malam Muhammad Ali bertemu Mahanum sewaktu mereka sama-sama menonton wayang. Muhammad Ali sempat menyindir Mahanum sehingga Mahanum menangis sendirian. Mesej yang hendak ditonjolkan oleh Muhammad Yasin adalah mengkritik kaum wanita bermata keranjang dan materialistik.

Cerpennya "Bermain-main di Perigi Beracun" (*Warta Ahad*, 18 Ogos 1940–25 April 1941) pula lebih menekankan soal sosial muda-mudi waktu itu. Kewujudan pengaruh Barat dalam perkumpulan pemuda pemudi Singapura telah menjalar ke seluruh Tanah Melayu. Beberapa cawangan dibuka di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Seremban dan sebagainya. Perkumpulan ini bertujuan untuk melepaskan diri daripada kongkongan dan ikatan kekeluargaan serta ingin mencari kebebasan tanpa kawalan serta diadakan kegiatan memilih jodoh.

Fahaman ini ditentang hebat oleh golongan konservatif. Perdebatan dan polemik hangat berlaku di akhbar-akhbar dan kemuncaknya adalah berlangsungnya perdebatan di khalayak ramai. Siti Zaharah sebagai wakil perkum-



pulan pemuda pemudi tampil mengemukakan hujah dan pendapatnya. Siti Kalsum bekas pelajar agama dari Pulau Pinang menentang keras dengan mengemukakan hujah-hujah yang logik berdasarkan agama dan budaya tradisi bangsanya.

Untuk menyampaikan mesej sebenar, bahawa budaya moden itu bukan semuanya baik, Muhammad Yasin telah menimbulkan satu kejadian buruk kepada pemimpin perkumpulan muda-mudi itu sendiri. Siti Zaharah telah berlaku sumbang sehingga mengandung. Berlakulah suatu tragedi ngeri apabila Siti Zaharah membunuh diri dan Syamsur, lelaki yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas Zaharah menghilangkan diri entah ke mana. Jelas di sini Muhammd Yasin menentang pergaulan bebas mengikut cara Barat.

Kegiatan jenayah yang berlaku di kota-kota besar dijadikan tema oleh Muhammad Yasin melalui cerpennya yang berjudul "Polis dan Mata-mata Gelap" (*Warta Ahad*, 1940). Cerpen ini mengisahkan bagaimana seorang pemuda Melayu, Abdul Malik yang bertugas membasmi jenayah di Perak terperangkap dan dituduh membunuh rakannya sendiri, Abdul Rahim. Abdul Malik yang dipenjarakan sebelum dibicarakan berjaya melepaskan diri, kemudiannya menyamar sebagai ahli kongsi gelap. Dia berjaya mengesan kumpulan penjenayah yang selama ini menjadi buruan polis. Malangnya, pengintipannya itu diketahui oleh ahli kongsi gelap itu terlebih dulu. Mereka cuba menangkap dan menyiksa Abdul Malik di dalam sebuah hotel. Mujurlah badan Abdul Malik tidak dapat ditembusi peluru.

Oleh sebab kalah dengan kehebatan Abdul Malik, penjahat-penjahat itu cuba lari, malangnya di luar bilik hotel anggota polis telah siap sedia menunggu untuk menangkap mereka. Salah seorang daripada penjenayah itu ialah seorang wanita Cina yang telah ditugaskan mencuri pisau kepunyaan Abdul Malik yang mereka gunakan untuk membunuh Abdul Rahim. Dengan tertangkapnya penjenayah sebenar, tuduhan ke atas Abdul Malik ditarik balik.

Apa yang mengagumkan adalah unsur-unsur pembaharuan yang dibawa oleh Muhammad Yasin. Persoalan-persoalan yang diutarakannya tidak hanya berkisar kepada persoalan-persoalan yang terjadi dalam masyarakat Melayu semata-mata, sebaliknya menjangkau kepada persoalan-persoalan yang melibatkan watak-watak yang berbilang bangsa.

Sebenarnya hampir kesemua cerpen Muhammad Yasin menyentuh kehidupan masyarakat, umumnya orang Melayu. Perbicaraannya pula berkisar tentang kemiskinan, kemelaratan, kesengsaraan dan kesempitan hidup di samping soal-soal perkahwinan, perceraian, dengki, khianat, tamak haloba,

dan sebagainya yang merupakan antara perkara-perkara yang merupakan sebab wujudnya kepincangan dalam masyarakat Melayu.

Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa pemberontakan masyarakat terjadi akibat menularnya fahaman dan budaya Barat ke dalam masyarakat kelas menengah Melayu di bandar-bandar. Cerpen-cerpen pada masa itu memperlihatkan dan mempamerkan perubahan yang berlaku kepada masyarakat pencipta dan peminat sastera Melayu baru; sastera yang menjadi milik golongan rakyat biasa. Malah, sastera baru itu "memberontak" terhadap cita-cita sastera lama, iaitu cita-cita golongan feodal dan menjadi alat untuk rakyat jelata yang miskin melaungkan jeritan batin dan memprotes terhadap berbagai-bagai perkara yang dianggap tidak menyenangkan (*Dewan Sastera*, Jun 1972).

Cerpennya "Tawarikh yang Menyedihkan" (*Warta Ahad*, 21 Julai 1940) bertemakan perceraian. Apabila terjadi perceraian antara suami isteri, yang menjadi mangsanya ialah anak-anak. Dalam cerpen ini diceritakan bagaimana Maimon langsung tidak mengenali ibu kandungnya sendiri kerana ibu bapanya bercerai ketika dia berusia hanya beberapa hari. Paling menyedihkan adalah apabila dia telah ditinggalkan oleh ibunya di halaman rumah Haji Zakaria kerana ibunya hidup melarat dan tidak mampu memeliharanya.

Pertemuan Maimon dengan ibunya berlaku ketika dia diminta datang ke hospital untuk menemui seorang tua melarat yang hampir menemui ajalnya. Daripada cerita orang tua melarat itulah Maimon menyedari bahawa orang tua itu ialah ibu kandungnya sendiri, sedangkan sebelumnya Maimon sering berjumpa perempuan tua itu. Maimon sedia menerima orang tua itu sebagai ibu kandung yang amat dirindunya selama ini. Di sini, Muhammad Yasin secara tegas mengatakan bahawa kaum lelaki adalah pelindung keluarga. Tanpa lelaki seorang wanita tidak akan hidup bahagia.

Cerpen "Kecewa" (*Majlis*, 23 Disember 1935), merupakan satu sindiran terhadap pemuda-pemuda yang mudah tergoda oleh wanita. Hanya dengan satu kenyanitan mata dan sebuah senyuman oleh wanita sahaja mereka sudah gila angau. Malah, ada sesetengahnya pula baru sekadar dapat peluang bertemu dan bercakap-cakap sahaja, perasaan cinta terus menjelma dalam sanubari. Mereka tidak pernah menyiasat terlebih dulu bagaimanakah latar belakang seseorang gadis itu? Hal ini berlaku kepada watak Ahmad dalam cerpen berjudul "Kecewa" yang dikatakan sanggup menjadikan seorang wanita yang baru dikenalnya sebagai suri rumah tangganya.

Ahmad telah berkenalan dengan beberapa orang gadis penari Taman

Hiburan Kuala Lumpur semasa dia membeli tiket wayang dan mula menyukai seorang daripada mereka. Melalui Husain iaitu seorang sahabatnya, Ahmad mengetahui gadis tersebut bernama Zainab. Namun, alangkah kecewanya Ahmad apabila mendapati gambar gadis impiannya itu berada di atas meja Husain. Paling menyedihkannya lagi, di belakang gambar itu tercatat perkataan "Zainab dan Husain telah mengikat tali pertunangan pada 23 November 1934".

Cinta tiga segi merupakan satu persoalan baru yang dipaparkan oleh Muhammad Yasin dalam cerpennya kali ini. Persoalan demikian adalah sesuatu yang agak baru dalam kisah cinta yang diolah oleh penulis-penulis sezaman dengannya. Kisah cinta tiga segi waktu itu belum banyak dijadikan tema. Dalam hal ini Muhammad Yasin dapat dikatakan sebagai peneroka satu era baru dalam kisah percintaan.

Secara keseluruhannya cerpen-cerpen Muhammad Yasin menggunakan plot yang lurus dan urutan kronologi bagi setiap peristiwa. Ada juga yang mengemukakan sedikit unsur suspens dan unsur imbas muka. Ini menyebabkan para pembaca tertarik untuk terus membaca cerpennya. Teknik imbas kembali yang digunakan dalam cerpen dapat menarik minat pembaca untuk mengikuti cerita seterusnya kerana wujudnya suspens di dalamnya.

Satu lagi teknik yang paling lumrah dipaparkan oleh Muhammad Yasin adalah mengakhiri ceritanya dengan mematikan watak-watak penting dalam cerpennya. Mungkin dengan teknik ini beliau beranggapan pembacanya akan benar-benar dapat merasakan sedih dan simpati dengan persoalan yang dikemukakannya. Teknik begini sering terdapat dalam novel-novel terbitan Balai Pustaka di Indonesia. Kadang-kadang Muhammad Yasin menggunakan teknik *poetic justice* terhadap watak-wataknya.

Plot-plot cerpen ciptaannya yang bertemakan cinta dan kahwin paksa merupakan plot yang lurus. Namun, sesekali terdapat juga penggunaan teknik *flashback*. Dalam cerpen sulungnya yang berjudul "Tanggungannya Muda", plotnya lurus dan segala peristiwa yang berlaku dicitakan mengikut susunan kronologi.

Jamal sedih kerana terpaksa berkahwin dengan gadis pilihan ibunya serta desakan daripada Hafsa, kekasihnya yang menyokong perkahwinan itu diteruskan. Setahun selepas berkahwin, rumah tangga Jamal roboh kerana tiada persepahaman dan persesuaian. Jamal cuba memikat Hafsa semula malangnya, Jamal telah ditempelak oleh Hafsa. Oleh sebab kecewa, Jamal berubah menjadi pemabuk, kaki judi dan kaki perempuan sehingga melalaikan kerjanya sendiri. Akhirnya dia dibuang kerja.

Setelah mengalami berbagai-bagai penderitaan dan mengganggu beberapa ketika, akhirnya Jamal insaf dan dapat kerja sebagai kerani lalu berkahwin dengan gadis pilihannya sendiri. Hafsa juga telah berkahwin, masing-masing gembira di samping anak-anak. Cerita ini diakhiri dengan *happy ending*.

Dalam cerpen yang berjudul "Di Bawah Lindungan Cinta" digunakan juga teknik *flashback*. Mula-mula diceritakan kesedihan Syamsiah apabila Syamsir tidak sanggup meminangnya disebabkan dia miskin sebaliknya Syamsir menyuruh Syamsiah meneruskan perkahwinannya dengan Abdullah Salas pemuda terpelajar, kaya dan kakak.

Kemudian diikuti imbas kembali perkenalan Syamsiah dengan Syamsir. Seterusnya balik semula menceritakan kisah Syamsir turut sama menyaksikan perkahwinan Syamsiah dengan Abdullah Salas. Syamsir kecewa dan merana lalu mengambil keputusan meneruskan pekerjaannya di Kuala Lumpur. Tidak lama kemudian dia jatuh sakit. Syamsiah pula bercerai dengan suaminya dan tidak lama kemudian Syamsiah juga jatuh sakit. Akhirnya Syamsir menemui ajalnya. Syamsiah berdukacita dan berazam tidak akan berkahwin lagi.

Cerita ini mengandungi unsur-unsur suspens dan imbas kembali yang menarik. Tetapi dengan teknik mematikan watak Syamsir pada akhir cerita mengurangkan sedikit mutu cerpennya. Seolah-olah itu sahajalah jalan keluar yang paling mudah bagi pengarang menamatkan ceritanya dan sekali gus memancing simpati para pembacanya.

Teknik mengejut begini kadang-kadang agak kurang munasabah dan seperti sengaja diada-adakan. Malah, suara pengarangnya beberapa kali kedengaran dalam cerita itu. Misalnya pada bahagian akhir cerita pengarang menulis, "Tuan-tuan pembaca tentu juga sama-sama menumpang sedih akan nasib anak muda itu tetapi adalah penyakit anak muda itu melarat atau baik tidaklah dapat siapa-siapa mengagak...." Cara seperti ini sering terdapat dalam novel-novel dan cerpen-cerpen sebelum perang.

Cerpen "Persambungan Ajal" ialah cerpen Muhammad Yasin yang terpanjang iaitu sebanyak 12 siri tersiar dalam *Majlis*. Ceritanya mengisahkan Salleh yang dihalau dari rumah kerana enggan berkahwin dengan gadis pilihan ayah tirinya. Salleh berpindah ke Kuala Lumpur untuk melupakan Zaiton, kekasihnya. Tetapi, alangkah kecewanya Salleh apabila mendapati ayah tirinya sendiri yang berkahwin dengan Zaiton. Salleh yang tidak sanggup merampas Zaiton daripada tangan ayah tirinya itu merana dan jatuh sakit. Akhirnya,

Salleh meninggal dunia. Tidak lama selepas itu Zaiton pula sakit dan meninggal dunia.

Ceritanya pada kali ini berakhir dengan tragedi. Plotnya diolah secara kronologi dengan teratur, ada teknik imbas kembali dan ketegangan di dalamnya. Latarnya di sebuah kampung berhampiran bandar Klang. Babak pertemuan Zaiton dengan Salleh pada tengah malam dengan Salleh memanjat tingkap, digambarkan dengan menarik sekali.

Unsur-unsur ugutan diselitkan seperti pura-pura hendak membunuh diri atau hendak membunuh Zaiton merupakan satu teknik bagi memancing simpati pembaca. Suara pengarang kerap kali berinteraksi dengan pembaca terutama di tengah-tengah cerita. Contohnya, "Tiba di sini mari kita berbalik kepada dua asyik masyuk itu, apa hal Zaiton yang tinggal? Apa hal Salleh yang berdagang?... (Majlis, 2 Februari 1936). Pada akhir ceritanya pula pengarang mengatakan, "... kejadian yang demikian adalah menjadi satu pedoman kepada tuan-tuan pembaca bagaimanakah sudahnya nasib kedua-dua merpati hingga membawa ajal."

Dalam cerita "Asyik Masyuk Sutan Alam" pembaca dibawa ke alam fantasi. Cerita mengisahkan Sutan Alam, pemuda bandar yang berasa kecewa kerana kekasihnya Zainab telah ditunangkan dengan Pendekar Buyung. Oleh sebab tidak mahu perkara buruk terjadi Sutan Alam melarikan diri. Tetapi Zainab yang telah pun menjadi isteri Pendekar Buyung jatuh sakit dan sering menyebut-nyebut nama Sutan Alam. Ini menyebabkan Pendekar Buyung marah dan mencabar Sutan Alam. Apabila Sutan Alam mengetahui hal ini dia pun segera balik. Sesampainya di rumah Pendekar Buyung, pertarungan hebat antara kedua-dua pendekar pun terjadi. Cerita berakhir dengan kematian Pendekar Buyung. Zainab berasa kecewa lalu mencapai keris yang jatuh di sisinya dan menikam dirinya sendiri.

Cerita sambungannya yang bertajuk "Pengaruh Sutan Alam" pula memperlihatkan kejayaan Sutan Alam mengalahkan hantu Pendekar Buyung sehingga hantu itu menjadi suruhannya. Sutan Alam takbur dan menjadi ganas. Berlakulah pertarungan antara Panglima Haji dengan Sutan Alam yang mengacau tunangnya Si Putih. Sutan Alam menang dan mengahwini Si Putih.

Teknik penceritaannya secara kronologi tetapi dengan adanya unsur-unsur ketegangan dan konflik yang melahirkan pertarungan serta sedikit unsur imbas muka menjadikan cerpen ini menarik dibaca. Ini ditambah pula dengan gambaran babak romantik dan sensasi yang diberikan penekanan oleh pengarang. Contohnya:

... pada fikiranku ia akan jadi isteri orang, maka berjalanlah tanganku meraba sekalian bahagian anggotanya, teteknya yang mencing dan masih kecil itu kupegang dengan tapak tanganku perlahan-lahan putingnya kukuit-kuit dengan jari telunjukku ... dadanya yang putih safe itu beberapa kali kucium menggigil tubuhnya....

(Majlis, 1939)

Cerita begini diminati oleh golongan muda-mudi, sehingga pembaca meminta supaya pengarang meneruskan siri cerita tersebut.

Muhammad Yasin mengakhiri ceritanya dengan memberikan kejayaan kepada Sutan Alam. Sutan Alam ditonjolkan sebagai wira yang berani bersabung nyawa kerana cinta. Konsep wiranya yang jahat dan bergelumang dengan dosa ini juga merupakan satu pembaharuan. Tidak seperti wira cerita rakyat yang semuanya baik-baik belaka. Plot cerita ini bolehlah dikatakan terjalin dengan baik dan menarik perhatian pembaca dan sesuai untuk dijadikan hiburan.

Plot dalam cerpen-cerpennya yang bertemakan politik dan semangat kebangsaan tidak banyak bezanya dengan yang lain. Misalnya cerpennya "Rindu Pengarang Muda" menceritakan Ajmain, guru yang sering menulis rencana-rencana di akhbar dengan menggunakan nama "Layar Berkembang". Tulisan yang pedas dan tajam itu dianggap berbahaya oleh pemerintah. Dia membidas ketidakadilan pemerintah dalam pengagihan kuasa ekonomi, politik di samping meniupkan api semangat kebangsaan kepada orang-orang Melayu. Akhirnya dia ditangkap lalu dibuang negeri ke Hong Kong.

Sebagai pejuang kemerdekaan, dia rela berpisah dengan anak isteri dan keluarganya tanpa sedikit pun menyesal. Sebaliknya dia berbangga, malah dia mengharapkan agar usaha seperti yang dilakukannya itu akan disambung pula oleh orang lain. Setelah tamat tempoh hukumannya, dia dibenarkan kembali ke Tanah Melayu dan dia kembali sebagai wira yang tidak pernah luntur semangatnya.

Yang menarik dalam cerpen ini adalah semangat dan keberanian Ajmain ketika menerima hukuman diceritakan dengan teliti dan meyakinkan. Muhammad Yasin seolah-olah memasukkan dirinya sendiri dalam cerpen ini bagi mengupas soal politik, ekonomi dan pendatang asing secara berterang-terang. Manakala dalam cerpen "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" pula, Muhammad Yasin telah membuat suatu pendekatan baru iaitu *anachronism*. Teknik ini jarang digunakan oleh pengarang sezaman dengannya.

Beliau cuba menggubah semula dan memberikan nafas baru kepada secebis kisah daripada *Sejarah Melayu*, iaitu peristiwa Hang Kasturi lima bersaudara mengiringi Sultan Melaka ke Majapahit.

Muhammad Yasin cuba memperlihatkan sikapnya yang tegas dalam cerpen ini. Walaupun beliau tidak suka kepada kezaliman tetapi beliau tidak mampu melawan adat dan tradisi bangsa Melayu. Maka dengan menderhakanlah dirasakan sebaik-baik cara untuk menyuarakan rasa tidak setujunya. Muhammad Yasin tidak sanggup menentang tradisi beraja. Justeru itu *poetic justice* digunakan dengan mematikan Hang Kasturi.

Plot cerpen disusun secara kronologi mengikut cerita asal tetapi bahasa dan idea yang cuba diterapkannya agak menarik. Ceritanya hidup dan penuh ketegangan. Sikap dan dedikasi Tun Mandan amat menarik di samping keberanian Hang Kasturi memecah tradisi taat setia kepada raja dianggap sebagai sesuatu yang wajar kerana dia bukan menentang sultan sebaliknya menentang kezaliman. Oleh sebab itulah Muhammad Yasin menggambarkan Hang Kasturi tidak menyesali perbuatannya. Walaupun tewas di tangan sahabatnya Tuah, dia tetap bangga kerana telah menegakkan kebenaran. Ceritanya berakhir dengan tragedi sebagaimana cerita asalnya. Ia telah meninggalkan satu persoalan berat kepada pembaca untuk menentukan siapakah sebenarnya wira dalam cerita ini?

Manakala plot cerpen yang bertemakan moral, "Bermain-main di Perigi Beracun" diutarakan melalui pertentangan pendapat dan perdebatan hangat antara Zaharah pendukung golongan fahaman moden Barat dengan Siti Kalsum pendukung golongan tradisi yang mempertahankan adat resam bangsanya. Diceritakan akhbar-akhbar di Tanah Melayu menyediakan ruang polemik besar-besaran bagi kedua-dua tokoh ini. Muhammad Yasin dalam cerpen ini telah memberikan *poetic justice* dengan menghukum watak-watak pendukung golongan moden, Siti Zaharah. Dia melahirkan anak di luar nikah hasil pergaulan bebas yang diamalkan selama ini, dan akhirnya membunuh diri.

Dialog-dialog antara Zaharah dan Kalsum walaupun berupa khutbah dan nasihat tetapi disusun dengan rapi. *Poetic justice* yang digunakan pengarang berat sebelah. Pengarang semacam ingin memihak kepada golongan pendukung fahaman tradisi.

Dalam cerpen "Nasib Moden Siti Comel" pula menceritakan kesilapan para ibu bapa yang memanjakan anak. Sutan Beringin terlampau memanjakan anaknya Siti Comel dengan memberikan kebebasan yang penuh. Kebebasan

ini telah disalahgunakan oleh Siti Comel sehingga mengandung kerana dinodai oleh Syamsir, pemuda yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan nafsu.

Teknik imbas muka yang digunakan terlampau jelas sehingga pembaca dapat meneka apa yang akan berlaku terhadap Siti Comel. Sekali lagi Muhammad Yasin memberikan *poetic justice* kepada watak-wataknya. Beliau kelihatan berat sebelah dan menentang habis-habisan pergaulan bebas muda-mudi bangsanya sehingga suara marah dan benci pengarang terdapat dalam ceritanya:

....saya sebagai penulis cerita mengucapkan kepada Siti Comel selamat berhamba dan selamat bercicit ibu bapanya saya doakan supaya Allah balaskan sengsara dari dunia hingga ke akhirat.

(Majlis, 1938)

Dalam cerpen "Oh Kekasihku Tak Kering oleh Panas, Tak Basah oleh Air" (*Warta Ahad*, 28 Julai–4 Ogos 1940), mengisahkan Arfah, seorang jururawat yang berjanji untuk berkahwin dengan Arifin, seorang kerani telah berubah hati dan mengalihkan cintanya kepada Zainal, sahabat Arifin. Ini disebabkan Zainal mempunyai pangkat dan nama kerana bekerja sebagai inspektor polis. Arifin kecewa lalu menghilangkan diri. Arfah tersalah pilih dan rumah tangga mereka retak. Zainal dibuang kerja kerana kecuaiannya menjalankan tugas. Zainal insaf lalu pergi ke Singapura dan bekerja di sebuah kedai "Arfah Company" sebagai penolong pengurus, sedangkan tuan punya syarikat itu ialah sahabatnya Arifin sendiri.

Arfah kemudian dibawa oleh Zainal ke Singapura. Dia sedar keterlanjuran-nya merampas kekasih sahabatnya sendiri. Dia insaf lalu ke Indonesia dengan meninggalkan surat cerai kepada Arfah serta mengharapkan Arifin mengambil Arfah semula.

Plot cerpen ini menarik kerana ada unsur-unsur suspens di dalamnya. Muhammad Yasin cuba menyampaikan mesejnya bahawa kerana pangkat dan wang boleh menggelapkan hati manusia. Cinta Arfah beralih kepada Zainal disebabkan oleh Zainal mempunyai pangkat. Namun demikian, kebahagiaan rumah tangga itu tidak terletak hanya pada pangkat dan wang semata-mata, sebaliknya mesti ada perasaan cinta yang suci. Penyelesaian cerpen ini dilaksanakan oleh pengarang secara *happy ending*.

Muhammad Yasin juga telah cuba mengarang cerita mata-mata gelap.



Ceritanya mengisahkan Abdul Malik yang telah dituduh membunuh sahabatnya sendiri iaitu Abdul Rahim. Sebenarnya kejadian itu adalah atas rancangan dan perangkap tipu muslihat kumpulan-kumpulan haram di Perak. Dengan kebijaksanaan dan kekuatan sihir yang dipunyainya, Malik telah berjaya lepas lari daripada tahanan dan berjaya masuk ke tempat kumpulan haram itu. Abdul Malik juga telah berjaya menangkap beberapa orang kanan kumpulan haram itu. Dengan itu juga Abdul Malik berjaya menghapuskan tuduhan membunuh yang telah dihadapkan ke atasnya dahulu.

Plot cerpen "Polis dan Mata-mata Gelap" pada bahagian permulaannya dijelaskan Abdul Malik sejak kecil lagi telah belajar ilmu sihir dan di bahagian pertengahannya digunakan unsur imbas kembali. Dalam cerpen ini terdapat gabungan unsur tradisi seperti tangkal, azimat dan sihir yang diadun dengan unsur moden iaitu perundangan. Muhammad Yasin berjaya menimbulkan suspens di bahagian akhir cerita. Cerita ini bersifat hiburan ringan dan banyak mengandungi unsur didaktik dan pengajaran. Keseluruhan cerpen ini berjaya menarik khalayak meneruskan pembacaannya.

Cerpen "Ombak Perasaan" (*Majlis*, 29 Julai – 10 Ogos 1936) memaparkan masalah rumah tangga bagi empat keturunan manusia. Mula-mula diceritakan keadaan ibu Zawiyah diracun oleh madunya. Hal ini mendorong Zawiyah berkahwin dengan kekasihnya, Abdul Rahim dan berpindah ke Muar kerana tidak mahu hidup bersama-sama ibu tirinya. Tiga tahun kemudian Zawiyah menghadapi keretakan rumah tangga kerana suaminya gilakan perempuan lain. Ketika itu dia sedang mengandung. Dengan bantuan jiran-jirannya Zawiyah selamat bersalin. Anaknya diberi nama Rahmah manakala suaminya, Abdul Rahim berkahwin lagi dengan perempuan dari Gopeng, Perak.

Zawiyah dipanggil semula balik ke Kuala Lumpur oleh bapanya selepas kematian ibu tirinya. Anaknya, Rahmah dididik di sekolah Melayu, Inggeris dan agama oleh datuknya. Muhammad Isa pemuda yang berjaya menawan hati Rahmah berjanji akan mengahwininya. Tetapi Muhammad Isa telah patah kaki dan putus telinganya akibat kemalangan jalan raya dalam perjalanan balik ke Tanjung Malim. Ibu Isa yang datang melawatnya di hospital meraung melihat keadaan anaknya itu lalu membukakan rahsia bahawa sebenarnya tujuan Isa disuruh balik untuk dikahwinkan dengan gadis di kampungnya. Isa enggan berkahwin selain dengan Rahmah. Akhirnya Isa dan Rahmah dikahwinkan beberapa hari selepas Isa keluar dari hospital. Mereka mempunyai seorang cahaya mata diberi nama Kalsum. Lima tahun kemudian Rahmah sakit lalu meninggal dunia. Isa berazam tidak akan berkahwin lagi. Plot cerpen

ini diolah dengan membawa peristiwa yang terlalu lama, menjangkau sehingga empat keturunan.

Cerpen yang berjudul "Tawarikh yang Menyedihkan" pula menceritakan seorang perempuan tua memberikan hadiah yang berupa dua helai baju kepada Maimon anak orang kaya, Haji Zakaria yang baru tamat daripada Maktab Perguruan Durian Daun, Melaka. Suatu hari ketika Maimon mengajar di Kajang dia menerima telegram daripada doktor Rumah Sakit Besar Kuala Lumpur yang menyuruhnya datang segera. Setibanya di hospital, Maimon disuruh berjumpa perempuan tua yang terlantar di katil. Maimon ingat perempuan tua itulah yang suatu waktu dahulu memberinya hadiah. Dalam pertemuan itu orang tua tersebut menceritakan riwayat hidupnya dan bagaimana dia memberikan nama Maimon kepada anaknya. Di situ barulah Maimon tahu bahawa itulah ibunya yang sebenar. Selepas pertemuan tersebut orang tua itu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Kematian orang tua itu membuat Maimon merana dan tidak lama kemudian dia jatuh sakit dan berwasiat agar jenazahnya dikebumikan di sebelah kubur ibunya.

Plot cerpen ini diolah begitu menarik dan terdapat unsur-unsur ketegangan dan imbas kembali. Namun begitu, wasiat Maimon pada akhir cerita serta kematiannya yang tiba-tiba dikira tidak logik dan merupakan suatu kelemahan. Sepatutnya cerita ini lebih menarik kalau Maimon dihidupkan terus dan digambarkan sebagai wanita gigih dan tahan menghadapi cabaran masa. Kebanyakan plot cerpen Muhammad Yasin diakhiri dengan tragedi. Mematikan watak-watak utama menjadi kegemaran Muhammad Yasin untuk menarik simpati pembaca bagi menambahkan kesan. Watak-watak dalam cerpen-cerpen Muhammad Yasin adalah mewakili ahli-ahli masyarakat yang sebenar, iaitu masyarakat yang hendak dikritik dan ditegurinya. Justeru itu, watak-watak yang dipilihnya dapat menghidupkan cerita. Ada sesetengah watak diperkenalkan kepada pembaca melalui ucapan daripada watak-watak lain tetapi kebanyakannya diterangkan oleh pengarang sendiri.

Pengarang-pengarang Melayu sebelum perang lazimnya menjadi pengisah yang intrusif. Mereka didapati sering melebih-lebihkan keadaan sesuatu watak ciptaannya sehinggakan ada watak yang ditonjolkan sebagai manusia yang *supernatural* dan *super human* – yang mempunyai segala kelebihan. Jikalau watak jahat digambarkan seolah-olah hitam terus, sehingga tidak ada kebaikan sedikit pun pada watak itu. Tetapi Muhammad Yasin Maamor agak berlainan. Beliau menggambarkan watak bulatnya daripada kalangan manusia biasa yang ada baik dan buruknya. Malah, wiranya juga

digambarkan sebagai manusia yang mempunyai kebaikan dan kelemahan.

Hampir kesemua watak yang terdapat dalam cerpen Muhammad Yasin dilukiskan secara langsung oleh pengarangnya. Pengarang berusaha menceritakan keadaan dan tindak tanduk serta perwatakan watak-wataknya secara terperinci dan lengkap. Dalam "Oh Kekasihku Tak Kering oleh Panas dan Tak Basah oleh Air" pengarangnya cuba menggambarkan sikap Arfah dengan berkata:

*Nurse* comel dan baik hati itu, selalu melayan akan dia dengan muka yang manis dan budi bahasa yang lemah lembut tidak hairanlah ia seorang gadis Melayu terpelajar, berhati penyayang dan kasih kepada orang-orang yang sakit, berbudi pekerti cara adat dan hormat umat timur.

(*Warta Ahad*, 2 Julai 1940)

Begitu juga dalam cerpennya "Bermain-main di Perigi Beracun", Muhammad Yasin melukiskan watak Siti Zaharah, pendukung fahaman moden dengan menyebutkan:

... Siti Zaharah telah bangun daripada kerusinya dengan muka yang merah dan darah yang bergementar.... Zaharah merasa dia lebih disukai oleh ramai terutama tepuk Zaharah yang lebih daripada haknya, bila Zaharah meningkat naik ke atas pentas yang berupa sajak pakaiannya bukan Melayu lagi, melainkan seperti perempuan Nasrani....

Manakala watak Siti Kalsum yang dianggap sebagai watak utama pula digambarkan:

... Siti Kalsum dengan lemah lembut naik ke atas pentas, matanya mengerling dan memandang rata dengan tajam seperti mengenal dan mengecam orang ramai ... ya Siti Kalsum Si Comel perempuan yang beragama dengan muka-muka yang manis-manis.

Malah, ada antara cerpen Muhammad Yasin terus memperkenalkan wataknya kepada pembaca seperti yang terdapat dalam cerpen "Berulam Jantung" (*Majlis*, 21 November 1938):

... Tuan-tuan pembaca yang dihormati hendaklah tahu adalah anak gadis yang baru disebut itu umurnya tidak lebih dari 16 tahun, duduknya di Beranang, melihat pada tempatnya sudah tentulah gadis itu seorang yang terpilih dengan sifat kecantikannya. Kulitnya putih, hidung mancung,

rambut hitam dan lebat, giginya putih teratur seperti papan, matanya biru air laut, keningnya hitam hampir bercantum, tubuhnya tidak besar dan tidak kecil pakaian yang suka dipakainya berkain batik Pekalungan dan berbaju puteri biru laut ... apatah lagi potongan badannya seperti gitar. Maka, sudah tentulah sebaik-baik dan secantik-cantik sifat pada gadis itu.

Muhammad Yasin juga mengemukakan watak-wataknya melalui dialog orang lain. Ini terbukti dalam cerpennya "Di Bawah Lindungan Cinta". Watak Abdullah Salas hanya diketahui melalui surat Syamsir kepada Syamsiah yang berbunyi; "... berkenaan dengan pinangan Abdullah Salas terhadap dinda telah pun diterima oleh ayah dan ibu dinda iaitu yang sebaik-baiknya. Abdullah Salas itu rakan kanda semasa sekolah teknikal dahulu, dia berpelajaran tinggi dan lawa orangnya. Anggaphlah diri kanda sebagai saudara." Manakala dalam cerpen "Bukan Pertemuan" pula, watak 'ayah' diketahui melalui dialog Ahmad kepada Harun yang memberitahu ayahnya berusia 50 tahun dan berkahwin dengan Kamariah yang berumur 15 tahun.

Muhammad Yasin juga ada membuat eksperimen dengan memperkenalkan wataknya melalui aksi, emosi dan perasaan watak itu sendiri. Cerpen "Asyik Maksyuk Sutan Alam" dan "Pengaruh Sutan Alam", menggunakan teknik watak itu sendiri bercerita melalui "aku". Misalnya, "Jika Zainab tidak sudi menyambut kasih sayangku sedialah aku mati kerana ianya. Kerambit dalam kocek bajuku pun kukeuarkan kerana hendak menghiris perutku...."

Daripada cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Muhammad Yasin ini, didapati watak yang dikemukakan kebanyakannya terdiri daripada golongan masyarakat Melayu pertengahan. Masyarakat berbilang kaum tidak banyak disentuh, kecuali dalam cerpennya "Polis dan Mata-mata Gelap" sahaja. Justeru itu dapatlah dikatakan watak-watak yang dikemukakan oleh Muhammad Yasin tidak merangkumi sebahagian besar rakyat Tanah Melayu ketika itu.

Oleh sebab Muhammad Yasin seorang tokoh pendidik, maka penggunaan bahasa dalam karyanya, khususnya dalam cerpen-cerpennya lebih mantap dan tidak banyak dipengaruhi oleh ayat-ayat lama yang terpengaruh dengan struktur bahasa Arab. Hanya dalam novel *Suka dan Duka* agak terasa sedikit pengaruh begitu. Dalam cerpen "Tanggungjawab Muda" beliau mengata-

15 hari bulan Melayu, pukul sepuluh malam di mana waktu itu puteri bulan sedang condong naik dalam motokar yang berbaris di sisi padang

Selangor Club sambil mendengarkan bunyi yang sedap manis dimainkan oleh pancaragam di tengah-tengah padang yang cantik ... sebuah motokar Baby Austin sedang berhenti di pangkal pokok jati yang rendah di tepi padang tersebut. Di dalam motokar itu nyatalah wajah seorang anak muda....

(*Majalah Guru*, Januari – Februari, 1932)

Dalam cerpen "Kecewa" pula Muhammad Yasin menyebut:

Api terang-benderang di Hollywood Park Kuala Lumpur. Manusia sedang berduyun-duyun, lelaki dan perempuan berbagai bangsa kerana hendak melihat wayang dan ronggeng serta tari-menari yang sedang menjadijadi di sana. Kenaikan motokar dan basikal serta beca berselubut datang dengan laju potong-memotong sambil membunyikan hon pada segenap lorong dan simpang. Ahmad seorang anak muda yang baik parasnya memakai pakaian serba hitam bernektie belang kasut berkilat dan sebatang tongkat di tangannya sedang menaiki sebuah beca.

(*Majlis*, 1935)

Walaupun ada penggunaan ayat yang panjang-panjang tetapi ungkapan dan kalimatnya cantik dan menarik. Ia benar-benar menggambarkan sesuatu situasi dengan terang dan nyata. Walaupun cerpen ini dihasilkan dalam tahun 1932 dan 1935, namun bahasanya begitu segar dan lunak dibaca. Permainan kata-kata dan jalinan ayat-ayatnya menampakkan penggunaan bahasa yang hati-hati dan tidak sedikit pula melahirkan nada yang romantik. Kecekapan Muhammad Yasin mempermainkan bahasanya telah berjaya memikat hati para pembaca.

Selain itu Muhammad Yasin juga menggunakan teknik bahasa berita atau bentuk surat. Teknik begini sebenarnya dapat memendekkan plot ceritanya. Hampir separuh daripada cerpennya mengandungi surat. Bahasa yang terdapat dalam surat-surat itu ringkas dan tidak seperti surat-surat lama yang penuh mukadimah dan puji-pujian yang panjang berjela-jela. Contohnya surat dalam cerpen "Tawarikh yang Menyedihkan":

Cik Maimon yang dihormati. Sebelum saya menulis dan berkata di dalam surat ini lebih panjang, maka terlebih dahulu maaf itulah yang saya pohonkan kepada Cik Maimon yang dihormati ... dengan dakwat yang terbeku-beku saya sampaikan harapan maaf kesalahan saya ke bawah

tapak kaki tuan untuk menghapuskan dosa saya. Maaf – Zahari.

(*Warta Ahad*, 21 Julai 1940)

Dalam cerpen "Persambungan Ajal" terdapat surat Zaitun kepada Salleh yang berbunyi:

Surat tuan kedua-duanya selamat diterima ... tetapi saya suka bertanya kepada tuan atas tiga perkara:

1. Adakah tuan telah berfikir pokok bunga melur yang hidup di halaman itu mati oleh air hujan?
2. Tergamakkah tuan bercita-cita hendakkan bunga yang disunting di Taman Indra Sakti itu untuk tuan?
3. Kalau tak sampai maksud tuan kerana bunga dilengkung oleh naga yang besar maka hendak ke mana hati tuan dan cinta tuan mengembangkan sayap?

(*Warta Ahad*, 24 Februari 1936)

Selain daripada surat, terdapat juga pantun diselitkan di dalam cerpen-cerpennya. Ini mengingatkan kita kepada pengarang novel dan cerpen-cerpen dalam tahun-tahun 1920-an yang memang ghairah menggunakan pantun dan syair dalam karya mereka. Dalam cerpen "Asyik Maksyuk Sutan Alam", Muhammad Yasin menuliskan begini:

Tak boleh dibenang-benang,  
Jika dibenang putus kelindang;  
Tak boleh dikenang-kenang,  
Jika dikenang menanggung badan.

Begitu juga dalam cerpennya "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" pula Muhammad Yasin cuba menulis puisi bebas ala gurindam yang berbunyi:

Tengkolok tegak menunjuk angkasa  
Hutan rimba kampung dan desa  
Hulubalang Melayu gagah perkasa  
Keris bertuang jiwa binasa.

(*Warta Ahad*, 7 Julai 1940)

Kadang-kadang Muhammad Yasin agak emosional dan terbawa-bawa kemarahannya terhadap watak-watak yang diciptanya sehingga dia tidak dapat mengawal perkataannya. Misalnya dalam cerpennya "Nasib Moden Siti Comel" menggunakan bahasa daerah seperti "berhincit" dan "berambus" yang membawa maksud menghalau. Biasanya perkataan ini dituturkan ketika seseorang itu terlampau marah: "... bagi saya sebagai penulis cerita mengucapkan kepada Siti Comel selamat berambus dan selamat berhincit ..." (*Majlis*, 20 Julai 1938).

Dalam cerpen "Ombak Perasaan" juga dia menggunakan kata-kata kesat seperti: "Ibunya yang muda telah mencerca akan dia dengan berbagai-bagai perkataan yang tak harus didengar oleh anjing dan babi ..." (*Majlis*, 19 Jun 1936).

Namun begitu, Muhammad Yasin dapatlah disifatkan sebagai pengarang yang pandai memilih kata-kata bagi menggambarkan perasaan jiwa watak-wataknya. Kata-kata pedas dan kasar memang sering didengar daripada orang-orang yang sedang marah. Lain halnya dalam cerita-cerita putus kasih dan kecewa. Dalam cerpen-cerpen yang demikian, Muhammad Yasin memilih kata-kata sedih yang boleh menimbulkan simpati pembaca terhadap watak-watak ciptaannya. Misalnya, dalam cerpennya "Tanggungannya Muda" nada sedih bercampur kesal disuarakan:

... adinda hairan mengapa kakanda tidak hendak menaruh kasih di atas kelemahan kaum ibu, diperbuat seperti benda yang boleh menyenangkan masa baru dibeli saja. Padahal kakanda telah mengerti bagaimana bencana seorang lelaki menzalimkan seorang perempuan ... ya begitulah kehidupan seorang lelaki yang tak harus dijadikan menantu oleh sesiapa yang ada beranak gadis....

(*Majalah Guru*, Januari-Februari 1933)

Dalam cerpennya berjudul "Bukan Pertemuan" Muhammad Yasin menggambarkan nada sedih campur kesal wataknya itu sebagaimana berikut:

... ini apa yang hendak kukatakan, nasi sudah jadi bubur. Perempuan yang kucintai dan kekasihku yang kufikirkan jadi kongsi hidupku telah berkahwin dengan ayahku yang telah tua ganyut itu.

(*Majlis*, 23 Jun 1938)

Muhammad Yasin berjaya memaparkan kisah masyarakat Melayu dalam

zamannya dengan bernas dan membawa nada pendidikan dan pengajaran. Pertemuan unsur-unsur budaya dan nilai Barat dalam masyarakat Melayu tradisi banyak membawa inspirasi kepadanya dalam menghasilkan cerpen-cerpennya. Walaupun dia cuba berhempas-pulas untuk melepaskan diri daripada ikatan tradisi, namun Muhammad Yasin terperangkap juga dengan norma masyarakat tradisional yang dianggapnya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas itu.

Secara keseluruhannya kelihatan cerpen-cerpennya sudah membawa perubahan dan ini jelas dengan adanya percubaan-percubaan baru yang dilakukannya. Karya beliau harus dianalisis dengan lebih teliti di samping membandingkannya pula dengan karya-karya pengarang cerpen lain yang sezaman dengannya. Terdapat banyak sekali percubaan-percubaan yang dilaksanakannya.

## Puisi

Seperti yang telah diperkatakan lebih awal, Muhammad Yasin yang lebih dikenali dengan nama penanya Pungguk lebih terserlah dalam penghasilan puisi daripada karya kreatif yang lain. Ali Haji Ahmad dalam bukunya *Puisi Baharu Melayu* menyatakan bahawa puisi baharu Melayu bermula sejak 1934 oleh seorang penyair yang memakai nama samaran Pungguk. Puisi-puisinya mula tersiar dalam *Majalah Guru*.

Walaupun dari segi bentuk rangkap, puisi Pungguk masih mencontohi puisi lama Melayu, khususnya pantun dan syair. Namun, sebenarnya menurut Ali Haji Ahmad, puisinya sudah menyimpang daripada tradisi puisi Melayu lama. Penyimpangan ini termasuklah dari aspek pemilihan diksi, unsur bunyi, semangat, pandangan, suasana, dan sikap. Berdasarkan ukuran-ukuran inilah, puisi Muhammad Yasin yang berjudul "Di Tengah Segara" (*Majalah Guru*, 1933), yang penuh bersemangat dan beremosi dapat dianggap telah keluar daripada konvensi puisi yang biasa. Manakala suasananya pula telah mula menyimpang daripada keadaan puisi tradisional seperti pantun dan syair. Ini mengingatkan kita kepada puisi-puisi penyair Indonesia, Amir Hamzah.

Untuk membicarakan karya puisi, unsur-unsur seperti tema dan persoalan, bunyi, pemilihan kata atau diksi, bahasa, nada, perlambangan dan juga mesej yang hendak diutarakan perlu diberikan perhatian. Pembicaraan tema dan persoalan akan menyentuh juga tentang mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang.



Keseluruhan tema sajak-sajak Muhammad Yasin berkisar pada cinta dan kasih sayang termasuk cinta sesama manusia, cinta kepada watan dan cinta kepada Allah azzawajalla.

Sajak-sajaknya "Keluh-Kesah", "Siti Dara", "Adinda Sayang", "Waktu Senja Kala", "Taman Perasaan", dan sebuah lagi sajak tanpa judul, ternyata mengutarakan perasaan cinta penyair terhadap kekasihnya. Sebagai seorang muda, Muhammad Yasin bergaul dengan gadis-gadis di Kuala Lumpur yang ketika itu mula menghirup angin perubahan dan kebebasan, terutamanya bagi kaum wanita di bandar-bandar.

Seperti pemuda-pemuda lain juga, dia telah jatuh cinta kepada seorang daripada gadis-gadis kenalanrnya. Pengalaman cinta pertamanya menjadikan jiwanya gelisah dan tidak tenteram lalu gelora cinta yang manis itu diadunnya dalam untaian sajak. Dalam sajak ini kelihatan Muhammad Yasin berasa rindu dendam dan gila bayang apabila dilamun rasa cinta. Ini dapat diteliti dengan jelas daripada rangkap puisinya di bawah ini:

Waktu senja burung terbang  
 Waktu adinda bersedih cita  
 Hancur dan lebur di kalbu abang  
 Sedihkan adik panah dewata.  
 Waktu dinihari malam yang sunyi  
 Waktu kanak-kanak kehilangan ibu  
 Abang meratap berbagai bunyi  
 Merindukan adik bernyala di kalbu.

(*Majalah Guru, Mac 1934*)

Gelora cinta yang dialaminya begitu hebat sehinggakan tidak dapat dibendung lalu terakamlah menjadi tema dalam sajaknya. Oleh sebab perasaan yang sedemikian benar-benar mengganguinya, penyair menjadi seorang yang tidak rasional pula. Seperti katanya lagi:

Waktu kabus menyambut siang  
 Waktu makhluk bangun bekerja  
 Abang terlalai waktu sembahyang  
 Asyikkan adinda intan durja.

(*Majalah Guru, 1934*)

Dalam sajak "Adindaku Sayang" (*Majalah Guru, 1935*), penyair sekali lagi

mengambil tema cinta dan gelora asmara sehingga terasa mendayu-dayu sekali menyatakan perasaan rindu dendam dan asyik berahinya. Setiap detik dan setiap saat hatinya tetap lara dibuai asmara.

Termenung aku di pantai berida,  
 Memandang ombak menderu-deru,  
 Jantungku sedih mengenangkan adinda,  
 Cintaku terkobar darahku terharu.  
 Waktu senja pula kumenung  
 Mambang kuning limpah di bilik  
 Puas kuperhati puas kutenung  
 Bayang tak tiba kusangka adik  
 Senyap sunyi bayu berpuput  
 Dinihari sejuk sampai ketika  
 Sebentar kubaring sebentar kuberlutut  
 Asyikkan adik tidak berjangka  
 Hingga subuh terbit fajar  
 Kokok ayam sahut-menyahut  
 Hawa siang baru kusedar  
 Jiwaku malang fikiranku larut  
 Menggelisah aku ke kanan ke kiri  
 Penat dan letih rasa jiwa  
 Bantal dan selimut kulawan berperli  
 Hai adinda.

Apabila seseorang itu diserang perasaan cinta berahi yang terlalu amat, keadaannya menjadi tidak tentu arah dan jiwanya sentiasa resah gelisah. Dalam setiap sajaknya yang bertemakan cinta dan kasih sayang, Muhammad Yasin berjaya melukiskan gambaran orang yang sedang dilamun gelora asmara. Lihat bagaimana tulisnya:

Puteri bulan memancar pula  
 Merataplah punggung di segenap rimba  
 Menentang bulan cahaya cemerlang  
 Sedih hatiku sebagai tersula  
 Pilu dan ngilu bercampur hiba  
 Bilakah bertemu kekasih cemerlang.  
 Ah! Nasibku oh! Untungku  
 Ayuhai belahan nyawa, kekasihku  
 Di mana tuan duduk bertunggu

Kakanda meratap serasa dipangku  
Serasa adik sama di sisiku  
Jiwa terikat kaki terbelenggu.  
Titik air mata jatuh berderai  
Di atas bantal di peraduan kakanda  
Basah tuala menghapus mutiara  
Kakanda rasa kita bercerai  
Hancur dan lebur di dalam dada  
Adik tak lupa hilang bicara  
Bilakah gerangan kita bertemu....

(“Waktu Senja Kala”, *Majalah Guru*, Julai 1935)

Walaupun Muhammad Yasin mengatakan orang bercinta itu teruk sekali keadaannya, namun seseorang yang sedang bercinta itu haruslah berwaspada jikalau mahu selamat. Dunia ini hanya pinjam-pinjaman, akhirat juga akan sudahnya. Oleh sebab itu, dalam dunia ini banyak sangat yang palsu. Dalam berkasih sayang juga banyak perkara yang harus diambil kira dan dipastikan. Hasil penelitiannya itu Pungguk menyedari secara lebih mendalam tentang kesangsian, kecurigaan dan waspada mereka yang sedang menghadapi gelora cinta itu.

Muhammad Yasin seperti menyindir dan memerli sesetengah gadis yang pernah ditemui dan dimesrainya dengan membanding-bandingkan antara mereka. Katanya, ada antara mereka itu yang kaki solek dan ada pula yang pengotor. Malah, ada yang sudah beranak dan bersuami, berani mendakwa diri masih bujang. Oleh sebab itu, mereka yang sedang dilamun cinta haruslah berhati-hati, jikalau tidak alamat dirinya seperti kain lampin di jemuran, selepas dipakai akan ditinggalkan begitu sahaja. Sebagaimana yang terdapat dalam puisi “Siti Dara” katanya:

Oh dara, oh Siti,  
Yang molek yang comel yang jinjang,  
Terlenggok terlenggang lemah-gemalai  
Kutenung, kuperhati  
Yang pesolek, yang pengotor, yang bujang  
Bak lampin baru disidai.

(*Majalah Guru*, Julai 1937)

Selain mencintai kekasih, menurut Muhammad Yasin, mencintai orang

tua sendiri juga adalah perlu. Kasih sayang dan perasaan cinta terhadap ibu merupakan sesuatu yang sangat-sangat dituntut oleh Allah sehingga dikatakan bahawa syurga itu berada di bawah telapak kaki ibu. Mencintai seorang ibu bukanlah sekadar menjaga makan minumannya dan keperluan hariannya. Sebaliknya, mengingati dan menyanjung tinggi pengorbanan yang telah mereka berikan adalah sangat-sangat dituntut oleh Ilahi. Tema cinta dan kasih kepada ibu kandung disuarakan dalam puisi "Ibuku":

Wahai ibuku wahai bondaku!  
 Mengapa tak tidur mengapa dukacita  
 Malam siang panas dan sejuk?  
 Ayuhai anakku ayuhai puteraku!  
 Mendidik kau terang dan gelita  
 Puas dinyanyi jemu dipujuk.  
 Hai azabnya bonda mengasuh beta  
 Makan minum sekalian dicega  
 Menyelamatkan anak kan jadi manusia  
 Itulah ibu terus berkata:  
 Lindungan ibu sebagai mega  
 Lelah ibu hilang upaya.  
 Ibu! Mahkota negara  
 Bersumpahlah anakanda dalam dunia.  
 Membekal pelihara anak bondaku.  
 Anakanda! Anakanda mustika puri  
 Selamatlah engkau dalam bahagia  
 Siratkan niatmu sebagai biku.  
 Oh ibuku....

(Majalah Guru, Mac 1934)

Dalam salah sebuah puisinya yang tidak berjudul juga, Muhammad Yasin sekali lagi mengutarakan tema rasa kasih dan sayangnya terhadap ibundanya yang tercinta. Pada pagi-pagi hari raya dia sering terkenangkan bondanya yang disayangi. Muhammad Yasin merakamkan rasa penghargaan dan rindunya dalam rangkap-rangkap puisinya:

Bukan tak arif pemandanganmu, oh ibu!  
 Bukan tak tahu isyaratmu, oh bonda!  
 Sesungguhnya hamba maklum dan merasa  
 Ibuku merana berhari raya

Bukan tak terasa dek hausmu, oh ibu!  
Bukan tak insaf dahagamu, oh bonda!  
Hamba berdoa pada Allah Yang Esa  
Dicururkan rahmat ibuku diberi.

(*Majalah Guru, Mac 1938*)

Cinta kepada tanah air ataupun negara juga tidak kurang pentingnya dalam hidup ini. Malah, dalam Islam pun seseorang manusia itu wajib taat setia dan menaruh rasa cinta terhadap negara dan pemerintahnya. Bagi Muhammad Yasin, cintakan watan sama pentingnya dengan cintakan orang tua dan kekasih. Kasih dan cinta kepada negara banyak caranya. Salah satu daripadanya adalah menyanjung tinggi serta mengagumi kewujudannya. Misalnya, mengagumi kecantikan pemandangan alam semula jadi, kesuburan tanahnya, malah letak sesuatu kawasan itu di muka bumi ini. Justeru itu, bagi Muhammad Yasin keindahan alam ciptaan Tuhan itu merupakan salah satu nikmat yang harus disyukuri lalu diabadikan tema itu dalam puisi-puisinya.

Keindahan alam semula jadi itu jika dibandingkan dengan kecantikan seorang gadis atau wanita yang menjadi impiannya, tidak banyak perbezaannya. Mungkin kadang-kadang kecantikan alam semula jadi itu lebih mengasyikkan. Menyanjung dan mengagumi tanah tempat tumpah darah sendiri menunjukkan rasa kecintaan dan taat setia seseorang yang tidak berbelah bahagi. Pengalaman begini dilukis serta dijadikan tema dalam sajaknya yang berjudul "Indahnya":

Indahnya alam dijadikan Allah  
Sungai laut asyik terdedah  
Bukit gunung tinggi dan rendah  
Mergastua unggas dan manusia  
Kayu-kayan rumput-rumpai  
Hijau kuning biru terampai  
Udara angin berkisar bersepai  
Manusia pahit tawar nikmat.  
Walaupun demikian syukurnya beta  
Dianugerah Tuhan raya dewata  
Tetapi ... tak sama dengan ... adinda  
Rambutnya hitam panjang terurai  
Matanya jemih kening mengalis  
Senyumnya di bibir hatiku berkirai

Lupakan Tuhan timbul iblis  
 Hati yang asyik jauhari  
 Kamu itu khayal merosakkan diri  
 Cinta asyik campuran berahi  
 Itu kecewa akan menyedari

(*Majalah Guru*, Ogos 1936)

Meskipun puisi adalah belaian rasa sepiantas lalu, namun ia adalah alun perasaan orang muda dalam bercinta. Pada hakikatnya, puisi-puisi Muhammad Yasin ditulis dalam keadaan penuh sedar. Beliau merakamkan tema cinta dan cita-cita zamannya yang memercikkan api penentangan dan antipenjajahan Inggeris (Usman Awang, *Berita Minggu*, 11 Julai 1971). Kadang-kadang kita menjadi keliru apakah tema itu tentang rasa kasih dan cinta terhadap "kekasihnya?" Contohnya dalam sajak "Selalu Merayu" (*Majalah Guru*, 1934):

Ayuhai rindunya....  
 Wahai sedihnya....  
 Beta tanggungkan....  
 Hati yang sayu....  
 Kalbu yang pilu....  
 Daku tangiskan ... daku angankan ...

Perasaan Muhammad Yasin seolah-olah mendayu hiba mengenang untung nasib bangsa dan tanah airnya yang tertindas di bawah pemerintahan penjajah. Dalam puisi di atas dia seperti mengharap sesuatu akan berlaku terhadap negaranya. Perlu diingat bahawa puisi Melayu lahir kerana dan bersama memuncaknya rasa setia dan cinta kepada tanah air di kalangan rakyat. Demikian puisinya "Di Tengah Segara" membawakan rasa setia dan cintanya kepada tanah air melalui rasa kecewa yang amat sangat seorang rakyat yang mengenangkan nasib tanah air yang merengek di bawah tekanan penjajahan (Jaafa HS, 1972:3). Tekad untuk membebaskan diri daripada tindasan ini tidak bisa dilenturkan seperti katanya:

Dalam gelombang hembur-menghembur  
 Kudengar seru sayup bahasa  
 Hatiku lebur bagaikan hancur  
 Hendak direnang beta tak bisa  
 Tuan mengeluh menanggung nestapa  
 Kudengar turut sama bersedih

Meski kurenang takkan berjumpa  
Segara berpuaka teluk beralih  
Dengan sengaja doa kupohon  
Kepada Allah Yang Maha Kaya  
Allah menolong jiwa teralpakan  
Sampaikan di tepi selamat bahagia

(*Majalah Guru*, Disember 1933)

Hasil daripada pakatan UMNO, MCA dan MIC, maka kongres menetapkan bahawa pada 31 Ogos 1957, Semenanjung Tanah Melayu akan merdeka. Untuk menyambut kemerdekaan Tanah Melayu itu maka Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor telah mengeluarkan majalah khas yang diberi nama *Bingkisan Merdeka* dengan Muhammad Yasin dipilih sebagai Ketua Pengarang.

Tidak ada apa-apa lagi yang lebih menggembirakan hatinya, selain kemerdekaan negara tanah tumpah darahnya. Dengan penuh gembira dan bersemangat Muhammad Yasin menyambut kemerdekaan itu. Dalam rencana pengarang "Bingkisan Merdeka" (*Bingkisan Merdeka*, 1957), Muhammad Yasin telah menulis sebuah puisi khas yang bertemakan kemerdekaan yang berjudul "Merdeka.... Merdeka.... Merdeka ..."

Berkorbanlah dengan harta dan kekayaan  
Berkorbanlah dengan hati dan perasaan  
Berkorbanlah dengan jiwa dan kematian.  
46 tahun mendung hitam di angkasa,  
Matahari gelap disaput mega  
Mendayu-dayu ombak di Selat Melaka  
Tergendong Gunung Tahan walau tinggi  
Kekeringan muara air tak memenuhi  
Malang sial hamba Tanah Melayu diratapi  
Oh ... jadi hamba ditindasi....  
Syukur bergeraklah mendung hitam di kaki langit  
Memancarlah sang suria di angkasa tinggi  
Membangunlah ombak di Selat Melaka  
Megun Gunung Tahan tanah pasak sakti,  
Membuaklah muara sungai air memenuhi  
Dirgahayu, bahagia, berdaulat Tanah Melayu yang dicintai;  
Merdeka ... Merdeka ... Merdeka ...

(*Bingkisan Merdeka*, Ogos 1957)

Selain tema cinta, puisi-puisi yang membawakan persoalan dan ketidakpastian serta pengharapan dihasilkan juga. Lazimnya dan paling mudah pengharapan itu disuarakan dengan menyerahkan diri, berdoa dan bermunajat kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Ada kalanya perasaan bimbang, ragu, cemas dan kesal terhadap sesuatu yang mengganggu pengarang untuk melaksanakan pekerjaannya dengan sempurna. Oleh itu untuk menenangkan perasaannya Muhammad Yasin mencuba memujuk hatinya sendiri dengan pengharapan seperti yang dipaparkan dalam puisi, "Pujukan Hati":

Tenang, hatiku tenang!  
 Tahankan tangis ratapmu,  
 Istimewa keluh kesahmu,  
 Membuat akalku tenggelam berenang!  
 Bersih, otakku bersih  
 Usah dimimpi yang jauh masih  
 Walaupun kata "oh ... kasih"  
 Rosak jantungku pertemuan selisih.  
 Megunlah! Dan heninglah!  
 Jangan kamu bersedih helah  
 Kerana ... godaanmulah....  
 Maka hempeduku hancur berbelah  
 Terdiam hatiku ke langit mengarah  
 Di cuaca kamar cahaya gemilang  
 "Kudengar bisik adik Saerah,  
 Sedihku berkobar tak mahu hilang  
 Untunglah hatiku menurut kata!  
 Sunyi senyap ia segera,  
 Baharulah selesa segala anggota,  
 Belayarlah hati di laut dura...!

(Majalah Guru, Mac 1934)

Puisi "Tak Disangka-sangka" juga membawakan tema dan persoalan penghargaan. Sewaktu-waktu Muhammad Yasin berasakan dirinya sering menaruh harapan kepada Allah Subhanahu wa Taala, akibat daripada ketidakpastiannya serta pengharapannya yang agak besar itu, kadang-kadang dia termangu-mangu dan terpinga-pinga, tidak pasti dan terkapai-kepai kedu-nguan. Puisinya "Tak Disangka-sangka" menggarap keadaan sebegini:



Bilaku sampai di tepi laut,  
Hatiku menung menekan dagunya,  
Menentang ombak menderu di pantai  
Ombak menyeru sedihku menyahut,  
"Apa diseru?" Sedih bertanya?  
Gelombang menjawab "Ia mengintai",  
Terperanjat besar segala hatiku,  
Suara ombak menjawab tadi,  
Bukan ombak yang bersuara,  
Suara! Adikku! Kekasihku!  
Ke mari dekat wahai fuadi,  
Lama sudah abang melara...

*(Majalah Guru, Mac 1934)*

Dalam puisi "Selalu Merayu" juga dapat diikuti sekali lagi penekanan persoalan yang sama. Bagirnya tempat untuk seseorang umat itu menyerahkan jasad dan rohnya adalah kepada Yang Maha Esa sebagaimana katanya:

Ayuhai rindunya ...  
Wahai sedihnya ...  
Beta tanggungkan ...  
Hati yang sayu ...  
Kalbu yang pilu ...  
Daku tangiskan ... daku angankan!

*(Majalah Guru, Mac 1934)*

Tidak pula jauh bezanya sikap dan pandangan penyair ini terhadap ketidakpastian dan pengharapan itu sendiri. Justeru itu, berdoa adalah sebaik-baik jalan untuk mengembalikan keyakinan diri. Tema begini terdapat dalam puisinya "Oh Tuhan" seperti di bawah:

Oh Tuhan ...  
Anugerahilah cintamu  
Ke dalam sanubari segenap ronggaku  
Sudah bertahun aku tersebu  
Sesak nafas lidahku kelu

Oh Tuhan...!  
Siramilah rahmatmu  
Ke liang jantung segala hatiku

Kusambut dengan suka hati....

Kupelihara ... cinta berahi

Oh Tuhan...!

Berilah ... jiwaku

Berseri cahayanya seperti geliga

Menaruh rindu bukan kepatang

Segenap ketika seluruh alam

Hendak melihat wajah adikku

Oh Tuhan...!

Segerakanlah kudratku

Berilah kuasa akan anggotaku

Biar kurenung lautan rindu

biar kuharung hutan cintaku

Jika boleh.... Oh Tuhan!

Kalau kasih akan hambamu

Hasilkanlah maksud hambamu

Cintaku yang lemah segera biku

Biar selamat sejahtera hidupku

Oh Tuhan...!

(Majalah Guru, Julai 1936)

Jika dalam sajak "Tidak Disangka-sangka" Muhammad Yasin menyatakan tentang kejahilan dirinya, dalam sajak seterusnya ini dia ingin memperlihatkan bahawa dalam sesuatu keadaan, tidak ramai mereka yang sedia membantu apabila ditimpa kesusahan. Justeru itu, dia menyeru agar setiap insan mesti berusaha dan jikalau tidak juga berjaya sesudah puas berusaha maka barulah diserahkan kembali kepada takdir. Tema begini dapat ditatapi dalam sajaknya yang berjudul "Sesat di Hutan Kerana Merajuk" seperti di bawah ini:

Di dalam hutan sunyi dan lengang

Berjalan aku tercengang-cengang

Mendengarkan ungka tersahut siamang

Berseru melangsing tangis menggermang

Suara manusia tiada di sana

Hanya aku terdiri terlena

Rumahku terdiri tidak kerana  
Hawa sejuk seperti terkena

Bukan apa yang ditakuti  
Bunyi mengganggu selalu melangsi  
Bunyi riang-riang seperti bangsi  
Ular lidi menjalar di sini.

Dalam keadaan tercengang-cengang begitu, tiba-tiba Muhammad Yasin berasakan dirinya seolah-olah hilang atau terpencil jauh daripada orang ramai dan bagaikan tercampak jauh sampai ke dalam hutan belukar yang tebal serta menggerunkan. Tema kekeliruan dan ketidakpastian dapat dilihat dalam puisi ini.

Hutan tegak rimba belantara  
Tersesat aku seperti kera  
Burung dan napuh lari bercempera  
Melihatkan manusia berjalan melara

Bila aku cuba berteriak  
Bahananya jelas hutan bersorak  
Jauh dan sayup gemuruh kuberarak  
Di tempat merbahaya binatang berselerak

Oh Tuhan Yang Maha Kaya!  
Menjadikan alam hutan yang kaya  
Ada muslihat apa upaya  
Terkarang di hutan di gunung paya

Berjalan aku dari selangkah ke selangkah  
Ditegur pula kera dan cika  
Ia menegur bunyi berdekah  
Dahan melentur ada yang sekah

Ah adinda ... sampaikan hati membiarkan kakanda  
Marilah, marilah ... pujuk kakanda  
Kakanda kelmarin bukan salah hanya bergurau senda....

*(Majalah Guru, Ogos 1936)*

Sebagai seorang pendidik yang telah mengajar di beberapa sekolah dan

berpengalaman menghadapi murid dan keluarga murid yang berbagai-bagai, Muhammad Yasin tidak melepaskan pengalaman itu berlalu begitu sahaja, malah pengalaman-pengalaman itu dirakamkannya dalam puisi-puisinya.

Malah, perutusan dan mesej yang hendak disampaikan terserlah dalam setiap puisinya itu. Muhammad Yasin begitu peka dengan alam dan suasana. Apa yang paling menarik adalah pemilihan diksi yang amat tepat dan sesuai, contohnya semasa dia berdepan dengan ibunya dia membahasakan dirinya dengan kata-kata "hamba".

Bukan tak tahu isyaratmu, oh bonda!  
 Sesungguhnya hamba maklum dan merasa  
 Bukan tak insaf dahagamu, oh bonda!  
 Hamba berdoa pada Allah Yang Esa

Apabila Pungguk berhadapan dengan Tuhan Rabbul Jalil dia juga membahasakan dirinya "hamba".

Jika boleh ... oh Tuhanku!  
 Kalau kasih akan hambamu  
 Hasilkanlah maksud hambamu

Ini amat berbeza apabila beliau berdepan dengan kekasih atau buah hatinya. Beliau tidak membahasakan dirinya dengan menggunakan kata-kata "hamba" sebaliknya beliau menggunakan kata-kata *aku*, *daku*, *kakanda* ataupun *abang*. Kesesuaian dan keserasian pemilihan diksi inilah yang membuatkan puisi-puisi Muhammad Yasin berjaya. Beliau dapat mendekatkan diri pembaca kepada permasalahan dan persoalan yang ditimbulkan sehingga terasa seolah-olah mereka ikut sama merasakan gelora hatinya. Contohnya:

Bukan ombak yang bersuara  
 Suara adikku, kekasihku  
 Ke mari dekat wahai fuadi  
 Lama sudah abang melara....

("Tak Disangka-sangka")

Begitu juga yang terdapat dalam rangkap puisinya seperti yang dicatatkan di bawah ini:

Waktu senja burung terbang  
 Waktu adinda bersedih cita

Hancur dan lebur di kalbu abang  
Sedihkan adik panah dewata

("Keluh-kesah")

Malah, dalam untaian puisi-puisi ini jelas sekali memperlihatkan bentuk rayuan ataupun permohonannya:

Ah nasibku, oh untungku  
Ayuhai belahan nyawa, kekasihku  
Di mana tuan duduk bertunggu  
Kakanda meratap serasa dipangku  
Serasa adik sama di sisiku  
Jiwa terikat kaki terbelenggu.

("Waktu Senja Kala")

Malah, unsur rayuan juga digambarkan dalam rangkap seperti di bawah ini:

Hati yang sayu ...  
Kalbu yang pilu ...  
Daku tangiskan ... daku angankan....

("Selalu Merayu")

Pemilihan diksi yang amat berhati-hati yang dilakukan oleh Muhammad Yasin telah berjaya memperjelaskan lagi perutusannya. Setiap patah perkataan yang dipilihnya tepat dan padat. Ini jelas seperti: *berhati walang, kalbuku gundah, berbunyi mendayu, cintaku melayang, merataplah punggung, hatiku sebagai tersula, pilu dan ngilu, kakanda meratap, kaki terbelenggu, titik air mataku mutiaraku, dan kita bercerai serta hancur dan lebur*, yang benar-benar dapat menggambarkan suasana kemurungan, kesedihan dan rindu dendam yang amat sangat.

Dalam puisi ini Muhammad Yasin mengemukakan irama romantik yang begitu enak di dengar. Mendengar sajak-sajak romantik beliau, pembaca seolah-olah dibawa sama mengalami peristiwa dan pengalaman tersebut. Selain itu terdapat perkataan-perkataan perbandingan asli ciptaan Muhammad Yasin sendiri seperti *Puteri Awan, Pohon Ankara, Belahan Nyawa, dan Sedih Hatiku Sebagai Tersula*. Imej dalam puisi ini juga dapat menolong pembaca

memahami maksud sebenar penyair dengan lebih tepat.

Dalam puisi "Ibuku" pula, Muhammad Yasin memilih diksi yang tepat dalam menerangkan dan menjelaskan rasa hatinya atau rasa bangga dan syukurnya terhadap kekudusan kasih sayang seorang ibu yang berjasa kepadanya. Misalnya, perkataan-perkataan seperti *Ibuku – bondaku, anakku – puteraku, terang dan gelita, dinyanyi – dipujuk, mendidik – mengasuh – menyelamatkan, dicega, membela pelihara*, malah metafora dan perlambangannya juga cukup tepat bagi menggambarkan pujaan dan sanjungannya terhadap sesuatu yang amat diharganya: *mahkota negeri, mastika puri*.

Dalam puisi "Selalu Merayu" pula terdapat perkataan-perkataan yang menggambarkan perasaan gelora seseorang yang dilanda rindu akibat diserang penyakit cinta. Selain kata-kata yang dapat menggambarkan perasaan hati, ia diikuti pula dengan tanda titik-titik yang putus-putus antara 4 – 8 titik yang juga membawa makna tersendiri bagi menambahkan lagi pemahaman pembaca tentang isi hati penyairnya. Misalnya, dalam rangkap di bawah ini:

Ayuhai rindunya ...  
 Wahai sedihnya ...  
 Beta tanggungkan ...  
 Hati yang sayu ...  
 Kalbu yang pilu ...  
 Daku tangiskan ... daku angankan...!

Keadaan yang sama terjadi juga dalam sajaknya "Pujukan Hati", dalam sajak tersebut banyak perkataan yang melambangkan dan menggambarkan perasaan sayu, hiba, sedih, dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini benar-benar dapat mempengaruhi pembaca merasai sama pengalaman sedih dan duka itu. Misalnya, terdapat perkataan-perkataan seperti *tangis ratapmu, keluh-kesahmu, akalku tenggelam berenang, hempedu hancur berbelah, sedihku berkubur, dan di lautan dura...*

Dalam sesetengah tempat, Muhammad Yasin menampakkan sifat ego-nya pula, terutama apabila berdepan dengan masalah percintaan. Muhammad Yasin seperti tidak mahu memperhambakan dirinya terhadap perasaan kasih dan cinta. Dengan kata lain tidak mahu dirinya dikuasai sangat oleh emosi-nya sendiri. Justeru itu, dia cuba untuk menjadikan dirinya *superior* dengan memakai diksi *beta* seperti yang terdapat dalam beberapa buah puisinya:

Hai azabnya bonda mengasuh beta  
Makan minum sekalian dicega  
Menyelamatkan anak kan jadi manusia

("Ibuku")

dan seterusnya pula dia berkata:

Ayuhai rindunya ...  
Wahai sedihnya ...  
Beta tanggungkan ...

("Selalu Merayu")

Ataupun dia akan mengucapkan dengan nada suara yang tinggi dan lantang bagi menolak sebarang pernyataan kontradik baik dalam diri sendiri mahupun kepada orang lain. Dengar katanya:

Bukan beta tak sayang, oh cinta!  
Bukannya mabuk kerana kepayang  
Di dalam sanubari hasrat semata.

("Tanpa Nama")

Pemilihan diksi yang sesuai dan tepat boleh membuatkan puisi itu difahami dengan jelas dan mesejnya juga sempurna. Malah, pembinaan puisi itu sendiri dikatakan kukuh dan padu. Dalam sajaknya "Keluh-kesah" jelas kelihatan perkataan dan frasa kata yang tepat dan padu digunakan. Perkataan seperti *hancur dan lebur* serta *bernyala di kalbu* dapat memberikan gambaran yang sejelas-jelasnya kepada pembaca dan pendengar betapa teruk dan pedihnya orang yang dilamun rindu dan diamuk cinta.

Waktu senja burung terbang  
Waktu adinda bersedih cita  
Hancur dan lebur di kalbu abang  
Sedihkan adik panah dewata.  
Waktu dinihari malam yang sunyi  
Waktu kanak-kanak kehilangan ibu  
Abang meratap berbagai bunyi  
Rindu adik bernyala di kalbu.

Dalam puisi "Waktu Senja Kala" juga Muhammad Yasin cuba menggambarkan tenatnya orang yang dilamun rindu dan, perkataan-perkataan seperti

*kalbuku gundah, akalku haiwan, hatiku sebagai tersula, pilu serta hancur dan lebur* menggambarkan azab dan sengsaranya apabila seseorang itu menanggung seksa percintaan.

Rohku menjelma terbang ghaib  
Terkenangkan adik berhati walang  
Kalbuku gundah akalku haiwan.

...

Sedih hatiku sebagai tersula  
Pilu dan ngilu bercampur hiba.

...

Kakanda rasa kita bercerai  
Hancur dan lebur di dalam dada

Jelas dalam puisinya tadi, Muhammad Yasin berhati-hati memilih perkataan, menyusun lambang dan mengatur struktur ayat sehinggakan benar-benar dapat menimbulkan nada yang amat romantis. Gambaran fenomena alam yang indah dilukiskan sebagai bandingan kepada perasaan manusia. Walaupun Muhammad Yasin tiada menggunakan tanda nada suara, namun pemilihan kata yang digunakannya dapat menunjukkan suasana yang begitu romantis.

Jika ditinjau pula pemilihan diksi yang menggunakan kata-kata lama, Muhammad Yasin juga berjaya mengaplikasikannya, kerana diksi itu amat sesuai dalam menyampaikan maksud dan mesejnya seperti yang terdapat dalam puisi di atas tadi. Perkataan-perkataan seperti *walang*, *gundah*, dan *hiba*. Manakala dalam puisi yang berjudul "Ibuku" pula beliau menggunakan perkataan *gelita*, *dicega*, *mega*, *puri* dan *biku*. Kata-kata begini sangat menusuk kalbu pembaca dalam menggambarkan betapa khusyuk dan luhurnya khidmat bakti serta pengorbanan seorang ibu seperti yang diungkapkan:

Ayuhai anakku ayuhai puteraku!  
Mendidik kau terang dan gelita  
Puas dinyanyi jemu dipujuk.  
Hai azabnya bonda mengasuh beta  
Makan minum sekalian dicega  
Menyelamatkan anak kan jadi manusia  
Itulah ibu terus berkata:  
Lindungan ibu sebagai mega  
Lelahan ibu hilang upaya.



Ibu! Mahkota negara  
 Bersumpahlah anakanda dalam dunia  
 Membekal pelihara anak bondaku.  
 Anakanda-anakanda mestika puri  
 Selamatlah engkau dalam dahaga  
 Siratkan niatmu sebagai biku.

Begitu juga dalam puisi "Adinda Sayang" terdapat penggunaan kata-kata lama yang sukar ditemui apatah lagi difahami oleh anak-anak muda sekarang. Misalnya, perkataan seperti *berida*, *berpuput*, *berperi*, *tertera* dan *walang*. Perkataan seumpama ini lazimnya digunakan dalam syair-syair dan pantun Melayu lama yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat.

Perkataan-perkataan seperti *ombak menderu*, *pantai berida*, *senja*, *mambang kuning*, *bayu berpuput*, dan *fajar*, adalah fenomena alam iaitu suasana yang umum diketahui oleh orang Melayu dan mempunyai pengertian yang luas dan tersendiri pula. Misalnya, *ombak menderu* menandakan hati yang kacau dan tidak tenteram. Manakala *kokok ayam sahut-menyahut* pula menandakan hari sudah hampir menjelang subuh. Oleh sebab bahasa yang digunakan dalam puisi "Adindaku Sayang" ini begitu romantik dan menarik, ia bukan sahaja dapat mencerminkan apa-apa yang dimaksudkan oleh pengarang itu sendiri tetapi sekali gus memperlihatkan suasana dan *mood* peristiwa atau amanat yang hendak disampaikan. Pendeknya imej yang hendak dikemukakan oleh Muhammad Yasin cukup berjaya. Contohnya:

Termenung aku di pantai berida,  
 Memandang ombak menderu-deru,  
 Jantung sedih mengenangkan adinda,  
 Cintaku terkobar darahku terharu  
 Waktu senja pula kumenung  
 Mambang kuning tumpah di bilik  
 Puas kuperhati puas kutenung  
 Bayang tak tiba kusangka adik  
     Senyap sunyi bayu berpuput  
 Dinihari sejuk sampai ketika  
 Sebentar kubaring sebentar kuberfutut  
 Asyikkan adik tidak berjangka  
     Hingga subuh terbit fajar  
 Kokok ayam sahut-menyahut  
 Hawa siang baru kusedar

Jiwaku malang fikiranku larut  
 Menggelisah aku ke kanan ke kiri  
 Penat dan letih rasa jiwa  
 Bantal dan selimut kulawan berperai  
 Hai adinda....

(*Majalah Guru*, Julai 1936)

Dalam puisi yang tidak berjudul ini pula Muhammad Yasin memperlihatkan ketajaman pemerhatian dan penelitiannya sehinggakan pemilihan diksinya menjadi kemas dan tepat. Misalnya, beliau menggambarkan perasaan kasih dan sayang terhadap seseorang walaupun tidak diluahkan di mulut tetapi tetap disimpan dalam hati. Katanya:

Bukan tak nampak wajahmu, oh sayang!  
 Bukan tak terpandang wajahmu, oh cinta!  
 Sungguh wajahmu terbayang-bayang!  
 Di dalam mimpi di ruang mata  
 Bukan hamba tak cinta, oh sayang!  
 Bukan beta tak sayang, oh cinta!  
 Bukannya mabuk kerana kepayang  
 Di dalam sanubari hasrat semata.  
 Bukan tak arif pemandanganmu, oh ibu!  
 Bukan tak tahu isyaratmu, oh bonda!  
 Sungguhnyanya hamba maklum dan merasa  
 Ibuku merana berhari raya  
 Bukan tak terasa hausmu, oh ibu!  
 Bukan tak insaf dahagamu, oh bonda!  
 Hamba berdoa kepada Allah Yang Esa  
 Dicururkan rahmat ibuku diberi

Kadang-kadang apabila marah, Muhammad Yasin menggunakan kata-kata pedas dan luahan rasa marah itu dapat dilihat dalam puisinya "Nasihatnya Wang". Beliau beranggapan sesetengah orang itu menyangka bahawa wang boleh membawa kebaikan kepada manusia. Dalam puisi ini, beliau dengan berani menggunakan kata-kata biasa yang agak kasar dan pedas seperti *celaka*, *neraka*, *terbelalak*, *sasar*, *badi* dan *jembalang*. Kata-kata ini sebenarnya sengaja dipilih oleh Muhammad Yasin dan mempunyai fungsi kemarahan, kebencian, jijik, kekesalan dan sebagainya. Perkataan-perkataan *roh* dan *hikmat Raja Dunia* adalah perlambangan beliau yang tulen dan asli. *Badi*

dan *jembalang* pula adalah pengaruh jahat kepada wang. Puisi ini menggunakan kata-kata yang sesuai untuk menasihatkan seseorang.

Wanglah raja, ringgitlah dewata  
 lalah sentosa ialah celaka  
 Hilang fikiran menggelapkan mata  
 Syurga terkeluar rapat ke neraka

Selain itu, Muhammad Yasin juga mempunyai kecenderungan dalam membuat pemilihan diksi untuk memenuhi rima atau bunyi pada setiap perkataan pada akhir baris. Ini mengingatkan kita kepada puisi tradisi seperti pantun dan syair yang mempunyai rima, *a b a b* atau *a a a a*. Dalam sajak "Keluh-Kesah" misalnya jelas kelihatan penyusunan diksi untuk mendapatkan rima akhir *a b a b* (*terbang, cinta, abang, dewata*) dan (*sunyi, ibu, sunyi, kalbu*) itu:

Waktu senja burung terbang  
 Waktu adinda bersedih cita  
 hancur dan lebur di kalbu abang  
 Sedih adik panah dewata  
 Waktu dinihari malam yang sunyi  
 Waktu kanak-kanak kehilangan ibu  
 Abang meratap berbagai bunyi  
 Merindukan adik bernyala di kalbu

Di sini jelas Muhammad Yasin menggunakan rima akhir yang menyerupai pantun tetapi bezanya tidak ada pembayang maksud sebagaimana dalam pantun. Selain itu, bukan setakat rimanya sahaja menyamai pantun, malah suku katanya pun tertakluk kepada 8 hingga 12, iaitu suku kata yang terdapat dalam pantun dan syair. Ini bermakna Muhammad Yasin masih belum terlepas seluruhnya daripada ikatan tradisi. Beliau sudah mula membuat perubahan dengan menggunakan unsur-unsur waktu dan suasana sebagai mengganti pembayang maksud bagi memperjelaskan lagi maksud keseluruhan puisinya itu.

Dalam sajak "Tak Disangka-sangka" pula Muhammad Yasin masih terikat dengan penggunaan rima pantun enam kerat *a b c a b c, d e f d e f* dan suku katanya juga masih antara 8 hingga 12. Cuba perhatikan puisi ini:

Bilaku sampai di tepi laut  
 Hatiku menung menekan dagunya,

Menentang ombak menderu di pantai,  
 Ombak menyusur sedihku menyahut,  
 "Apa diseru?" sedih bertanya,  
 Gelombang menjawab, "Ia mengintai",  
 Terperanjat besar segala hatiku,  
 Suara ombak menjawab tadi,  
 Bukan ombak yang bersuara,  
 Suara adikku kekasihku,  
 Ke mari dekat wahai fuadi,  
 Sudah lama abang melara....

Manakala dalam puisi-puisi yang tidak berjudul itu pula bentuknya kelihatan seperti bentuk pantun lapan kerat. Rima bunyi pada akhir tiap-tiap hujung barisnya ialah *a b c d a b c d*. Contohnya:

Bukan tak terdengar ratapmu, oh adinda!  
 Bukan tak terdengar keluhmu si buah hati  
 Sesungguhnya hamba mendengar dan mengerti  
 Menantikan masa hendak dipelawa  
 Bukan hamba, tak rahim oh adinda!  
 Bukan kanda tak kisah si buah hati  
 Adikku dicinta sampai ke mati  
 Kuletak di dalam piala jiwa.

Walaupun kelihatan sekali imbas sajaknya ini mempunyai bentuk seperti pantun lapan kerat kerana barisnya dan juga rima akhirnya, namun pembentukan rangkap daripada kalimat-kalimatnya jauh lebih bebas dan arbitari. Malah, langsung tidak ada ikatan puisi tradisi dari segi jumlah suku kata dalam satu-satu barisnya.

Satu lagi bentuk yang amat popular dan digemari oleh Muhammad Yasin, malah banyak terdapat dalam puisinya adalah bentuk pengulangan. Beliau menggunakan pengulangan dalam puisi-puisinya dengan tujuan untuk menekankan dan menegaskan lagi amanat yang hendak disampaikan. Misalnya, dalam sajak "Keluh-kesah", beliau mengulangi perkataan waktu sebanyak lapan kali. Begitu juga dalam sajak "Oh Tuhan" beliau mengulangi frasa *Oh Tuhan!* sebanyak enam kali. Manakala dalam sebuah sajak yang tidak berjudul pula, dia mengulangi perkataan *bukan* sebanyak sembilan kali. Perkataan *si buah hati, oh adinda, oh cinta* dan *oh sayang!* Dua kali setiap satu. Cuba lihat contohnya:

Bukan tak nampak wajahmu, oh sayang!  
 Bukan tak terpandang kerlinganmu, oh cinta!  
 Sungguh wajahmu terbayang-bayang!  
 Di dalam mimpi di ruangan mata;  
 Bukan hamba tak cinta, oh sayang!  
 Bukan beta tak sayang, oh cinta!  
 Bukannya mabuk kerana kepayang  
 Di dalam sanubari hasrat semata.

Bukan tak terdengar ratapmu, oh adinda!  
 Bukan tak terdengar keluhanmu si buah hati  
 Sesungguhnya hamba mendengar dan mengerti  
 Menantikan masa hendak dipelawa  
 Bukan hamba tak rahim, oh adinda!  
 Bukan kakanda tak kasih si buah hati  
 Adikku dicinta sampai ke mati  
 Kuletak di dalam piala jiwa.

Pengulangan bersambut yang membentuk semacam satu irama juga dilakukan oleh Muhammad Yasin dalam puisi "Ibuku". Sebenarnya tujuan atau maksud beliau menggunakan pengulangan bersambut ini untuk lebih menguatkan penekanan dan penegasannya terhadap mesej dan amanat yang hendak disampaikannya dalam puisinya itu. Dengan adanya unsur-unsur pengulangan ini, ia mudah kekal dalam ingatan pembacanya. Antara perka-taan yang diulanginya secara bersambut ialah:

Wahai ibu.... Wahai bonda  
 Ayuhai anakku.... Ayuhai puteraku  
 Puas dinyanyi.... Jemu dipujuk  
 Lindungan ibu.... Lelahan ibu  
 Ibu! Ibu!... Anakanda! Anakanda!

Pengulangan bersambut begini bukan sahaja memberi penekanan tentang mesejnya tetapi juga lebih enak dan lunak didengar. Bunyi yang romantik itu memperlihatkan keharmonian yang utuh terutama bagi seorang anak yang mengagumi dan bersyukur atas penjagaan ibunya selama ini. Keharmonian itulah yang digunakan bagi memperlihatkan kekudusan hati nurani ibunya.

Selain itu, Muhammad Yasin juga memasukkan unsur dialog ke dalam puisi-puisinya. Ini merupakan satu pembaharuan yang sukar terdapat dalam

sajak-sajak lain yang sezaman dengannya. Dalam puisinya "Ibuku" ada memperlihatkan unsur dialog ini:

"Hai! Azabnya bonda mengasuh beta  
Makan minum sekalian dicega  
Menyelamatkan anak kan jadi manusia."  
Itulah ibu terus berkata:  
"Lindungan ibu sebagai mega,  
Lelahan ibu hilang upaya."

Malah dalam puisinya "Tak Disangka-sangka" dimasukkan unsur dialog ini juga, Contohnya:

"Apa diseru?" sedih bertanya,  
Gelombang menjawab, "Ia mengintai!"

Muhammad Yasin juga banyak sekali memainkan perasaan dan emosinya sehingga kelihatan beberapa unsur ilusi dalam ciptaannya. Ilusi juga dapat menggambarkan betapa tidak rasionalnya seseorang itu apabila sudah dikuasai oleh emosi. Misalnya, apabila seseorang itu sudah gila bayang atau gila angau, misalnya dalam sajak "Waktu Senja Kala":

Rohku menjelma terbang ghaib  
...  
Cintaku melayang sebagai bayu  
Terbang melawat ke pangkuan adinda  
Di waktu gelap di saat sunyi.  
...  
Kakanda meratap serasa di pangku  
Serasa adik sama di sisiku.

Keadaan begini juga berlaku dalam puisi "Tak Disangka-sangka", apabila beliau semacam tersedar daripada lamunannya setelah diejek-ejek oleh ombak laut. Penyair bermadah:

Terperanjat besar segala hatiku  
Suara ombak menjawab tadi  
Bukan ombak yang bersuara  
Suara adikku! Kekasihku.  
Ke mari dekat wahai fuadi,  
Lama sudah abang melara....

Sesiapa sahaja membaca dan menghayati puisi-puisi Muhammad Yasin akan berasa nikmatnya. Bukan sahaja dari segi pemilihan diksinya yang lemak merdu dan harmoni tetapi juga rentak dan iramanya yang lemah-gemalai mengiringi sajak-sajak bentuk melankolik yang mengasyikkan. Selain itu, kepetahan dan kecekapan Muhammad Yasin menggunakan ambiguiti, metafora dan simili dalam puisi-puisinya adalah sesuatu yang mengagumkan, khususnya dalam peringkat permulaan persajakan di tanah air. Antara perkataan ambiguiti dan metafora yang terdapat dalam puisi-puisi itu adalah perkataan: *Oh! Sayang, Oh Cinta!, Oh! Adinda, adikku kakanda, hamba, beta, buah hatiku, ombak laut, pantai, gelombang, hutan tebal* dan sebagainya. Perkataan ini boleh sahaja diinterpretasikan dengan pelbagai makna.

Dengan adanya unsur-unsur metafora dan personifikasi memperlihatkan kewibawaan Muhammad Yasin sebagai penyair ulung dan terbilang dalam zamannya. Antara metafora dan personifikasi yang digunakan ialah *cintaku terkorban, darahku terharu, ombak menyeru, ombak menderu, gelombang menjawab, ombak bersuara, lautan rindu, hutan cintaku, panah dewata, intan durja, kalbu gundah, menghapus mutiara, mahkota negeri, mestika puri, akalku tenggelam berenang, hemeduku hancur berbelah, sedihku berkobar, di lautan dura*, dan beberapa yang lain.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa Muhammad Yasin memang benar telah melepaskan dirinya daripada cengkaman tradisi puisi lama. Beliau bebas dan terbuka dalam memilih diksi dan bentuk puisinya mengikut cita rasa, motif dan amanat yang hendak disampaikan. Percubaan-percubaan yang dilakukannya terutamanya terhadap struktur puisinya juga kelihatan amat jauh berbeza dengan puisi-puisi lama. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kalau beliau digelar sebagai Pelopor Puisi Moden Tanah Air, malah lebih daripada itu, Muhammad Yasin ialah tokoh sasterawan tanah air sebelum perang.

## RENCANA UMUM

Selain menghasilkan karya kreatif, cerpen, novel, dan puisi, Muhammad Yasin juga dengan menggunakan nama-nama pena seperti Pengarang, Pensel Biru dan Keris Melayu aktif dalam penulisan rencana. Banyak rencananya tersiar dalam akhbar, mengemukakan pandangan serta kritiknya tentang sesuatu perkara atau pendapat.

Sebagai pengarang *Majalah Guru* dari tahun 1932–37, Muhammad Yasin sendiri banyak menulis rencana sepanjang kelolaannya itu. Senarai rencana-

nya yang menyentuh masalah masyarakat dalam zamannya dapat dilihat pada halaman 136.

Hasil daripada pengkajian para peneliti sastera didapati bahawa Muhammad Yasin lebih dikenali sebagai Pelopor Puisi Melayu Moden. Namun begitu, puisi-puisinya tidak memancarkan sikap memberontak sebagaimana yang dilahirkan oleh Chairil Anwar di Indonesia ketika itu. Ini disebabkan keadaan masyarakat di Tanah Melayu pada zaman Muhammad Yasin menulis belum begitu bergolak. Mereka yang baru-baru ingin lepas bebas itu masih lagi mempunyai batas serta sekatan norma dan tradisi budaya bangsanya.

Peranan Muhammad Yasin sebagai guru yang terdidik dalam tradisi lama, dengan segala macam disiplin dan juga kepatuhan terhadap orang tua serta adat yang mereka pegang selama ini menyebabkan bentuk-bentuk pantun dan syair begitu mempengaruhi puisi-puisinya. Apalagi ketika itu pantun dan syair begitu sehati dengan jiwa raga masyarakat guru pada ketika itu. Guru-guru memang dilatih dan diasuh supaya menjaga kesucian pantun dan syair. Justeru itu, kebanyakan guru pada zaman beliau masih patuh dan tidak mahu keluar daripada ikatan tradisi puisi lama. Muhammad Yasin ketika menjadi pengarang *Majalah Guru* antara tahun 1932–37 pula selalu mengadakan hubungan dengan pengarang-pengarang majalah Indonesia seperti *Pujangga Baru dan Pewarta Deli*, Sumatera. Barangkali hasil daripada pengaruh majalah *Pujangga Baru* inilah yang telah menyebabkan Muhammad Yasin mula tertarik hati kepada puisi-puisi moden yang secara beransur-ansur terkeluar dan melencong daripada tradisi pantun dan syair.

Walaupun Muhammad Yasin masih takut-takut dan ragu-ragu tentang penerimaan pembacanya, dia tetap berusaha memberanikan diri membuat percubaan memenuhi ruangan-ruangan kosong dalam majalah tersebut dengan puisi, yang sedikit bebas dan tidak terikat sampai kepada aturan-aturan tertentu. Namun begitu, Muhammad Yasin masih mengekalkan bentuk puisi tradisi seperti rima akhir dalam pantun dan syair.

Sebagai seorang anak muda yang merindukan kekasih, maka kasih sayang, cinta, rindu, dan dendam sering dijadikan tema mengenang jasa ibu, pengharapan baik pada manusia mahupun kepada Tuhan, memuja keindahan alam dan tanah air sering dilukiskannya. Puisi-puisinya yang hampir berjumlah 20 buah itu dikatakan dapat mengatasi penulis-penulis puisi lain dalam zamannya.

Namun begitu, nama Muhammad Yasin tidak pernah ditonjolkan oleh mana-mana peneliti dan pengkaji sastera tanah air. Barangkali ini disebabkan



belum ada usaha-usaha mengkaji secara serius dan mendalam tentang karya-karyanya. Cuma sebuah latihan ilmiah yang diusahakan oleh Abd. Manaf Jaafar yang khusus membincangkan tokoh ini. Memandangkan banyaknya cerpen yang dihasilkan oleh Muhammad Yasin, iaitu kira-kira 20 buah kesemuanya yang disiarkan sebanyak 60 siri itu maka wajarlah pengkaji akan datang berusaha melihat karya cerpennya secara mendalam dan terperinci.

Daripada kajian selayang pandang terhadap cerpen-cerpennya memperlihatkan secara jelas dan nyata tema dan persoalan yang pelbagai dan amat menarik. Soal-soal masyarakat seperti kahwin paksa, keruntuhan moral muda-mudi akibat menulanya fahaman Barat, cerita-cerita jenayah, dan keburukan masyarakat dalam zamannya dipaparkan oleh Muhammad Yasin dalam cerpen-cerpennya. Persoalan yang dikemukakannya boleh dikatakan berlegar dalam masyarakat bangsa Melayu golongan pertengahan dan hartawan. Malah, persoalan masyarakat majmuk juga cuba disentuh dalam cerpennya "Polis dan Mata-mata Gelap". Beliau kurang menumpukan usaha menulis cerpen-cerpen yang membawa unsur politik dan semangat kebangsaan seperti yang dilakukan oleh Ishak Haji Muhammad dan Abdul Rahim Kajai. Ini mungkin disebabkan Muhammad Yasin terpaksa tunduk kepada tekanan pemerintah kerana pada waktu itu dia seorang pegawai kerajaan iaitu guru. Membaca cerpen-cerpen Muhammad Yasin menambah pengetahuan tentang keadaan masyarakat, sikap dan pandangan orang-orang Melayu waktu itu.

Sebagai pengarang majalah selama hampir enam tahun (1932-37), Muhammad Yasin telah menggunakan kesempatan itu dengan yakin dan berani menulis pelbagai makalah dalam majalah tersebut. Persoalan tentang pelajaran sekolah Melayu, bahasa dan sastera Melayu, persoalan kaum wanita, ekonomi, hubungan antara kaum, persoalan yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu, dan kebudayaan luar adalah antara isu yang menjadi tema penulisannya. Persoalan politik kurang mendapat perhatian dan kurang disentuhnya. Barangkali ini disebabkan oleh *Majalah Guru* itu dikawal oleh badan pengarang yang dilantik oleh pemerintah. Namun demikian, dia telah memainkan peranan dalam meniupkan semangat perjuangan kemerdekaan di belakang tabir.

Sekiranya tumpuan dan perhatian yang lebih diberikan juga kepada cerpen-cerpennya, akan kelihatanlah bagaimana istimewanya tokoh sasterawan ini mengolah persoalan dan peristiwa pada zamannya. Sebagai tokoh pendidik, sifat keguruannya terserlah dalam setiap karyanya sebagai refleksi

gambaran hidup masyarakat Melayu zamannya. Pemaparan peristiwa dan persoalan begini patut dikaji secara mendalam dengan menggunakan pelbagai pendekatan kesusasteraan agar hasrat dan cita-cita murninya tidak terkubur begitu sahaja.

## BAB EMPAT

# Petikan Karya Popular

BAB ini memuatkan sebahagian daripada karya Muhammad Yasin yang dipilih. Pemilihan puisi dan cerpen berdasarkan perbezaan dan kepelbagaian tema, persoalan, mesej, sikap, dan pandangan pengarangnya. Dalam petikan novelnya, tumpuan diberikan kepada gaya bahasa pengarang dalam melukiskan sesuatu suasana, khususnya terhadap gambaran alam percintaan Maimunah dengan Basir.

### PUISI

#### DITENGAH SEGARA

Di dalam gelombang hembur-menghembur  
Kudengar seru sayup bahasa  
Hatiku lebur bagaikan hancur  
Hendak direnang beta tak bisa.  
Tuan mengeluh menanggung nestapa  
Kudengar turut sama bersedih  
Meski kurenang takkan berjumpa  
Segara berpuaka-teluk beralih  
Dengan sahaja doa kupohonkan  
kepada Allah yang Maha Kaya  
Allah menolong jiwa telapakkan  
Sampaikan di tepi selamat bahagia

(*Majalah Guru*, Disember 1933)

#### KELUH-KESAH

Waktu senja burung terbang  
Waktu adinda bersedih cita

Hancur dan lebur di kalbu abang  
 Sedihkan adik panah dewata.  
 Waktu dinihari malam yang sunyi  
 Waktu kanak-kanak kehilangan ibu  
 Abang meratap berbagai bunyi  
 Merindukan adik bernyala di kalbu.  
 Waktu subuh menyingsing di angkasa  
 Waktu tabuh bersahut-sahutan  
 Abang termimpi berbagai rasa  
 Adik disangka hanyut di lautan.  
 Waktu kabus menyambut siang  
 Waktu makhluk bangun bekerja  
 Abang terlalai waktu sembahyang  
 Asyikkan adinda intan durja.

(*Majalah Guru*, Mac 1934)

#### ADINDAKU SAYANG

Termenung aku di pantai berida  
 Memandang ombak menderu-deru  
 Jantungku sedih mengenangkan adinda,  
 Cintaku terkobar darahku terharu  
 Waktu senja pula kumenung  
 Mambang kuning limpah di bilik  
 Puas kuperhati puas kutenung  
 Bayang tak tiba kusangka adik  
 Senyap sunyi bayu berpuput  
 Dinihari sejuk sampai ketika  
 Sebentar kubaring sebentar kuberlutut  
 Asyikkan adik tidak berjangka  
 Hingga subuh terbit fajar  
 Kokok ayam sahut-menyahut  
 Hawa siang baharu kusedar  
 Jiwaku malas fikiranku larut  
 Menggelisah aku ke kanan kiri  
 Penat dan letih rasa jiwa  
 Bantal dan selimut kulawan berperi  
 Mukaku yang masam kualih tertara  
 Hai adinda....

(*Majalah Guru*, Julai 1936)

### PUJUKAN HATI

Tenang, hatiku tenang!  
Tahankan tangis ratapmu,  
Istimewa keluh kesahmu,  
Membuat akalku tenggelam berenang!  
Bersih, otaknya bersih!  
Usah dimimpi yang jauh masih  
Walaupun kata "Oh ... kasih!"  
Rosak jantungku pertemuan selisih.  
Bangunlah dan heninglah!  
Jangan kamu berdalih helah  
Kerana ... godaanmulah....  
Maka hempeduku hancur berbelah  
Terdiam hatiku ke langit mengarah  
Di cuaca kamar cahaya gemilang  
"Kudengar bisik adik Sairah,  
Sedihku berkubur tak mahu hilang  
Untunglah hatiku menurut kata!  
Sunyi senyap ia segera,  
Barulah selesa segala anggota,  
Belayarlah hati di laut dura...!

*(Majalah Guru, Mac 1934)*

### SESAT DI HUTAN KERANA MERAJUK

Di dalam hutan sunyi dan lengang  
Berjalan aku tercengang-cengang  
Mendengar ungka bersahut siamang  
Berseru melangsung tangis mengermang  
Seru manusia tiada di sana  
Hanya aku terdiri terlena  
Rumahku terdiri tidak kerana  
Hawa sejuk seperti terkena  
Bukan apa yang ditakuti  
Bunyi enggang selalu melangsi  
Bunyi riang-riang seperti bangsi  
Ular lidi menjalar di sini  
Hutan tegak rimba belantara  
Tersesat aku seperti kera  
Burung dan napuh lari bercempera

Melihatkan manusia berjalan melara  
 Bila aku cuba berteriak  
 Bahananya jelas hutan bersorak  
 Jauh dan sayup gemuruhku berarak  
 Di tempat merbahaya binatang berselerak  
 Oh Tuhan yang Maha Kaya  
 Menjadikan alam hutan yang raya  
 Ada muslihat ada upaya  
 Terkarang di hutan di gunung paya  
 Berjalantlah aku dari selangkah ke selangkah  
 Ditegur pula kera dan cikah  
 Ia menegur bunyi berdekah  
 Dahan melentur ada yang sekah  
 Adinda ... sampaikan hati membiarkan kakanda  
 Marilah, marilah ... pujuk kakanda  
 Kakanda kelmarin bukan salah hanya bergurau senda....

*(Majalah Guru, Ogos 1936)*

#### INDAHNYA

Indahnya alam dijadikan Allah  
 Sungai laut asyik terdedah  
 Bukit gunung tinggi dan rendah  
 Mergastua unggas dan manusia  
 Kayu-kayan rumput-rumpai  
 Hijau kuning biru terampai  
 Udara angin berkisar bersepai  
 Manusia pahit tawar nikmat  
 Walaupun demikian syukurnya beta  
 Dianugerah Tuhan raya dewata  
 Tetapi ... tak sama dengan ... adinda  
 Rambutnya hitam panjang terurai  
 Matanya jemih kening mengalis  
 Senyumannya di bibir hatiku berkirai  
 Lupakan Tuhan timbul iblis  
 Hai yang asyik muda jauhari  
 Kamu itu khayal merosakkan diri  
 Cinta asyik campuran berahi  
 Itu kecewa akan mengedari

*(Majalah Guru, Ogos 1936)*

### TAK DISANGKA-SANGKA

Bilaku sampai di tepi laut,  
Hatiku menung menekan dagunya,  
Menentang ombak menderu di pantai,  
Ombak menyeru sedihku menyahut,  
"Apa diseru?" sedih bertanya?  
Gelombang menjawab, "Ia mengintai!"  
Terperanjat besar segala hatiku,  
Suara ombak menjawab tadi,  
Bukan ombak yang bersuara!  
Oh! Suara adikku! Kekasihku!  
Ke mari dekat wahai fuadi,  
Lama sudah abang melara....

*(Majalah Guru, Mac 1934)*

### SELALU MERAYU

Ayuhai rindunya....  
Wahai sedihnya....  
Beta tanggungkan....  
Hati yang sayu....  
Kalbu yang pilu....  
Daku tangiskan ... daku angankan...!

*(Majalah Guru, Mac 1934)*

### IBUKU

"Wahai ibuku wahai bondaku!  
Mengapa tak tidur mengapa dukacita?  
Malam siang panas dan sejuk?"  
Ayuhai anakku, ayuhai puteraku  
Mendidik kau terang dan gelita  
Puas dinyanyi jemu dipujuk.  
"Hai! Azabnya bonda mengasuh beta  
Makan minum sekalian dicegahkan  
Menyelamatkan anak jadi manusia."  
Itulah ibu terus berkata:  
"Lindungan ibu sebagai mega  
Lefahan ibu hilang upaya."  
"Ibu, ibu mahkota negeri

Bersumpahlah anakanda dalam dunia  
 Membela pelihara akan bondaku."  
 "Anakanda, anakanda mestika puri  
 Selamatlah engkau dalam bahagia  
 Siratkan niatmu sebagai biku".  
 Oh ibuku....

(*Majalah Guru, Mac 1934*)

### OHTUHAN

Oh Tuhan ...!  
 Anugerahilah cinta-Mu  
 Ke dalam sanubari segenap ronggaku  
 Sudah bertahun aku tersebu  
 Sesak nafas lidahku kelu  
 Oh Tuhan ...!  
 Siramilah rahmat-Mu  
 Ke liang jantung segala hatiku  
 Kusambut dengan suka hati....  
 Kupelihara ... cinta berahi  
 Oh Tuhan ...!  
 Berilah ... jiwaku  
 Berseri cahayanya seperti geliga  
 Menaruh rindu bukan kepalang  
 Segenap ketika seluruh alam  
 Hendak melihat wajah adikku  
 Oh Tuhan ...!  
 Siramilah rahmat-Mu  
 Ke liang jantung segala hatiku  
 Kusambut dengan suka hati....  
 Kupelihara ... cinta berahi  
 Oh Tuhan ...!  
 Berilah ... jiwaku  
 Berseri cahayanya seperti geliga  
 Menaruh rindu bukan kepalang  
 Segenap ketika seluruh alam  
 Hendak melihat wajah adikku  
 Oh Tuhan ...!  
 Segerakanlah kudratku  
 Berilah kuasa akan anggotaku



Biar kurenung lautan rindu  
Biar kuharung hutan cintaku  
Jika boleh ... Oh Tuhan!  
Kalau kasih akan hamba-Mu  
Hasilkanlah maksud hamba-Mu  
Cintaku yang lemah segera biku  
Biar selamat sejahtera hidupku  
Oh Tuhan ...!

(*Majalah Guru*, Julai 1936)

### **MERDEKA!!!**

Merdeka.... Merdeka.... Merdeka  
Berkorbanlah dengan harta dan kekayaan  
Berkorbanlah dengan hati dan perasaan  
Berkorbanlah dengan jiwa dan kematian  
446 tahun mendung hitam di angkasa,  
Matahari gelap disaput mega  
Mendayu-dayu ombak di Selat Melaka  
Tergendong Gunung Tahan walau tinggi  
Kekeringan muara air tak memenuhi  
Malang sial hamba Tanah Melayu diratapi  
Oh ... jadi hamba ditindasi...!  
Syukur bergeraklah mendung hitam di kaki langit  
Memancarlah sang suria di angkasa tinggi  
Membangunlah ombak di Selat Melaka  
Megah Gunung Tanah pasak sakti,  
Membuaklah muara sungai air memenuhi  
Dirgahayu, bahagia, berdaulat Tanah Melayu yang dicintai;  
Merdeka.... Merdeka.... Merdeka....

(*Bingkisan Merdeka*, Ogos 1957)

### **FRAGMEN NOVEL SUKA DAN DUKA**

Dalam novel *Suka dan Duka*, Muhammad Yasin melukiskan dengan terperinci babak-babak percintaan antara Basir dan Maimunah yang menjadi watak-watak utama dalam ceritanya. Muhammad Yasin dapat melukiskan dengan baik *mood* percintaan anak muda Melayu yang begitu bersopan santun mengikut adat ketimurannya. Antara lain beliau melukiskan:

.... Jika kita memandang pada masa itu nampaklah kita pada malam yang tersebut dua buah motokar bertolak dari rumah Si Basir. Bulan purnama terang mengambang. Motokar itu menuju arah ke Bukit Depoh dan turun dengan perlahan-lahan di hadapan office besar dan masuk ke belakang office itu memberhentikan motokarnya pada tempat yang khas.

Apabila telah turun mereka semuanya, maka berjalanlah sekalianya meluaskan pandangan pada manusia yang ramai. Dengan bersiar-siar ke hulu dan ke hilir akan menantikan masa bunga api dimainkan, serta juga hendak melihat sami yang hendak diaraknya kerana kata-kata orang-orang Hindu, saminya itu diperbuat daripada emas, setengah jam lamanya mereka itu merayau-rayau, manusia tersangat ramai berbagai bangsa. Dan baunya pun berjenis-jenis bau-bauan tubuh-tubuh berbahang hangat. Barang siapa yang lemah urat sarafnya tentulah tidak tahan dengan sebab itu jatuhlah pada Maimunah seorang daripada seramai itu tadi, mengatakan kepalanya pening. Tak boleh berjalan dan ia mengatakan pada ibu bapanya dan ibu bapanya Basir juga yang ia lebih suka pulang pada ketika itu juga.

Mendengarkan kata anak gadis itu, kata Encik Shamsuddin. "Jika demikian Encik Akhir? Biarlah saya menghantarnya akan Maimunah ini pulang, sebentar sahaja saya balik ke mari!" Jawab Encik Akhir, "Ah! Tak usahlah Encik Shamsuddin menghantarnya. Biarlah kita orang tua-tua ini tinggal. Sepatutnya orang muda-muda punya kewajipan itu," sambil ia tersenyum memandang Basir. Suka mereka-mereka yang ada mengusik-usik akan Basir. Dilihatnya Basir sentiasa di dalam termalu-malu sahaja, sekalianya percaya memang akan Basir pada amanatnya. Dan diharapi kelak akan jadi pertemuan kedua anak itu.

Basir tersenyum sahaja, kemudian sahut Che Khatun pula, "Ia! Patutnya Basirlah yang boleh menolonghantarkan Maimunah pulang, bila sampai ke rumah janganlah ditinggalkan ia seorang. Tunggulah sampai kami balik. Kami sama-sama tua ini biarlah menyukakan hati pada malam yang demikian keadaannya. Entahkan esok lusa sahaja umur kami lagi. Jagalah Maimunah itu baik-baik di rumah, kami selekas-lekasnya balik pukul satu."

Maimunah pening kepalanya yang kurang kuat tadi sudah menjadi bertambah ngilu gentar hatinya mengenangkan bila ia berjalan dan naik motokar berdua dengan orang yang dicintainya itu. Basir tak dapat hendak mengelak kerana telah dikeras-keraskan benar oleh ibu Maimunah lalu katanya, "Baiklah." Setelah itu Basir pun hampir pada Maimunah lalu katanya, "Silalah kita balik!" Kata itu tiada dijawab oleh anak gadis, hanya dijelengnya sahaja dengan ekor matanya.

Kemudian berjalanlah kedua anak muda itu laksana terkejut daripada mimpi hingga sampai ke motokar ayah Maimunah. Basir duduk di hadapan Maimunah di belakang kemudian berjalanlah motokar itu perlahan-lahan mengikut Petaling Street dan masuk ke Jawa Street pula seperti orang makan angin lakunya. Basir di dalam ia menjalankan motokar itu hatinya kecil besar mengenangkan orang yang di belakang. Fikirannya lebih baik ia menyatakan kasih sayangnya kepada jantung hatinya pada malam ini.

Maimunah satu pun tak ada apa-apa dibuatnya. Tersandar sahaja ia memandangkan sifat keelokan Si Basir. Sesiapa dapat bersuamikan dirinya beruntunglah kelak. "Aku berdoa kepada Tuhan Azizil Jabar supaya dapatlah pula oleh aku seorang suami seperti Si Basir." Makin diamat-amati oleh Maimunah akan orang yang di hadapannya itu makinlah subur nyala asyiknya lalu berfikir lagi hatinya. Kalau Si Basir menjadi suamiku alangkah senang kehidupanku di dunia ini bermacam-macam jenis fikiran yang terkeluar dari dalam kalbu Maimunah. Ditenungnya bulan terang seperti siang menyuluh lanya. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Masa itu tak dapatlah Maimunah meneruskan fikirananya lebih lanjut serasakan hendaklah ia menyatakan cinta melara yang sedang ditanggungnya itu kepada Basir yang sedang berangan-angan juga seperti dia. Akan tetapi fikir-fikir itu tiadalah sampai gamaknya hendak menunjukkan asyiknya. Malunya teramat sangat. Sedangkan sekali-sekali Basir menoleh ke belakang, tak lalu Maimunah menentang sifat dan cahaya muka anak muda itu.

Angan-angan Si Basir lebih kencang daripada Maimunah yang termenung-menung di dalam lautan asyik itu. Dengan tidak bertikir-fikir panjang lagi Basir lalu dibeloknya motokar itu mendaki Bukit Nanas iaitu sebuah bukit yang tinggi di timur pekan itu. Di kemuncak itulah terdiri sebuah sekolah Inggeris yang besar pula.

Bila dilihat Maimunah hal yang demikian, amatlah terperanjat ia melayang darah di dadanya. Lalu ia bangun meraba bahu Basir katanya, "Ke mana kita ini!" Jawab Basir, "Marilah kita ke sana ke atas kemuncak bukit ini boleh senang kita menunggu kilat pancaran cahaya bunga api. Manusia tak ramai di situ boleh kurang pening kepala. Sudikah pergi ke sana?" Maimunah pun terdiam tiada menjawab apa-apa pun kerana ianya sendiri suka hendak melihat bunga api, sekiranya pening kepalanya tidak kuat dan beransur kurang.

Sebentar lamanya sampailah di kemuncak bukit berhampiran dengan suatu taman bunga di sisi sekolah besar itu. Berhampiran dengan tempat itulah terdiri sebuah pejabat pelajaran. Basir pun memberhentikan

motokarnya sambil mengurut rambutnya ke belakang dan memandangi pula ia bulan dan bintang yang sedang cerah cahaya di celah-celah awan yang hijau biru rupanya pada langit. Kemudian dialihkannya penglihatannya ke pekan Kuala Lumpur, kelihatanlah cemerlang dan gemerlapan cahaya api-api elektrik yang teratur beratus-ratus banyaknya di hilir dan di hulu pekan itu. Manusia beribu-ribu berjalan dengan berjenis-jenis kenaikan dan berjalan kaki. Kemuncak gudang-gudang yang besar-besar seperti VTV Lightlo dan Robinsons mercu nampaknya dipanah cahaya bulan dan elektrik di situ. Dan dipandangnya pula serata-rata pekan itu, nampaklah olehnya pekan Kuala Lumpur yang hebat itu diapit oleh beberapa buah bukit yang berkemuncakkan rumah-rumah yang elok bangunannya seperti tempat bertakhta Tuan *Secretary* dan Residen British dan lain-lain lagi, awan yang berjurai-jurai seperti tabir jauh dari timur ke barat berarak-arak ke utara dan ke selatan. Sanya pada masa itu rawan bercampur suka pun ada rasanya sungguhpun perasaan cintanya yang sedang marak menyala tadi tetapi bila ditiup oleh angin-angin yang lemah lembut dan pucuk-pucuk bunga di hadapannya melentur-lentur kena puputan angin yang sepoi-sepoi bahasa itu, tiadalah jadi asyik kerana seolah-olah menyabarkan dan memadamkan api cinta Si Basir. Tidaklah apa-apa perkataan yang terkeluar dari mulut keduanya, lekalah termenung seperti orang kehilangan akal.

Tidak berapa ketika lepas itu diubahnya pula pemandangannya pada bulan yang hampir hendak tegak di ubun-ubunnya tadi bertambah-tambah bersih dan sebiji bintang gemerlap cahayanya berdekatan dengan puteri bulan yang cemerlang itu, maka lalu kata Basir, "Cubalah lihat bintang di langit itu betapakah besar hajatnya hendak menyaingkan cahayanya berdekatan dengan bidadari bulan yang tidak sejodoh dengannya, seolah-olah ia menunjukkan dirinya pada alam dunia ini, yang ia punya bersama-sama juga menyuluh hamba Allah dan kejadian yang ada di atas bumi yang maha luas." Maimunah mendengarkan kata itu perasaannya terbang melayang sebagai ia bermimpi sahaja. Tergamam ia menjawab lalu sahutunya, "Pada fikiran sahaya tidak begitu sekiranya bulan bersaing dengan bintang itulah satu alamat menandakan ada orang besar akan berkahwin. Bukanlah ia hendak menyaing dirinya." Tiba di sini terhenti lidahnya daripada berkata. Kerana malunya hendak bercakap panjang. Lain rasanya ia hendak menyebut nama Basir, sahaja selalu. Dan tak tahu pula ia hendak mengubah panggilan Basir dengan nama yang baharu.

Si Basir terdiam sekejap badannya sejuk-sejuk hangat. Darah di dadanya seperti ditampi-tampi kerana amatlah sukarnya ia hendak memulakan dengan kata lain pada menyatakan niat cintanya yang ter-

kandung di sanubarinya itu. Bibirnya berat seperti dijahit-jahit lalu ditundukkannya mukanya sambil memainkan pesawat enjin motokar itu dengan kakinya. Maimunah di belakang pula tak tentu hendak diusiknya. Kadang-kadang dicucuknya telunjuk ke bibirnya serta dialihnya pandangan pada cahaya bunga api yang tengah dipermainkan oleh orang-orang Hindu di padang tadi nampak cahayanya gambar-gambar api itu dari tempat Maimunah yang termasuk di dalam lautan harus asyik itu.

Antara yang demikian oleh Basir digagah-gagahnya berkata lagi, "Saya memohonkan ampun sebanyak-banyak kepada tuan kerana kesalahan saya membawa tuan ke mari ini padahal harapan ibu bapa tuan menyuruhhantarkan ke rumah kerana keuzuran yang tuan hidapi, akan tetapi, apa boleh buat saya yang lemah akal budi bicara telah membuat khilaf atas suruhan kedua ibu bapa tuan itu tiadalah menjadi galangan pada diri sahaya iaitu akan jadi ubat saya boleh memulihkan roh semangat saya yang telah lama terapung di dalam laut-laut percintaan. Oleh itu, sebelum dapat saya hendak menzahirkan bagaimana kalbu percintaan saya yang lemah dan tak ada ubatnya itu, hendaklah saya memohonkan rahmat belas kasihan tuan kepada saya supaya membenarkan saya menyebut nama tuan dengan panggilan – adik."

Habis sahaja kata itu Basir pun memandang muka Maimunah, tetapi apa hendak dikatakan jawabnya sepatah pun tiada hanya Maimunah asyik menentang bulan di langit dan cahayanya pancaran bunga api yang sedang bermacam-macam warnanya baik di awang-awangan, perasaan Maimunah manakala mendengar kata itu berubah sama sekali, bulu romanya berdiri belaka, menggeletarlah seluruh anggotanya yang pening itu telah menjadi hilang pula tak tentu hendak diperbuatnya dengan sebab menghilangkan bera mukanya itulah dibuat-buatnya memandang cahaya yang disebutkan itu.

Si Basir tak tahu membuat apa-apa lain melainkan ditiliknyalah sifat Maimunah yang asyik termenung itu bertambah-tambahlah gelombang cintanya, padahal muka anak gadis itu pucat unas sahaja menjadi bertambah-tambah elok pula dengan pemandangan Si Basir. Dengan tidak dapat tertahan lagi hatinya, mahulah ia mati rasanya daripada ia hidup dengan tidak mendapat apa jawapan dari buah hatinya itu. Lalu ia pun bangun dan beralih duduk ke belakang serta dipegangnya tangan Maimunah dengan perlahan-lahan, sangat terperanjat Si Basir bila merasa tangan gadis itu tersangat sejuk seperti air batu akan hancur rasanya, serta menggeletar tubuhnya. Lalu ia berkata, "Wahai adindaku bidadari kayangan, kasihanilah akan kakanda orang yang telah mabuk

dan tertawan oleh sifat keelokan adinda. Kelu lidah kakanda hendak menyatakan apa-apa yang termeteri di hati jantung kakanda melainkan cubalah adinda pandang bulan di langit sebagai tuan sayangkan bulan, begitulah pula kakanda kasihkan adinda. Sesungguhnya kasih yang sejati ke darah daging kakanda. Sampaikah hati adinda membiarkan kakanda melarat seperti ini kelak?" Lalu ia menangkupkan mukanya ke ribaan Maimunah serta ia bersyair dengan tangisnya teresak-esak:

Wahai adikku intan mestika  
Maafkan abang dayan ketika  
Membuat kelakuan berbagai tega  
Menurutkan hati tak dapat dibeka.

Abang sangat kasihkan tuan  
Seumpama bulan dengannya awan  
Tempat unggas terbang mengawan  
Demikianlah abang ayuhai bangsawan.

Ayuhai adik muda berbakti  
Ketahuilah kiranya ayuhai siti  
Roh abang tertawanlah pasti  
Di dalam jantung adikku yang jati.

Sudikah kiranya ayuhai adik  
Berhambakan abang akal yang pendek  
Abang menurut sebarang selidik  
Walau salah ataupun sadik.

Hidupkanlah abang orang malang  
Roh semangat yang telah hilang  
Janganlah adik syak dan walang  
Hambakanlah abang jangan berselang.

Abang tidak mengubah kata  
Perjanjian yang benar lagipun nyata  
Saksinya bulan di hadapan mata  
Terimalah adik abang yang leta.

Jika ingkar abang nan karang  
Seolahlah segera di tengah terang

Remak dikerat dengannya parang  
Demikianlah setianya abang seorang.

Jika adik tak sudi menerima  
Tinggallah adik bersuka lama  
Mati abang tidak bercengerama  
Roh semangat hilang percuma.

Luputlah dunia dari pandangan  
Kalau terlepas bunga karangan  
Redalah hati jiwa timbangan  
Daripada bercinta dengan berpanjangan.

Dunia yang luas tinggallah nyata  
Adik tinggal bersukacita  
Roh abang melayanglah serta  
Ke dalam udara menyerap rata.

Ayuhai adik junjungan ulu  
Semangat abang hilang selalu  
Azab menanggung sebagai dipalu  
Pedihnya seperti kena sembilu.

Lamalah sudah abang berahi  
Akan adik setiap hari  
Wangi seperti serai serahi  
Harum laksana minyak kesturi.

Perasaan cinta amatlah nyala  
Di sanubari abang seperti kala  
Laksana penyakit terkena sula  
Akal abang hampirkan gila.

Ayuhai adik bunga angسuka  
Abang asyik tidak berjangka  
Siang malam segenap ketika  
Sifat adik serasa di muka.

Merindukan adik bukan kepalang  
Wajah adik sedikit tak hilang

Bertemu di mimpi tidak berselang  
Setiap malam datang berulang.

Adikku tuan indera kayangan  
Abang seumpama bulan kesiang  
Menziarahi adik nyawa kesayangan  
Rasa tak lepas daripada tangan.

Sampai di sini syairnya tidaklah dapat ia hendak memanjangkan lagi. Betapakah halnya Maimunah hati seorang gadis yang lemah, asal terjadi daripada darah segumpal berpecahbelahlah jantung limpanya. Lemah tangan penulis hendak menyatakan satu per satu apa yang ada dirasai oleh anak gadis itu bila ia mendengarkan pujuk rayu Si Basir yang meruntuhkan gunung yang tinggi, terasalah padanya seperti beban yang amat berat dipikulnya. Masa itulah baharu Maimunah mengetahui betul yang Basir pun menaruh kasih cinta serupa dengan dia juga; hal yang begitu tidaklah kita pelik keduanya dipertemukan oleh Tuhan di tempat yang layak umpama cincin dengan permata. Tiadalah dapat lagi ditahan-tahan oleh Maimunah dinding aibnya terbukalah peti hatinya yang sentiasa takut akan sesuatu hal yang terjadi di atas dirinya itu dan terasalah padanya hendak mengkhabarkan segala rahsia isi jantung cintanya yang tertukis di kelepak lipatan segenap jagatnya itu kepada kekasihnya yang tengah teresak-esak menangis seperti anak baharu jadi di atas nbaannya, tak dapat dilayaninya lagi lain daripada air mata anak gadis itu turun berhambur seperti mutiara terlepas dari genggamannya. Hatinya pedih, nafasnya mendesak-desak ke jantung paru-parunya lalu ia pun menyembamkan mukanya di tengkuk kekasihnya. Lalu ia berkata perlahan-lahan seakan hilang dari pendengaran, "Maafkanlah perbuatan adinda yang lebih-lebih amat pada membiarkan hati kakanda sampai begini cedera. Padahalnya bukan terniat sedemikian kerana sebenarnya adinda telah merasa kasih sayang akan kakanda lebih lagi daripada yang kakanda tanggungi. Malunya adinda maka cinta melara adinda tiada terkeluar dan zahir pada kakanda. Perasaan adinda hanya adinda seorang sahaja menaruh persabungan asyik yang sejati dan tak terupa pada akal kakanda rupa-rupanya telah dilorongan oleh Tuhan yang memberi rahmat akan hambanya. Maka dapat persetujuan antara kita berdua, ya kakanda! Ampunilah dosa adinda yang kurang akal bicara ini sekiranya adinda binatang yang boleh digunakan dengan sebab berkhidmatkan tuannya. Nescaya redalah adinda berkhidmatkan kakanda sehingga luput jiwa di badan sekalipun..."

(*Suka dan Duka*, him. 21-32)



Manakala dalam menamatkan ceritanya, Muhammad Yasin Maamor tidak terlepas daripada lumrah dan kecenderungan penulis zamannya. Pengarang suka berkhotbah dan menggurui pembacanya. Ini jelas kerana sifat dan sikap keguruannya sehati dengan jiwanya sebagai seorang tokoh pendidik. Cuba kita lihat cara dia menamatkan novelnya ini:

... Adapun Encik Akhir laki isteri amatlah menaruh sesal yang amat sangat kerana tahulah sudah ia akan menantunya itu menaruh hati yang kurang baik padanya, hajatnya dahulu hendak menumpang kekayaan tuan haji itu pun tiada juga apa hasilnya, wang sendiri juga yang habis pupus pergi menemui anak sendiri ke rumah menantu, anak yang diharapkan selamat jiwa bersama tuan alim kelmarin, tiada juga tepat, dilihatnya anaknya seperti mayat didirikan, kurus kering menanggung percintaan, sakit sahaja tidak berputus-putus. Sebulan baik, dua bulan sakit. Penyakitnya pun tidak tentu hendak dikatakan sakit kudis, sakit badan dan sebagainya! Bukan?

Hiduplah Maimunah di dalam seksa makan hati berulam jantung. Tambahan pula dirinya sudah mulai mengandung tiga bulan hatinya bertambah-tambah walang. Beberapa lamanya genaplah masanya, maka berputeralah ia seorang anak laki-laki yang comel seakan-akan ibunya juga. Maka berganda-gandalah berat tanggungan hatinya dan termengkelan segala jenis makanan yang melalui perutnya pada melihatkan anaknya nasi dimakan serasa sekam. Maka terbayang-bayanglah padanya akan sifat Basir yang ada pada anaknya itu.

Kalikian, manakala sampailah umur anaknya tiga bulan, pada suatu petang waktu senja matahari akan hampir terbenam dan Tuan Haji itu pun tiada di rumah kerana menunaikan hal-hal yang lain. Sanya pada ketika itu tiadalah tertahan hati Maimunah melihatkan anaknya menangis sahaja. Disusukan pun tidak berhenti ia menangis juga. Maka dibawalah oleh Maimunah akan anaknya berjalan-jalan di dalam dusun-dusun yang di belakang rumah suaminya itu. Dan duduklah ia di pangkal pokok bunga tanjung yang sedang berbunga lebat. Semerbak baunya maka merayulah Maimunah di situ mengenangkan nasibnya:

Ayuhai Basir muda pualam  
Azabnya adinda siang dan malam  
Di laut duka adik tenggelam  
Di air mata berenang menyelam.

Lihatlah betapa perihal peri  
Adik sengsara di laman duri

Kakanda bersenang seorang diri  
Leka bersuka setiap hari.

Sampai hati wajah gemilang  
Menjatuhkan adik di lembah malang  
Hancur hatiku bukan kepalang  
Laksana orang terkena salang.

Sekiranya kita berlaki isteri  
Inilah putera kakanda yang ghari  
Memang putera segenap mustari  
Anakanda ditimbang di hujung jari.

Ayuhai kakanda arif laksana  
Adik merawan pelbagai rencana  
Laksana orang terkena guna  
Mengenangkan abang entah ke mana.

Manakah janji kakanda dahulu  
Hendak menolong adinda selalu  
Wahai kakanda junjungan ulu  
Tongkah segera mudik ke hulu.

Maka Maimunah pun menangis, tiap-tiap yang mendengarnya akan rayu itu tentulah menaruh belas yang amat sangat melihatkan malangnya seorang perempuan yang hidup dikelubung sengsara kesusahan sentiasa. Maka setelah puaslah sudah hatinya menangis sehinggakan gelap baharulah ia balik mendukung puteranya.

Lepas perkahwinan Maimunah hiduplah Basir dengan menaruh cinta melara, hingga kurus kering, mencari helah supaya dapat menyelamatkan anak yang tak bernasib itu. Tetapi bila didengarnya Maimunah telah menzahirkan anak, maka beransur-ansurlah hilang dukacita, kerana tiadalah faedahnya lagi, kalau dicari jalan supaya dapat bersama dengan Maimunah. Oleh itu pada tiap-tiap hari, maka mulalah Basir mencari isteri yang sebagai kekasihnya itu juga.

Syahadan, tidak berapa hari lamanya dapatlah ia seorang gadis yang telah lama dicintainya dahulu semasa ia bersekolah kelmarin, iaitu gadis kepada Encik Khursham yang bernama Azizah diam di Jalan Pudu. Maka tentang rupanya dan perangai budi bahasanya anak gadis itu tidak apa juga ubahnya seperti Maimunah – Laksana pinang dibelah dua –

Maka setelah tetaplah hati Basir yang anak gadis itu suka dan cinta padanya lalu disuruhlah akan ibu bapanya meminang di situ. Peminangan itu dengan senang hati berapa-berapa diterimalah oleh Encik Khursham, kerana sudah padan dengan anaknya. Lepas tiga bulan terus dilangung perkahwinannya mengikut istiadat orang-orang yang kaya. Di dalam perbandingan itu tak ubahnya sebagai bulan purnama kedua-duanya.

Maka di dalam perulitan itulah Basir menjemput suami Maimunah dengan anak isterinya sekali hendak dibawanya dengan motokar, tetapi sia-sia sahaja kehendak Basir, yang datang hanya suami Maimunah dan madu-madunya sahaja. Maimunah tak hendak pergi menyatakan beberapa keuzuran. Sangatlah ia mengetahui akan hati yang ditanggung oleh adiknya itu. Tetapi apa hendak dikata! Kehendak orang tua. Kasihan hatinya melihatkan adiknya yang sebegitu comel molek dahulu telah menjadi kurus kering dan pucat unus tidak berdarah. Sifatnya seperti seorang tua. Pipinya cengkung dan matanya termasuk ke dalam. Allah! Belas hatinya sangat atas memandangkan kehidupan adiknya yang tak selamat itu.

Arakian selepas perkahwinan Basir dengan sentosa, aman dan damai sahaja, sejahtera kehidupan suami isteri. Sebulan sudah bersama-sama, dibawanyalah akan isterinya ke rumah sendiri dan ke rumah Encik Akhir juga. Maka pada masa itu baharulah Encik Akhir tahukan diri tinggi langit rendah gunung – dilihatnya anak sendiri tak sempurna hidup, walaupun gelang tangan, gelang kaki, kerongsang dan rantai sarat, cukup sekaliannya makan pakai apalagi tetapi kesal hatinya sebanyak bintang di langit ditelannya sahaja air liur masuk ke dalam.

Dipandangnyanya Basir laki isteri laksana bulan dipagar bintang. Berapa senang hatinya kalau sekiranya Maimunah dijadikan perkahwinan dengan Basir. Lama Encik Akhir termenung bila kesampaian Basir menyalang ke rumahnya. Basir dapat menangkap apa yang terkandung di dalam hati ibu bapa Maimunah. Sahaja dilawannya berkata-kata dengan perkataan yang menyukakan hati kedua orang tua itu dan Said juga meskipun begitu tidaklah boleh memulihkan kalbu dukacita di hati mereka itu hingga luput nyawa kelak.

Shamsuddin laki isteri hiduplah dianya riang hati melihatkan anaknya laki isteri dengan bersesuai. Dan puas hatinya memandangkan kehidupan Encik Akhir yang tidak menepati janji dahulu dipandangnyanya menantu pun tiada pula apa kurang sebagai Maimunah juga – Laksana cincin dua sepasang – Maka oleh itu harta kekayaan habislah diserahkan pada anaknya laki isteri. Maka ada kalanya sekali pergi juga Basir membawa isterinya berjalan-jalan ke rumah Tuan Haji Kantin. Di sini tentulah tuan-

tuan pembaca dapat mengagak mana hati yang tidak hancur ditanggung oleh Maimunah yang memang memutuskan jantung limpanya itu.

Maimunah! Demikianlah keadaannya asal seorang anak gadis yang tidak tolok bandingnya, baik pada pelajarannya yang sederhana dan agama taat, berbudi bahasa yang sempurna, beradab sopan dan santun sebagai anak-anak bangsawan, yang akhirnya menjadi seperti yang telah disebutkan di atas itu. Demikianlah ceteranya seorang anak perempuan yang kehidupan sengsara, seharusnya seseorang yang mempunyai anak seperti itu mahulah jauh tilikan dan pemerhatian yang sehabis-habis halus pada jalan yang aman, selamat sejahtera di dunia akan akhirat.

Seyogianya seorang bapa atau ibu, pandangilah anak itu umpama suatu permata yang boleh menyenangkan hati kita. Sekiranya permata itu kita letakkan pada tempatnya nescaya bercemerlang cahayanya, tinggi mutunya, mulia sebutan; tetapi jika ditaruh di dalam lembah kehinaan, mulia pertama itu sahaja yang ada tetapi dukacita kita dikatai oleh orang-orang bijaksana, "Tak berakal, tak tahu menggunakan harta." Janganlah diibaratkan yang anak itu seumpama seekor kerbau yang ditenak, apabila gemuk sahaja dijual kepada siapa-siapa pun asalkan ada wang nilaian yang cukup! Tamat....

## CERPEN

### "TAWARIKH YANG MENYEDIHKAN"

Stesen Kereta Api Kuala Lumpur yang besar sekali di antara stesen-stesen di dalam Malaya ini penuh dengan manusia datang berkejar-kejar. Setengah dengan motokar dan setengahnya dengan beca dan setengahnya pula dengan basikal dan tidak kurang pula yang berjalan kaki.

Api di dalam stesen itu mengerlap gemerlapan cahayanya memancar dari jauh, di situ sedia kereta yang membawa *passenger* mel itu arahnya menghala ke selatan Semenanjung Tanah Melayu.

Jam yang besar tergantung tinggi di stesen itu menunjuk angka sembilan setengah, platform yang panjang beratus-ratus kaki penuh manusia berpusu-pusu dan separuhnya telah naik ke atas tempat kereta lelaki dan perempuan, di antaranya itu tidak kurang pula berapa ramai yang berupa hiba dan menangis menghantar saudara-maranya merantau jauh.

Nun di gerabak kelas dua adalah sekumpulan beberapa orang yang menghantar seorang anak gadis, terdengar beberapa sedan dan tangis, terdengar beberapa nasihat, terdengar suara yang berhiba-hiba memberi selamat anak gadis itu berjalan satu nasihat keluar daripada bapanya.

"Engkau baik-baik duduk di tempat pelajaran jangan engkau memandang

apa-apa terjadi di sekeliling engkau, melainkan engkau hendaklah belajar betul-betul dengan hati yang tegas dan tetap tawakal di dalam pelajaran, tawakal kepada segala percubaan dan dugaan. Engkau seorang anak gadis, oleh itu aku percaya engkau tentu menerima dan akan menghadap beberapa percubaan dari beberapa sinaran cahaya nafsu yang terbit daripada anak muda tempat kamu belajar.

Engkau hendaklah memelihara kukuh akan maruah engkau dan tidak kurang pula maruah ibu bapa engkau yang tinggal ini. Jangan engkau menconteng arang di muka orang yang engkau harapkan iaitu:

Aku dengan ibumu

Engkau dengan saudara engkau

Engkau dengan sahabat handai engkau dan engkau dengan nama negeri engkau Selangor.

Engkau di sana ialah belajar keraga meluaskan pengetahuan menjadi seorang guru perempuan di Selangor, engkau belajar bukan pula di dalam negeri Selangor tetapi ialah di Melaka. Walaupun Melaka itu dekat namanya tetapi bila bergerak dari kampung halaman sendiri berdagang juga maknanya, lebih-lebih lagi engkau perempuan ingat engkau Maimon! "Pelihara nama baik," kata Haji Zakaria iaitu ayah kepada Maimon. Air mata Maimon telah mengalir dengan derasnya. Ibunya yang telah tua di sisinya itu telah pula tersedan-sedan melihatkan anaknya yang dikasihi itu berhiba-hiba hati dan berjalan jauh.

"Ibu dan ayah janganlah bersusah hati, nasihat ayah itu anak pegang teguh. Tidakkann sesia ayah membela anaknya dari kecil. Doakan sahaja kepada Tuhan moga-moga niat ayah dan ibu yang baik itu berhasil."

Pukul 10.00 betul kereta itu telah mulai bergerak lepas daripada memberi alamat selamat tinggal kepada segala mereka yang tinggal di stesen yang besar itu.

Tuala nampak berkibar memberi selamat jalan dan selamat antara satu sama lain. Semakin lama semakin jauh.... Desus dan desis kereta yang membawa cahaya api di dalam bilik *passenger* makin lama semakin lenyap ditelan oleh udara gelap di dalam alam yang mengandungi beberapa kejadian itu.

Dalam gerabak yang panjang itu Maimon telah menyapu air matanya yang mengalir ke pipi tadi dan matanya jauh memandang pekan Kuala Lumpur yang hebat itu tinggal cahaya-cahaya api yang gilang-gemilang itu nampaknya seperti tuala melambai-lambai hati anak gadis itu meninggalkan kampung halamannya tidak pula kurang hatinya sedih mengingatkan bapanya yang tua dan tangga bongsu rumahnya.

Rasa-rasa terdengar oleh telinganya bunyi kokok ayam dan bunyi merbuk ayahnya yang selalu jadi hibau-hibauan telinganya masa dia tinggal di rumah ibu bapanya. Begitu juga gurau jenaka sahabat handainya yang baik-baik hati itu. Kereta itu berjalan juga berhenti di beberapa buah stesen yang besar-besar dan melalui

beberapa kampung serta membelok beberapa selekoh dengan bunyi-bunyi yang dahsyat.

Maimon telah mulai belajar dan telah pula merasa perubahan yang baharu bagi dirinya. Dia telah belajar lebih tinggi daripada biasa termasuk pelajaran-pelajaran ilmu alam, tawarikh, kira-kira, karangan, tulis-menulis, lukis-melukis dan lain-lainnya.

Lain pula pekerjaan tangan seperti menjahit, menyulam, menekat, iaitu suatu kewajipan perempuan yang lebih utama dikemukakan, lebih-lebih lagi pula hal ehwal dapur, peraturan memasak, peraturan menjaga kebersihan diri dan rumah tangga.

Segala hal yang memang diajar di sana adalah semua itu telah dipelajari oleh Maimon seberapa yang terdaya dan yang terdapat olehnya.

Oleh itu kita tidak hairan bila genap tempoh dua tahun Maimon diakui menjadi seorang guru perempuan di dalam negeri Selangor.

Semasa hendak berpisah Maimon telah merasa lebih sedih lagi bercerai dengan sahabat-sahabatnya yang sesama menuntut di kolej perempuan itu daripada bercerai dengan ibu bapanya. Masa malam penghabisan dia akan meninggalkan tangga kolej itu tidak putus-putus dia telah menangis bercerai dengan sahabat-sahabatnya yang ramah mesra dari selatan Semenanjung. Begitu juga masa naik kereta api dan bercerai pula dengan rakan-rakannya yang di Melaka, Negeri Sembilan dan sesetengahnya ke Pahang bila sampai di Kuala Lumpur terpaksa pula bercerai dengan sahabatnya yang di Perak, Pulau Pinang dan lainnya.

Di dalam penceraiannya seperti itu Maimon telah juga menerima beberapa benda gubahan daripada sahabat-sahabatnya mengatakan:

"Jangan lupa beri surat bila kahwin kelak!"

Tidaklah kurang pula yang mengatakan masing-masing perasaan ada setengahnya hendak bersuamikan orang cantik. Ada setengahnya pula ingin orang yang pandai dan setengahnya pula hendak bersuamikan guru sama guru tetapi sekaliannya itu sudah tentu mereka sekalian tidak ingin orang yang tidak berpelajaran.

Waktu Maimon turun daripada tangga kereta api Kuala Lumpur iaitu balik dari kolej Melaka sesudah tamat pelajaran di sana maka dia telah disambut oleh ibu bapanya dan sahabat handainya dengan girang. Mereka telah mengucapkan selamat balik dan selamat mengajar. Pada masa bertolak dahulu Maimon telah pergi dengan air mata yang berhamburan maka ini telah bertukar dengan muka yang jernih dan girang serta gelak senyum yang merupakan perasaan sukacitanya.

Tiga hari sesampai Maimon ke rumahnya, ibu bapa Maimon telah menjemput beberapa orang jirannya dan sahabat handainya serta saudara-maranya termasuk beberapa orang haji dan lebai kerana kenduri membaca doa selamat Maimon kembali daripada menuntut belajar di Kolej Perempuan Melaka itu. Tetamu dalam kenduri-kendara hari itu dilakukan pada waktu pukul tujuh malam. Di dalam kenduri-

kendara itu juga beberapa orang guru perempuan Kuala Lumpur sengaja dijemput oleh ibu bapa Maimon sama-sama hadir untuk berkenal-kenalan antara satu sama lain, lebih-lebih lagi jika guru-guru itu sahabat handai kenalan lama.

Waktu orang sibuk dengan gelak itu dan setengahnya pula di serambi luar sedang mengertap tulang-tulang ayam dan menghirup kuah, beberapa bunyi siut kepedasan dan beberapa pula bunyi piring, pinggan berlaga-laga berserta api menjulang-julang di dapur menggoreng dan menumis untuk tetamu dan orang rumah. Kemudian pula terdengar suara haji dan lebai berzikir dengan tahlil memohonkan rahmat kepada Tuhan atas ahli al bait dan kaum Islam semuanya. Maka dalam masa yang sibuk seperti itu tiba-tiba terjengul seorang perempuan tua yang miskin dan papa membawa sebuah bungkusan yang berisi dua helai baju yang sudah lusuh dipakai.

"Saya datang ini hendak berjumpa dengan Cik Maimon," ujar perempuan tua yang papa itu.

Ibu bapa Maimon telah datang berterkam mendapatkan orang yang miskin dan ganjil itu.

"Saya hendak memberi hadiah dua helai baju kerana dia selamat kembali dari kolej perempuan Melaka. Seperti tuan-tuan suka akan dia kembali begitulah juga saya yang miskin ini sama-sama tumpang bersuka juga."

Maimon telah ada pula di sisi perempuan tua itu dan Maimon menyambut pemberian perempuan tua itu dengan hati yang sedih melihatkan orang papa dan buruk lisut hodoh pakaian itu sama-sama tumpang berbesar hati kepadanya. Beberapa orang rakan Maimon telah pula datang serta membuka hadiah bungkusan yang diberi oleh perempuan tua itu. Apabila terbuka semua orang gelak terbahak kerana dua helai baju yang buruk.

Orang tua perempuan itu dengan air mata yang berlinang-linang duduk berselipuh di lantai pelantar mendengarkan ejek daripada rakan Maimon. Tetapi Maimon segera membawa orang tua perempuan itu ke atas rumah di dalam biliknya yang besar dan berhiasan itu sangat sedih hatinya melihatkan seorang perempuan yang datang tidak tentu itu.

Mata orang tua perempuan itu liar sahaja ke kiri ke kanan, kemudian ditenungnya dengan mata yang mengandungi mega kesedihan muka Maimon lalu katanya:

"Saya hendak balik cikgu...." Lalu ia bangkit turun dan tidak pula ditahan oleh orang lain. Ada pula yang gegak senyum panjut, melihat telatah orang yang demikian. Dan Maimon pula tidak menahan-nahan makin lagi terus diikutnya orang tua itu hingga ke tanah. Di situ orang tua itu menangis dengan tidak tentu fasa!

Jemputan semua sekali kembali, Maimon masuk bilik tidurnya. Kedua-dua ibu bapanya telah pergi pula tidur. Di atas katil, Maimon telah terkenang balik akan orang tua perempuan itu datang dari mana? Dan mengapa pula dia menghadiahkan baju yang buruk? Dan mengapa pula dia menangis bila kembali?

Dengan hati yang tidak sedap dan seperti menerima petunjuk baju-baju yang dihadiahkan oleh orang tua itu disimpannya baik-baik di dalam almarnya yang berkunci.

Gelang tangan yang dipakainya itu dibukanya balik serta diperhatikannya gelang itu puas-puas – "Tidak elokkah gelang ini?" kata hatinya kerana hairan sangat dia akan hal perempuan tua itu bila memerhatikan gelang ini dia menangis teresak-esak dan berkata pula hatinya.

Barangkali oleh sebab miskinnya perempuan tua itu ingin hendak bergelang? Sekaliannya itu ialah satu hal yang sangat pelik bagi Maimon tumbuh di segenap fikiran merencam setiap masa semalam-malaman itu.

Sebulan apabila kembali iaitu lepas Hari Raya Fitriah Maimon telah dapat surat daripada pejabat pelajaran memberitahu:

"Bahawa Cik Maimon akan mengajar di Sekolah Perempuan Kajang."

Surat diterima dengan hati yang tenang kerana Maimon mengirakan Kajang dengan Kuala Lumpur itu hanya 17 batu sahaja. Kalau hendak dikira bukanlah jauh sangat.

Lusanya Maimon telah sampai di Kajang iaitu sesudah dihantar oleh bapanya ke salah sebuah rumah tumpangan berhampiran dengan sekolah itu. Sebelum ibu bapanya meninggalkan Maimon seorang dirinya malam itu dia telah menerima nasihat yang amat panjang. Kalau hendak ditulis di sini barangkali memakan beberapa ruangan. Tetapi isinya:

1. Hendaklah Maimon menjaga diri di atas kelakuan seorang guru, ikut aturan dan nasihat yang telah dipelajari guru kepada sekalian kanak-kanak perempuan di dalam kelakuan, guru di dalam percampuran, guru itu guru ini. Dan hendaklah Maimon menunjukkan guru itu di atas kelakuan yang sebenarnya bukannya guru itu hanya tertulis di atas sijil keluar dari kolej sahaja umpamanya sijil pertama, kedua atau ketiga.
2. Hendaklah berbaik antara guru-guru sama guru, sahabat dengan rakan, handai dengan taulan. Hormat-menghormati satu sama lain.
3. Taat akan hukuman daripada ketua-ketua dan nasihat yang dituakan oleh orang tua.
4. Hendaklah ingatkan Tuhan yang menjadikan sekalian alam itulah yang lebih utama didahulukan baharu boleh sempurna segala yang lain. Orang yang hampir kepada Tuhan itu adalah sebaik-baik manusia dan selamat dunia dan akhirat.

Sekalian nasihat yang dituturkan dan yang dipantakkan ke lubang telinga itu sedia tersemat di dalam hati Maimon seperti menyemat peniti dengan kertas.

Maimon telah bekerja dengan tekun dan rajin. Budi bahasanya halus dan



baik itu membelenggu hati segala orang, taat dan setia itu menyayangkan hati segala ketuanya, ramah-tamah dengan sahabat handai itu menjadikan ia lebih ramai sahabat kenalan.

Oleh itu, Maimon dari sehari ke sehari adalah seorang perempuan dan gadis yang disegani oleh sekalian orang. Dia tidak pernah menjelir-jelir keluar bila melihat lelaki. Dia tidak pernah membuang masa dalam hidup hari-hari. Kita boleh jumpa Maimon tiap-tiap hari kelapangan telah pergi ke surau perempuan di Kajang kerana menuntut ilmu akhirat kerana Maimon merasa alam akhirat itu jika dipelajari ialah jalan membentuk dan mengelokkan budi perangai di dalam hari dunia.

Maimon beberapa kali telah cuba menasihatkan beberapa orang rakannya perempuan yang selalu melanggar kesopanan dirinya kadang-kadang berjalan-jalan di pekan-pekan dan tersengih-sengih dengan sekaki payung yang hampir merupai perempuan Eropah dalam kebebasan. Boleh bercakap-cakap dengan tidak ada pertunya dengan lelaki yang muda. Dan kadang-kadang pernah pula membawa raket badmintonnya bermain-main dengan *partnernya* lelaki seolah-olah mereka lupa bahawa yang dirinya itu perempuan dan digodai oleh pujuk cumbu lelaki dalam satu ketika yang sangat tidak diperkenani.

Nasihat yang diberi oleh Maimon itu tentulah terbahagi dua pihak oleh rakan-rakannya yang menerima. Separuhnya suka dan separuhnya telah mencebik-cebikkan dengan mengata konon Maimon hendak jadi orang alim, hendak jadi itu hendak jadi ini....

Sekalian kata itu adalah disimpan Maimon di dalam buku peringatannya untuk kenang-kenangan di belakang hari. Tiga tahun lamanya di Kajang beberapa surat yang diterimanya dari sahabat handainya dari Perak, Pulau Pinang, Pahang, Singapura, Melaka, Negeri Sembilan, Johor terutama dari Selangor. Di bawah ini ditulis ringkasan isi-isi surat yang sedia ditulis oleh Maimon di dalam buku peringatannya satu daripadanya ialah surat daripada Siti Zaiton:

*Saya sudah bercerai dengan suami saya mula-mula saya kahwin bercinta kasih sayang, berjanji tidak akan bercerai sampai mati, tetapi malang diri saya kerana baharu tiga tahun saya bersama sudah bercerai pula. Sebab yang jadi bercerai itu, saya kahwin guru sama guru bila suami saya pergi kerja saya pun pergi kerja juga, jadinya makan sudah sampai pukul 3.00 petang baharu makan, begitu juga bila hendak pergi kerja saya bersiap dia pun bersiap, tak dapat saya menyiapkan kewajipan isteri terhadap suami, begitu juga suami saya itu dia kasihan juga akan saya dilihatnya banyak kerja, bila sudah balik dari mengajar saya sibuk pula mengait biku, menjahit semua untuk sekolah, jika tak disiapkan, nama dalam kerja busuk, dan malas.*

*Kemudian bila saya beranak begitu juga, anak saya terpaksa diberi*

orang gaji menjaganya – jadinya saya tidak seperti seorang ibu, melainkan seperti seorang lelaki juga – anak tidak dapat dibela, rumah tidak dapat diurus dengan sempurna, pendeknya kerja guru yang saya buat semata-mata bermakna tukar kerja sahaja iaitu daripada pekerjaan dapur ditukar dengan kerja guru, sebab-sebabnya menjadikan saya sampai begitu maklumlah gaji guru-guru perempuan ini walaupun keluar dari kolej tetapi sangat kecil manakala dibandingkan dengan kerja yang dibuat, pendeknya tidak berpadan kerja dengan gaji, lain pula wang tambang mesyuarat sana dan sini.

Hal-hal ini janda saya itu (dahulu saya panggil suami) berkata sebelum bercerai dia tidak dapat seperti kehendaknya seorang isteri terhadap suami, maka sekarang saya bercerai.

Siti Zaiton

Itulah satu daripada surat yang amat penting dipegang-pegang oleh Maimon. Lain ada beberapa banyak surat yang isi-isinya seakan-akan itu disimpannya belaka.

Mendengar-dengarkan dan menyiasat-nyiasat hal ini Maimon rasa-rasanya hendak dicampakkannya kerja guru itu. Tetapi kalau gaji mahal tentulah boleh untuk meliputi hal-hal yang lain.

Pendeknya, selama dalam kerja itu berbagai-bagailah fikiran Maimon yang terharu. Bekerjalah juga terus-menerus untuk melihatkan beruntungan dalam masa yang akan datang.

Kemudian, daripada beberapa bulan Maimon bekerja di sekolah itu dengan hati yang tetap dan tekun istimewa pula oleh telatah dan kelakuannya yang lemah lembut serta berperangai sopan santun maka ia menjadi sebutan kepada orang ramai adalah Maimon itu seorang gadis pilihan dan seorang gadis yang terpelajar dan lurus pula: tidak panjang mata, tidak pandang serong dan tidak mudah kena takluk di bawah jeling dan kering antara pemuda yang ada membakar kemenyan cinta kepadanya.

Waktu Maimon keluar daripada rumahnya hendak pergi ke sekolah yang jauhnya kira-kira empat rantai itu pun di sebuah pohon bunga kenanga yang sedang kembang dan semerbak baunya itu adalah tiap-tiap hari dijumpai oleh Maimon seorang anak muda yang lain pemandangan Maimon daripada biasa. Itu lelaki tidak boleh ditentang olehnya, kalau ditentang berkejar-kejarlah darah di dalam dadanya dan bergetarlah bunyi gitar yang menyambungkan hati dengan jantung hempedunya – mengapa? Dan apakah sebabnya jadi begitu? Sesungguhnya sangattah ajaib Maimon melihat hal yang berlaku pada dirinya sendiri dan tidak berlaku pada si lelaki itu kata hatinya yang sentiasa berfikir.

Bertambah lama bertambah mendalam getaran jiwa sukmanya bila berjumpa dengan orang muda itu padahal orang muda itu adalah seperti pandang tak pandang sahaja.

Oleh sebab sangat kuat paluan yang berbunyi di dalam lautan jiwa asmaranya, maka Maimon telah mencuba menjauhkan diri supaya jangan memandang sifat orang muda itu.

Tetapi sangattah malang rasanya di dalam kalbu Maimon makin dicubanya hendak menjauhkan dirinya daripada memandang wajah anak muda maka makinlah bertambah-tambah gelabah di dalam jantung hatinya, sehinggakan sekali-kali terdengar oleh Maimon jiwanya berbisik:

"Mengapakah engkau Maimon menjauhkan dirimu dari penawar yang memulihkan roh jiwamu?"

Bisikan yang serupa itu sentiasalah berbunyi waktu Maimon hendak tidur, waktu Maimon duduk seorang diri dan waktu Maimon makan dan minum.

Pujukan hati dan perasaan yang halus tumbuh dengan tidak disengaja itu ialah memang sudah sedia di dalam kalbu seseorang muda remaja sama ada lelaki atau perempuan. Kata akal Maimon berperang dengan hati, makin Maimon tidak hendak melihat anak muda maka makin kuat raungan matanya hendak nampak akan anak muda, sekurang-kurangnya kelibat pun jadilah!

Dugaannya yang keras seperti itu menjadikan Maimon terpaksa mengikut sahaja panggilan rohnya supaya dia lebih hampir dan jika boleh biar tiap-tiap pagi dia akan berjumpa dengan anak muda itu hingga dalam suatu masa dia ingin tahu siapa dia anak muda itu apa namanya dan kerjanya.

Satu pagi di dalam kabus yang tebal oleh hawa yang sejuk itu Maimon telah pergi ke sekolah dengan niat supaya dia lebih dahulu sampai di sekolah daripada rakan-rakannya yang lain dan moga-moga dapat memerhatikan anak muda lalu di situ di dalam angan-angannya yang berbisik antara udara dengan embun-embun pagi yang di dalam kabus tebal itu, tiba-tiba satu suara berbunyi di belakang:

"Ke mana pagi-pagi benar ini lagi Cik Maimon?"

Terkejut yang amat sangat hingga terhenti Maimon daripada berjalan serta tertegun seperti tunggul. Sedang darah di dalam urat sarafnya terhenti selama satu saat. Satu jawab pun tidak disahut oleh Maimon dan satu kerlipan mata pun tidak terkejip kerana orang yang bertanya itu tidak lain daripada orang yang sedang difikir-fikir dan yang diangan-angankannya.

Anak muda terus sahaja ke hadapan kerana tersangat malu, pertanyaannya tidak dijawab oleh anak gadis itu lebih-lebih lagi pula anak muda berasa takut kerana anak gadis itu menentang dia dengan tidak berkejip-kejip mata langsung seperti orang marah.

"Marahkah dia?" kata hati anak muda dan dengan tidak menoleh-noleh ke belakang lagi seolah-olah ia telah melakukan salah besar kepada seorang perempuan.

Sepeninggalan anak muda itu Maimon telah berjalan tertegun-tegun kakinya seperti rantai orang kepalanya sakit seperti dibaji, buku-buku yang dipegangnya

dan yang akan dibawa ke sekolah jatuh bertabur di jalan dan terbongkok-bongkok ia mengutipnya. Tiba di sekolah, satu pekerjaan tidak dibuatnya. Kemudian daripada itu beberapa hari Maimon telah mulai menanggung penyakit yang tidak siapa mengetahuinya. Kerjanya yang rajin dahulu itu telah beransur-ansur malas, tulis-menulis di dalam buku yang selalu panjang-panjang itu sekarang sudah menulis pendek sahaja, hingga terkarang di dalam tulisannya juga dengan tidak segan tertulis "Cinta itu bahaya".

Waktu dia berbaring atau waktu dia bersiar-siar di taman bunga di rumahnya selalulah dia gemar memejamkan matanya untuk menghilangkan-hilangkan perasaan yang sedih tidak tentu fasal itu tetapi itulah perkara yang amat mustahil. Puas diadukannya kepada tilam dan bantal tetapi tidak dapat juga memuaskan hatinya. Puas diceritakannya kepada bunga-bunga yang sedia berkembang di taman-taman itu tetapi tidak juga sudi bunga itu mendengarnya. Puas didoakan kepada Tuhan suruh hilangkan hatinya yang mengandungi cinta itu tetapi tidakkan hilang bahkan melarat dan merana.

Di dalam peperangan jiwa dengan hati dan di dalam peperangan sedih dengan pilu, dan di dalam perjuangan merana dan melarat itu Maimon telah menerima sepucuk surat yang pendek bunyinya demikian:

*Cik Maimon yang dihormati,*

*Sebelum saya menulis dan berkata di dalam surat ini lebih panjang maka terlebih dahulu maaf itulah yang saya pohonkan kepada Cik Maimon yang dihormati.*

*Saya sudah melakukan kesalahan dan dosa yang amat besar kepada tuan iaitu mulanya pekerjaan yang salah itu saya sangka benar tetapi malang bagi saya menyangka hari hujan tetapi yang sebenarnya panas! Apakah dosa saya ini? lalah saya berdosa kepada tuan kerana oleh biadab saya bertutur kata dengan tuan padahal tuan adalah seorang yang lurus dan baik hati kepada Tuhan.*

*Saya sudah menegur tuan tempoh hari, padahal tuan tidak sudi menerima teguran saya selepas saya bertanya kepada tuan dan tidak menerima apa-apa jawapan itu rasa-rasanya mahu saya mati sekejap-sekejap itu, ataupun saya rasa lebih baik saya meniarap menyembah ke bawah tapak kaki tuan memohonkan rahmat ampun atas kesalahan saya. Oleh itu selagi belum saya memberitahu kepada tuan hal itu maka tidaklah menjadi hati saya senang atau sedap. Dengan surat ini saya mengaku taat membayar jika didenda kesalahan saya itu untuk tuan yang menjadi hakim kesalahan.*

*Selain daripada itu saya mengerti juga adalah surat saya ini tidaklah menerima jawapan daripada tuan dan saya percaya juga barangkali apa-*

*apa bahasa pun saya terima bila saya berjumpa dengan tuan kelak dan dengan sebab itu juga sama terdahulu membalas diri saya menyangkanya daripada memandang tuan yang seperti seorang wali Allah itu tetapi anak bidadari itu.*

*Dengan dakwat yang terbeku-beku saya sampaikan harapan maaf kesalahan saya ke bawah tapak kaki tuan untuk menghapuskan dosa saya.*

*Maaf,  
Zahari*

Sesudah dibaca oleh Maimon itu maka terletaklah surat itu di atas kedua-dua tapak tangannya. Kelamlah pandangannya, lemah sendi anggota, pedih dan ngilu sudu-sudu hatinya.

"Adakah surat yang demikian bunyi ini membaiki perasaan hatiku?" kata Maimon yang telah hilang perasaan dan fikiran. Peluh di dahi dan di hidung memancar keluar menitik-nitik menahan akan paluan surat yang tajam seperti mata pedang Sayidina Ali.

"Zahari, Zahari ... namamu ia..." katanya lagi dengan perlahan-lahan seolah-olah dia menguatkan lagi ingatannya kepada anak muda itu, kerana surat yang datang dari Zahari itu ialah surat yang belum pernah dibaca seumur hidupnya. Begitu juga tidak ada nilai atau bandingan jawapan yang patut dibalas melainkan bila berhadapan antara satu sama lain.

Semalam-malaman sedikit dia tidak dapat tidur. Keluh-kesah dari satu jam ke satu jam demikianlah hingga siang. Hal-hal yang demikian selama tiga hari sahaja Maimon telah muram durjannya yang gilang-gemilang dahulu itu. Rambutnya yang selalu disisirnya tiap-tiap hari dan licin licau itu sudah menjadi kusut-masai sahaja. Sedang mukanya yang penuh tidak salah kalau dikata bernas itu sudah mulai cengkung.

Sinaran mata hitamnya yang boleh memutuskan jantung perasaan itu sudah berbalam seperti lampu kekurangan minyak bagi orang yang tidak tahu tentu menyangka Maimon sakit! "Sakitkah Cik Maimon maka saya lihat sangat berubah daripada biasa?" tanya Cik Khadijah seorang daripada sahabat Cik Maimon.

"Tidak ... Cik Khadijah," sahut Maimon dengan senyum tetapi senyum mega yang mengandungi hujan.

"Kalau Cik Maimon tidak sakit, mengapa selalu sahaja bermenung-menung? Dan mengapa badan bertambah-tambah kurus, sedang sifat yang jelita itu nampaknya bertambah-tambah layu?"

Kata Khadijah dengan belas hatinya memandang sahabatnya itu berubah segala-galanya daripada yang biasa sehinggakan bercakap pun sudah tidak berapa kuasa.

Demikianlah tenaga jawapan yang memberi puas hati tidak dapat Maimon menjawabnya melainkan dia menyebut sedikit sahaja uzur dalam dua tiga hari yang lalu.

Agaknya sudahlah memang adat seseorang menaruh cinta dan tidak dapat dikhabarkannya kepada tempat yang patut itu merasa berat tanggungan dirinya maka dengan sebab itu Maimon telah menulis sepucuk surat kepada Zahari yang bunyinya tidak lebih dan *tidak kurang*:

*Encik Zahari yang dihormati,*

*Surat tuan selamat saya terima, sungguh salah sangka tuan mengatakan tuan berdosa menegur saya tetapi yang sebenarnya saya berdosa tidak menjawab teguran tuan yang tidak ada apa bezanya seperti seorang sahabat menegur seorang sahabat.*

*Dengan sebab saya yang patut meminta maaf kepada tuan bukannya tuan yang patut meminta maaf.*

*Inilah yang dapat saya tulis untuk tuan berfikir supaya sangka-sangka tuan itu jangan bertambah-tambah tebal. Saya harap tidakkan boleh memberi tuan dukacita dengan jawapan saya yang sedikit ini.*

*Saya tamatkan surat ini dengan salam hormat juga.*

*Dari saya,*

*Maimon*

Zahari apabila menerima surat itu sebelum dibacanya maka dua tiga kali lebih dahulu dijunjung dan diciturnya termasuklah dengan senyum simpul dan matanya yang jernih. Kemudian pula apabila dibukanya sarung diperhatikannya isi surat itu terlebih dahulu – nampak oleh Maimon.

Maka dia telah bertindak seperti budak menerima permainan patung-patung daripada ibunya, padahal belum dibacanya isi-isi barang sepatah jua pun. Ya! Kesukaan hati orang-orang yang baharu menempuh gelombang alunan cinta.

Kemudian baru dibacanya balik dengan nafas yang turun naik maka bacanya pun melangkau sahaja hendak lekas mengetahui isinya. Kemudian, tidak faham dia diulang balik lagi sekali baharulah dia terloncat-loncat seorang diri di dalam biliknya agaknya oleh terlampau suka songkoknya yang dipakai padahal baru dibelinya sebentar itu dipukul-pukulnya di atas katil hingga songkok itu jadi kemik dan lusuh. Sedang kucing tompoknya yang ada di sisinya itu dipeluknya pula dengan kasih sayang seolah-olah dia telah berjumpa berhadapan dengan kekasihnya, Maimon.

"Tidak marah dia, tidak marah dia, tidak marah dia, tidak ma ... rah di ... al"

Itulah bunyi ayat yang dilagukannya dengan lagu keroncong....

"Apa lagunya yang engkau nyanyikan itu.?" ujar ibunya di dapur yang sedang menjerang air panas.

"Tidak apa emak!" sahut Zahari pula untuk menghilangkan rahsianya.

Semenjak dari hari itu kedua-dua merpati sudah mula berkenal-kenalan iaitu apabila berselisih jalan sama-sama dapat bercakap-cakap itu lurus sahaja tetapi hati keduanya berperang keras, sedang yang satu cuba menyembunyikan hatinya dan yang seorang pula cuba menyorokkan rupa cinta dalam kalbunya. Dia malu dia segan – tahan-menahan mati beragan.

Di dalam waktu perjuangan cinta yang maha hebat dan hancur remuk di dalam sahaja itu dan waktu Maimon termenung duduk di tangga tiba-tiba datang sepucuk telegram daripada Kuala Lumpur hospital perempuan Melayu di Kampung Baru.

*"Maimon lekas datang di hospital perempuan Kampung Baru."*

*Sain doktor.*

"Sakitkah ibu bapaku?" katanya sambil bangkit tergochok memakai pakaian yang sederhana naik motokar sewa terus ke Hospital Melayu Kampung Baru. Sebelum masuk Maimon berasa hati sangat tidak sedap, langkahnya dengan cepat.

Apabila terdiri di muka pintu hospital dia terus memandangi di dalam bilik kelas dua serata-ratanya dengan memerhatikan kalau-kalau ibunya sakit tetapi tidak ada.... Di dalam dia termenung dengan hairan itu tiba-tiba seorang pelayan perempuan bertanya:

"Inikah Cik Maimon?"

"Ya! sahut Maimon dengan takjub.

"Lekas naik ke atas di ruangan kelas tiga ada hal yang mustahak akan Cik Maimon hadir," kata pelayan itu terus naik bersama-sama tiba di bilik kelas tiga itu nun di hujung sana tampak oleh Maimon doktor perempuan dan dua nurse serta seorang pelayan sedang menghadap seorang perempuan tua yang sedang terbaring dan sakit. Terdengar bunyi mengerang si sakit sedang menanggung jiwa yang tersembunyi dan mengharung gelombang hidup di dalam dunia.

"Tuankah yang bernama Maimon dan menjadi guru perempuan di sekolah perempuan Kajang?" kata misi doktor itu dengan tenang.

"Ya! Misi doktor!" sahut Maimon dengan tidak mengerti hal peristiwa yang dihadapinya itu. "Mengapa saya terpanggil ke mari?" tanya Maimon menyambung cakapnya. Misi doktor itu mengisytiharkan dengan tangannya suruh hampir dengan perempuan yang sedang sakit itu, Maimon sebelum hampir dia telah mendengar namanya disebut-sebut perempuan tua itu dua tiga kali dengan suara yang tertahan.

"Di mana Maimon, Maimon, Maimon, sudahkah dia datang?" tanya si sakit itu dengan matanya yang pejam dan tangan yang terkapai-kapai.

"Ini saya datang", kata Maimon dengan perasaan yang amat takjub dan sedih.

Sekalian pelayan telah undur ke belakang. Misi doktor menasihatkan Maimon segeralah hampir ke sisi si sakit.

Tertegun-tegun dan terbayang di matanya hairan yang amat sangat, kemudian berkata:

"Inilah Maimon datang, ada apa hal yang mewajibkan saya di sini?" kata Maimon yang separuh kesal, dia menghadap orang sakit. Mendengarkan suara anak gadis itu si sakit membuka mata selebar-lebarnya dan berkisar ke kiri menghadap Maimon kerana seperti dia tidak percaya Maimon datang itu.

"Bawa ke mari tangan engkau Mon biar aku pegang," kata si sakit yang terkapai-kapai itu.

Dengan bertambah-tambah dalam sedih Maimon bila memerhatikan si sakit demikian itu. Tangannya dipegang terik-terik oleh si sakit dengan terketar-ketar, berkata lagi si sakit selamat engkau tinggal di dalam dunia Maimon. "Aku doakan kepada Tuhan moga-moga engkau selamat dan memperoleh bahagia hidup." Terhenti pula orang sakit kemudian lagi katanya, "Akulah perempuan yang sehabis-habis malang sekali di dalam tarikh hidupku Maimon! ..."

Dengan suara yang tersedu-sedu dan mengalir air mata orang tua dan Maimon pun dengan tidak tertahan sama-sama juga mengalir ke pipi.

"Tidakkah engkau kenal akan daku Maimon yang sudah memberi engkau hadiah semasa engkau selamat balik dari Melaka dahulu." Sambil si sakit menarik nafas kerana sedih dia akan dirinya.

"Ya, ya saya tau hari itu," kata Maimon mengangguk dan baharu teringat olehnya akan perempuan tua yang datang tidak tentu fasal sahaja ke rumahnya dahulu di dalam kenduri-kendaranya yang lalu.

"Si sakit memejamkan matanya kembali seperti sedih benar ia hendak berkata-kata sedang tangan Maimon didakapkannya ke dadanya.

"Maimon, Maimon, sebelum aku mati aku hendak menceritakan dengan engkau hal-hal peristiwa aku dalam masa yang lalu tetapi ampunkan aku jika ada apa-apa yang terasa oleh engkau di dalam cerita-cerita aku yang panjang kelak."

"Saya ampun, saya ampunkan!" kata Maimon yang mana hatinya bertambah-tambah sedih melihatkan si sakit itu bertambah-tambah uzur dan bertambah-tambah menyimpan rahsia yang sulit.

Si sakit mulai bercerita dengan matanya yang luyu:

"Aku ini masa dahulu ialah perempuan yang cantik Maimon, tidak seperti engkau itulah kecantikan aku. Oleh sebab sifat aku yang menawan hati lelaki maka aku telah dicintai oleh segenap lelaki muda yang ada dalam zaman aku itu."

Tiba di sini mata si sakit cemerlang kembali seolah-olah dia girang mengingatkan zaman mudanya dan kecantikannya.

"Di dalam masa aku muda seperti itu beberapa banyak anak muda yang cuba menawan hatinya termasuklah suamiku yang dicintai, Abdul Salam seorang yang



kaya sekali di Seremban. Aku kahwin dengan dia iaitu menurutkan perasaan cinta, padahal kahwin aku itu tidak disetujui oleh ibu bapak. Setahun setengah aku berkahwin suamiku itu telah mula merenggang-renggangkan kasih sayangnya kepadaku, iaitu dia berkahwin dengan seorang perempuan jahat di Kuala Lumpur, dan bila aku larang dia berkahwin itu dihalaukannya aku dari rumahnya dengan membawa kain dan sedikit perkakas emas, semasa aku berkahwin waktu kasih sayang menjadi ada sepasang gelang dibuatkannya untuk aku. Gelang itu sangat aku kasih seperti jiwa aku sendiri.”

Di sini mengalir lagi air mata si sakit dan Maimon terduduk di atas katil si sakit. “Tak patut seorang suami berbuat demikian itu! Kemudian bagaimana lagi?” kata Maimon seperti tidak sabar dia mendengar cerita yang belum habis.

“Kemudian aku berhanyut di Kampung Baru Kuala Lumpur membawa peruntungan mencari makan menjual-jual kuih, padahal aku telah mengandung berat. Anak sudah lapan bulan di dalam perut, seksanya aku bukan buatan. Beberapa kali aku berdoa kepada Tuhan supaya aku biar mati masa itu, bertambah-tambah hari aku bertambah berat wang satu sen tidak ada dan aku tidak gemar meminta tolong pada orang. Dengan tidak aku sangka pada suatu malam pukul 12.00 iaitu malam yang sangat sedih bagiku inilah aku telah bersalin seorang diri dengan tidak berbidan. Anak aku terlahir seorang perempuan. Aku kerjakan sendiri kerat pusat dan mandi. Rumah tempat aku tinggal itu terpencil pula pada siapa hendak minta tolong.

Tiga hari kemudian anakkku itu sudah berkehendakkan susu padahal tetekku tidak bersusu, maka menangislah aku seorang diri mengenangkan nasib anakkku yang dikasahi.

Oleh sebab aku sangat miskin dan aku rasa tidak sanggup membeli susu anakkku itu maka terniat hatiku hendak memberi anakkku pada sesiapa yang sudi tetapi rasa-rasakan tidak ada orang yang sudi menerimanya. Semalam-malaman apabila anakkku menangis aku menangislah sama.” Si sakit menangis yang amat sangat dan Maimon turut lagi menangis.

“Sudah putus hatiku suatu malam bulan terang, anakkku itu aku bawa ke sebuah rumah pukul 5.00 pagi setelah aku cium dan aku tangisi anakkku itu dengan doa kepada Tuhan moga-moga anakkku selamat diterima orang maka aku letakkan elok-elok di hadapan pintu rumah seorang yang kaya. Anakkku itu aku bekalkan gelang yang dibuat oleh suamiku itu. Orang kaya itu bernama Haji Zakaria. Rupanya Tuhan Maha Kaya, anakkku dijumpanya waktu pagi dia hendak sembahyang subuh. Terus diambilnya jadi anak sendiri dan dinamakan...”

Terdiam suara si sakit seperti kesal ia hendak menyebut nama yang sangat berbahaya itu. “Siapa namanya?” soal Maimon pula. “Namanya ... Maimon.”

Tiba di sini tertiaraplah Maimon di atas katil si sakit dengan serunya:

“Ibu, oh ibu ... ibuku rupanya! Ibu ... oh ibu ...”

Dengan tangis yang menyedihkan sehingga misi doktor dan beberapa orang lain di dalam hospital telah datang tergamam.

"Mengapa ibu tidak memberitahu dengan Mon semasa ibu datang di rumah kelmarin, ngoo, ngoo ...! Panjang bunyinya ngongoi anak gadis seperti pengsan.

"Ampunkan aku Mon ... ya anakku ...!" kata si sakit berkata yang mana tubuh dan nafasnya bertambah-tambah sesak. Sehabis cerita itu si sakit yang malang yang mengandungi riwayat yang sedih itu telah meninggal dunia iaitu sesudah dia mengucap dua kalimah syahadat dan sesudah memeluk dan mencium anaknya yang comel Maimon.

"Wahai Tuhan Yang Maha Kaya dan Maha Kuasa, apakah gunanya hidupku yang demikian padahal ibuku yang sebenar-benarnya telah meninggalkan dunia di dalam keadaan yang daif sekali. Mengapa Tuhanku tidak memberi hati yang baik pada ibuku sebelum dia mati memberitahu kepada aku lebih dahulu?"

Itulah rayuan-rayuan yang terhambur daripada mulut Maimon pada waktu itu dia sudah merasa dirinya hina dan kaya yang dimegahkannya selama hari itu bukan kaya yang sebenar-benarnya tetapi ialah ibarat umang-umang menggunakan kulit orang. Ibunya yang telah kembali ke rahmatullah Taala itu selamat dikebumikan dengan belanja Maimon sendiri.

Sebulan kemudian daripada itu Maimon telah jatuh sakit sangat kerana dia terasa amat malu bahawa yang dirinya itu bukanlah seorang yang berada seperti yang dimegah-megahkannya selama hari ini. Dia bersumpah tidak hendak berkahwin dengan lelaki seperti tabiat bapanya yang telah merosakkan hati ibunya hingga akhir hayat.

Maimon sekarang terlantar di hospital kelas dua Kampung Baru, Kuala Lumpur, kerana hatinya telah hancur sama sekali seperti kaca terhempas ke batu yang pejal.

Ibu bapa angkatnya telah hadir berjaga-jaga di sisinya. Pada waktu malam pukul 12.00 betul iaitu pada masa orang sedang lenyak tidur tatkala itulah Maimon telah dikelilingi oleh ibu bapa angkatnya.

Maimon telah berkata, "Bapa dan ibu yang dikasihi, jika Maimon mati berharaplah Maimon pada ayah tanamkan di sisi kubur seorang perempuan tua yang baru ditanam tiga bulan yang lalu di kubur Kampung Baru itu. Kerana dia itu ialah ibu saya yang sebenar."

"Tentang ibu dan ayah yang telah membela Mon hingga besar berserta penat jerih sekaliannya Mon minta halalkan dari dunia sampai akhirat. Mon akan mati ibu dan ayah."

Di sini terdengarlah tangisan bertiga beranak kerana Haji Zakaria sesungguhnya tidaklah menyangka Maimon sampai begitu jauh hati oleh sebab ialah laki isteri tidak mengkhabarkan hal-hal yang sebenar semasa Maimon sihat dan bertanya di hadapannya akan tawarikh dirinya.

Haji Zakaria laki isteri oleh sebab sangat kasih tidaklah tergamak dia hendak

mengkhabarkan hal yang sebenar-benarnya itu takut kalau-kalau Maimon merasa dirinya jauh terpisah.

Maimon telah memberi selamat tinggal dunia yang fana ini iaitu dalam mana kekasihnya Zahari telah hadir pula di sisinya dengan ucapan Maimon memberi kekasihnya selamat tinggal dan selamat bersuka-suka di dalam dunia.

Dengan air mata yang berhamburan Zahari telah pula tertiarap di sisi mayat kekasihnya yang mendukacita siapa mendengarnya.

Marilah kita doakan ramai-ramai supaya anak gadis yang kembali ke dunia yang lain itu dikurniai Tuhan rahmat.

Surat-surat khabar telah memuatkan cerita si gadis Maimon itu dengan jelas terutama di dalam majalah *Warta Ahad* ini.

*Warta Ahad*, 21 Julai 1940

### "NASIB PENGARANG MUDA"

Beberapa surat khabar Melayu yang terbit di Semenanjung ini telah mengeluarkan beberapa pati fikiran untuk kaum bangsanya. Di antara fikiran yang selalu terbit itu adalah satu nama penjelmaan yang selalu disebut-sebut orang "Layar Terkembang".

Penjelmaan "Layar Terkembang" bertambah hari bertambah masyhur di seluruh Tanah Melayu. Bahkan hingga ke Indonesia sana. Makalah-makalah yang dikeluarkan oleh "Layar Terkembang" itu sangat mengobarkan perasaan rakyat jelata termasuklah beberapa perkara politik negeri, fikiran dan perasaan.

Dari mulut ke mulut bertanya siapa dia agaknya yang menulis dengan nama "Layar Terkembang" ini?

Oleh sebab makalah yang menyinggung kerajaan dan hingga melanggar undang-undang negeri maka beberapa surat khabar yang telah membuatkan fikiran daripada "Layar Terkembang" telah diberi amaran oleh kerajaan. Bererti jangan dimasukkan lagi karangan yang merbahaya yang negeri itu.

Tetapi "Layar Terkembang" terus-menerus juga keluar dengan mengeluarkan motonya sebelum makalah di bawah:

"Karangan ini di luar tanggungan pengarang dan pengeluar."

Dua masuk ketiga kali pegawai-pegawai rahsia politik kerajaan telah bekerja keras menyiasat siapa dia penulis yang bertandatangan "Layar Terkembang" itu.

Daripada pegawai rahsia sulit Singapura, Pulau Pinang, Perak, Selangor terus-menerus memberitahu pada kerajaan mengatakan adalah orang yang menulis dengan nama penjelmaan "Layar Terkembang" dalam surat-surat khabar di Semenanjung ini ialah seorang muda yang tinggal di salah sebuah rumah di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Orang ini dikehendaki oleh kerajaan di bawah undang-undang negeri berkenaan dengan pengarang atau penulis-penulis surat khabar.

\* \* \*

Pada hari Selasa waktu tengah hari tepat betul nun di bawah pohon yang rendah di tepi padang Prince Road Kampung Baru adalah seorang lelaki muda sedang bercakap dengan seorang gadis. Walaupun hari itu panas terik tetapi nampaknya kedua-dua merpati itu terus juga bercakap hal masing-masing.

"Kakandaku Ajmain, bukankah kita akan berkahwin seminggu lagi? Tidakkah kakanda berasa girang?" ujar anak gadis itu seolah-olah meruapkan perasaan hatinya sukacita menghubungkan tali kehidupannya dengan anak muda itu.

"Ya adikku Zaharah! Kakanda pun tau kita akan berkahwin dalam masa yang adikku sebut tetapi kakanda sangat walang rasa di dalam jantung limpa kakanda kerana ibu kakanda di rumah sedang sakit terlantar tetapi itu tidak mengapa kerana kasih sayang kakanda akan adinda itu terpaksa kakanda turut sahaja kehendak adikku yang gemilang," jawab Ajmain dengan rupa sebal dan sedih tetapi girang juga.

"Kakanda jangan berdukacita. Sebab adinda berkehendak lekas berkahwin itu ialah adinda mengerti biarlah adinda dapat membela ibu kakanda yang sakit itu. Kerana kakanda tiada siapa yang diharap akan membela ibu kakanda yang tunggal lagi di dalam menderita kesakitan."

"Terima kasih banyak-banyak kakanda ucapkan kepada adinda yang baik hati, nampaknya adikku bukan sahaja kasih sayang akan kakanda tetapi juga ibu kakanda yang tua di rumah."

Di rumah Zaharah orang sedang bersiap-siap beralat sederhana kerana mengahwinkan Ajmain seorang guru sekolah Melayu di salah sebuah sekolah Kuala Lumpur dengan Cik Zaharah seorang gadis yang berpelajaran di Kampung Baru itu. Tiga hari sudah kahwin sampailah tiga orang pegawai mata-mata rahsia ke rumah Ajmain yang baru sahaja menjadi mempelai itu.

Di serambi rumah duduk tiga orang pegawai rahsia dan seorang muda Ajmain yang baru menjadi mempelai.

Di situ nampak beberapa potongan surat-surat khabar yang dibentang oleh pegawai tadi serta mengerling Ajmain dengan mata yang tajam.

"Tuankah yang bemama Ajmain dan 'Layar Terkembang' bukan?"

"Ya," sahut Ajmain dengan tenang.

"Tuan dikehendaki datang ke mahkamah rahsia sulit masa ini juga."

"Apakah kesalahan saya maka sampai begitu sekali terpaksa pergi masa ini juga dan tidakkah boleh diberi tempoh bagi saya besok atau lusa?"

"Tidak, kerana tuan wajib juga hadir dalam masa ini juga. Kewajipan tuan atas hal ini amat besar."

Dengan sebab itu terpaksa Ajmain bersiap diri akan pergi atas hal yang belum berapa terang kepadanya itu. Sebelum pergi dia telah mendapatkan ibunya di tengah rumah terbaring.

"Ibu, anak hendak pergi ke ofis rahsia ada suatu hal yang anak hendak sele-

saikan, jika ada apa-apa yang ibu wajib kehendaki minta tolonglah kepada Adik Zaharah yang ada di sisi ibu ini," kata Ajmain menentang muka ibunya.

Ibu Ajmain yang sedang terbaring dengan rambut yang terhurai itu telah memeluk dan mencium Ajmain dengan tangisnya, kerana itulah anak yang akan membela dayanya di masa sakit atau senang.

"Ajmain, anakku yang tunggal, lamakah engkau pergi? Apakah kesalahan engkau maka dipanggil oleh pegawai sulit kerajaan itu? Aku merasa hati kurang sedap apabila mendengarkan pemergian engkau dengan tergesa-gesa ini."

"Tidak mengapa ibu. Anak pergi lekas dan akan balik dengan segera. Adikku Zaharah! Sepeninggalan abang pergi ini abang harap adikku tolonglah bela baik-baik. Apa-apa yang kurang bagi ibuku hendaklah adikku iktiharkan. Kakanda akan pergi menyelesaikan perkara yang kusut dan menerangkan sesuatu perkara yang belum terang."

Di sini Zaharah telah memandang suaminya Ajmain dengan cahaya mata kasih dan sayang. Hatinya yang sedang mesra kasih akan suaminya baharu sama-sama tiga hari itu belum memuaskan perasaan hati yang berkobar-kobar di dalam jiwa hempedunya.

Oleh itu Zaharah telah mengalirkan air mata ke pipinya dan dengan pedih ia berkata, "Kakanda lekas balik. Ini ibu kita sedang sakit, adinda merasa kurang senang hati menghadap ibu seorang sahaja dan kakanda entah apa-apa hal pula."

"Pertetapkan sahaja hati adinda. Kakanda seberapa bolehnya akan balik dengan segeranya," kata Ajmain.

Kemudian lepas daripada Ajmain berjumpa dengan ibu dan isterinya yang dikasihi, dia telah pergi bersama-sama pegawai rahsia itu di salah sebuah ofis kerajaan di Kuala Lumpur.

"Di dalam percakapan antara satu dengan lain di dalam bahas-membahas antara Ajmain, seorang pengarang yang berbahagia bagi negeri maka telah terbit iaitu Ajmain seorang yang bersalah. Hukumnya tidak dapat dilonggarkan atau diundurkan. Satu hukuman yang berat mesti diterima:

"Ajmain akan dibuang negeri lain daripada Malaya."

Ke mana Ajmain pergi, negeri yang dekatkah? Atau bersama-sama dengan isterinya? Atau bersama dengan ibunya? Tetapi dia berasa amat keberatan jika pergi dengan ibunya yang sedang sakit. Oleh itu Ajmain telah menetapkan fikirannya akan pergi seorang diri.

Sebelum dia bertolak pergi ke mana-mana dia telah balik diiringi oleh dua orang polis ke rumah untuk mengambil barang-barang yang perlu baginya. Begitu juga Ajmain sudah tetap menjalankan hukuman buang negeri selama 10 tahun di Hong Kong.

Apabila siap dia telah meratap di pangkuan ibunya dan telah meminta ampunkan segala dosanya begitu juga minta halaikan segala air tetek ibunya yang

telah membesarkan dia dari kecil hingga besar. Lebih-lebih lagi segala penat jerih ibunya yang telah membela dia dari semenjak dikandung hingga pada masa sekarang.

Pada masa itu terdengarlah ratap tangis yang tidak berkeputusan. Seorang ibu bercerai dengan seorang anak padahal ibu itu ialah sedang sakit menantikan tempoh dari minit ke minit dan dari jam ke jam sahaja lagi umurnya tergantung seperti rambut sehelai.

Lain pula isteri Ajmain telah merayu-rayu menghempas-hempas diri di kaki suaminya kerana kasih sayang tengah menjadi, cinta-mencinta sedang marak. Sedang yang dikatakan bela-membela suami isteri itu belum dialaminya lagi.

Mendengarkan tangis ratap yang lebih daripada biasa itu orang ramai telah datang dan telah memberi beberapa nasihat suruh sabar antara satu dengan lainnya tetapi adakah boleh sabar dan nasihat yang diberi itu diterima oleh ibu dan isteri Ajmain?

Tidak, tidak, melainkan nasihat segala sahabat handainya bertambah-tambah menyesak ke jantung dan ke sudu hatinya. Dari bayangan orang-orang mata ibu Ajmain dapat diteka Ajmain tentu tidakkan dapat berjumpa dengan ibunya selama sepuluh tahun itu.

Isteri Ajmain seperti seorang gila itu sudah tentu menghancurkan hati Ajmain yang sedang keras itu berbalik lembut. Jika boleh mahu rasanya dia meminta ampun pada kerajaan akan dosanya terhadap undang-undang negeri. Isteri Ajmain hendak pergi sama tetapi ibu suaminya tinggal sedang sakit.

Akhirnya Zaharah telah memeluk suaminya dengan satu amanah dan pesan: "Kakanda, walaupun seberapa lama kakanda pergi menjalankan hukuman, yang adinda sedia menanti. Sekiranya adinda mati sepeninggalan kakanda pergi bila balik datanglah ke kubur adinda bacakan doa selamat. Meskipun di dunia kita tidak dapat aman dan damai secara suami isteri tetapi di akhirat kelak adinda tunggu."

Demikianlah ucapan seorang perempuan yang lemah itu tidak dapat merupakan perasaan hatinya hanya dengan ucapan mati di kubur dan di akhirat.

Hal-hal yang sedih seperti itu lebih baik mati terus antara satu dengan lain itulah yang sebaik-baiknya daripada kejadian yang demikian, jauh hati, sedih yang tinggal, menderita yang sakit.

Kereta api mel malam pukul 10.00 di stesen Kuala Lumpur yang besar itu dipenuhi beberapa banyak manusia termasuklah beberapa sahabat handai Ajmain seorang penulis surat khabar yang terkenal itu akan dihantar ke Hong Kong, bagi menjauhkan dirinya daripada Malaya. Daripada sahabat-sahabatnya dia telah menerima beberapa nasihat menyuruh sabarkan akan tanggungan seorang penulis yang mulia itu, hidupakan perasaan dengan hati yang berani. Tanggungan yang ditanggung oleh Ajmain itu memang sedih dan takut pada orang yang kurang pera-

saan cinta pada tanah air tetapi bagai orang yang kasih akan tanah tumpah darahnya itulah hukuman yang sehabis-habis ringan baginya.

Nasihat yang serupa itu terkeluar dari lidah beberapa sahabatnya termasuk juga dua tiga penulis surat khabar. Gambar Ajmain sibuk diambil oleh beberapa *reporter* termasuk juga surat khabar Inggeris, Cina, India, dan Melayu.

Selain itu, beberapa pula anak gadis yang telah kenal lama dan baharu telah datang berjumpa Ajmain dalam masa yang sangat singkat itu memberi selamat Ajmain pergi di antaranya ada beberapa hadiah untuk kenangan di belakang hari – *post card* berpuluh-puluh banyaknya dan lain pula alamat tiap-tiap mereka yang datang.

Ajmain berangkat seperti seorang naik haji atau seperti seorang raja berangkat dengan rakyat jelata menghantar dia dengan girang dan sedih, pendeknya mengikut perasaan hati tiap-tiap mereka.

Isterinya Ajmain telah berdiri di sisi Ajmain dengan mata yang balut oleh menangis dan dengan pakaian yang dukacita tiada bernias.

Kereta api mel mulai berjalan perlahan-lahan. Selamat tinggal diucapkan oleh Ajmain dengan tenang dan tegap perdirannya. Selamat jalan diucapkan oleh isterinya dengan perdirian yang lemah dan air mata yang berhamburan.

Semakin lama semakin jauh di dalam gelap kereta api berjalan dan nampak kibaran tuala antara Ajmain dan penghantar sekalian. Gelap semakin tebal menelan kereta yang telah berjalan kencang melainkan cahaya api di dalam bilik sedia terpasang berkelip-kelip makin jauh. Sedang arang-arang api di kepala kereta nampak naik bersama-sama asap yang terkepul seperti bintang ditaburkan. Akhirnya bunyi yang berdesus-desis di kepala gerabak itu bertambah-tambah sayup. Di dalamnya berisi beberapa penumpang yang akan ke selatan Semenanjung termasuk lelaki yang menerima untung nasibnya menjalankan hukuman berat pada orang tetapi ringan padanya sendiri.

"Selamat tinggal tanah tumpah darahku," kata hati Ajmain lepas daripada memandangi pekan Kuala Lumpur yang jauh tinggal di belakang. Cahaya api yang gemerlapan di kota yang besar itu semakin lama semakin malap hampir-hampir padam pada pemandangan Ajmain seolah-olah turut bersedih perjalanannya yang jauh. Sedang bukit yang menjadi pasak Kuala Lumpur itu megah dengan tetap seolah-olah memerhatikan jiwa dan darah perwira lelaki Ajmain selamat jalan dan selamat pergi.

Di dalam kereta api mel yang berjalan laju seperti itu walaupun ia membelok beberapa selekoh dan menempuh bukit serta lurah dan melalui beberapa dusun dan kebun-kebun serta lombong yang cemerlang oleh lampu malam tetapi sekalian-nya tidaklah sekali-kali sedar oleh Ajmain melainkan angan-angan dan fikiran keras terhadap ibu dan isterinya yang dikasihi. Terdengar-dengar di cuping telinganya suara ibunya memberi ucapan selamat berjalan dan selamat berpisah. Nampak di

awang-awangan matanya akan air mata ibunya yang jernih itu mengalir keluar seperti manik terurai. Terbayang-bayang dia akan sifat dan wajah ibunya yang kurang menderita kesakitan.

"Oh ibu, selamat ibuku tinggal! Sekalian ini bukan salah Ajmain tetapi ialah salah ibuku mengapa melahirkan Ajmain dengan darah perkasa di dalam hal tanah airku. Mengapa ibuku menzahirkan seorang anak lelaki yang berkobar dengan semangat bangsa dan nusanya? Sekarang anak ibuku Ajmain terus menjalankan kewajipan yang sesuai dengan masa dan tenaga hidup." Itulah bunyi hati kecil Ajmain menceritakan kepada angin yang masuk berhembus di kelilingnya malam itu. Seolah-olah dia menyesal akan dirinya dijadikan Tuhan Yang Maha Kuasa di alam ini. Tetapi di dalam dia menyanyi lagu kesesalan yang berkobar-kobar di dalam roh jasmani itu maka terdengar-dengar pula di telinganya akan suara isterinya memberi selamat dia berjalan tadi.

"Oh isteriku yang kucintai! Menyesal agaknya engkau bersuamikan aku seorang yang tidak dapat meruapkan cintanya kepadamu – aku tidak bersalah wahai Zaharah tetapi ialah Tuhan yang sedia memberi aku darah yang beku tidak melurut dan tidak mengalir mengikut urat saraf di dalam tubuhku. Aku berdoa kepada Tuhan sekiranya engkau tidak sabar di dalam pemergian aku yang lama itu maka surutlah balik engkau kepada jalan yang lama iaitu bererti berikhtiarlah engkau mencari suami lain daripadaku. Sungguhpun ratapan jiwa aku begitu tetapi bila kukuatkan bagaimana engkau kasih sayang akan ibuku serta aku dalam masa yang singkat kita bersama, saya tidaklah akan beristeri selain daripada engkau, wahai Zaharah!"

Itu satu jenis pula jantung limpa Ajmain telah menyanyi dengan suara yang halus seperti tali meter dalam roh jasmaninya. Pendeknya darah yang sedih itu sentiasalah berjalan dengan deras di dalam tubuhnya tetapi sangat gembira dia apabila dilihatnya kerja yang diperbuatnya selama hari ini memberi bekas. Dua orang polis yang berpakaian preman ada sedia di hadapan memerhatikan hal gerakan Ajmain.

Pukul 6.45 pagi Ajmain telah turun di Singapura, di stesen media menanti beberapa penulis surat khabar dan beberapa orang Melayu yang ternama menyambut kedatangan Ajmain. Di antaranya ada beberapa ucapan puji atas pemuda yang berdarah perwira itu.

Sayangnya itu sebelum Ajmain belayar meninggalkan Singapura menanti kapal "Hakusan Maru" yang akan belayar ke Hong Kong maka Ajmain telah sempat pula bercakap dengan beberapa pengarang surat khabar Melayu di sini.

Di dalam percakapan itu Ajmain telah menyebut juga bahawa dia menerima hukuman itu dengan ikhlas dan tidak meminta belas kasihan kepada sesiapa pun melainkan dia dukacita melihatkan jika bibit kebangsaan itu patah kembali tidak dibajai oleh segala wartawan yang tinggal.



Keluaran surat khabar hari ini poster tiap-tiap surat khabar mengatakan "Pengarang Muda Menerima Hukuman". Poster yang besar itu berserta gambar Ajmain. Beberapa surat khabar sengaja telah sampai ke tangan Ajmain. Dengan senyum simpul dia membaca beberapa makalah pengarang yang telah menyajikan hal dirinya. Walaupun setengahnya menulis memuji-muji dirinya itu atas nama kebangsaan dan keutamaan dan gembira di atas dirinya itu tetapi Ajmain tidak sanggup memikul segala rupa yang dituliskan oleh sekalian pengarang melainkan dia suka di dalam masa dan ketika puji-puji itu tidak teruntuk bagi dirinya sahaja tetapi juga orang lain yang kemudian daripadanya.

Pukul 3.00 sebelum dia turun hendak belayar untuk meninggalkan Semanjung Tanah Melayu yang permai dengan tumbuh-tumbuhan dan segala barang bumi yang mewah ini maka Ajmain telah menerima sepucuk telegram daripada isterinya di Kuala Lumpur:

*Kakanda, dengan sedih diwartakan ibu kakanda telah meninggalkan dunia sepeninggalan kakanda bertolak malam itu. Di dalam ucapan ibu kakanda yang akhir semasa dia hendak menutup matanya daripada melihat dunia yang luas ini dia telah beramanah kepada adinda mengatakan kakanda hendaklah terus-menerus bekerja untuk tanah air dan bangsa dan ditegahnya sama sekali kakanda membuang air mata walau selitik sekalipun bila mendengar akan kematian ibu kakanda itu.*

*Ibu sudah selamat adinda kebumikan iaitu lepas daripada adinda kumpulkan segala sedih adinda yang berkobar-kobar di dalam jantung limpa adinda.*

*Dari jauh adinda doakan kakanda selamat atas haluan yang kakanda tuju.*

Zaharah

"Ya Allah, ya Tuhanku ...," kata Ajmain. "Apakah nasibku yang malang ini? Tidakkah cukup dengan hukuman yang aku terima maka sekarang ibuku telah meninggal pula."

Air mata Ajmain turun lagi merebas seperti hujan lebat. Kertas telegram itu habis lencun oleh air mata.

Jatuh terhentak Ajmain di atas kusyen. Walaupun dalam surat itu ibunya melarang jangan dia mengeluarkan air mata tetapi itu adalah perkara yang amat mustahil. Anak bercerai dengan ibu ... iaitu anak yang jadi daripada darah di dalam tubuhnya. Anak yang dikandung selama sembilan bulan sembilan hari dan azab sengsara berat mengandung kemudian apabila dilahirkan jerih penat membela daripada ratap tangisnya dan sakit peningnya.

"Oh ibu azabnya aku! Azab bukan aku menjalankan hukuman tetapi azab

aku menanggung duka nestapa. Ibuku jauh daripada mataku dan jauh daripada pendengaranku. Sepatutnya ibuku meninggal biarlah di atas ribaanku dan dalam pangkuanku. Oh Tuhan tidak berjasa rupanya ibuku menzahirkan aku dalam dunia ini! Tidak berguna rupanya anak pada sisi kematian ibu."

Itu tidaklah kita kesalkan lagi tanggungan Ajmain yang sudah memang pada tempatnya, tidak ada orang yang tidak mengeluarkan air mata manakala ibunya meninggalkan dunia. Lebih lagi seperti Ajmain yang sedang mengharung gelombang hidupnya yang baharu.

Hiba dan sedih Ajmain tidak dapat dituliskan hanya yang dapat kita sebut Ajmain telah separuh gila kerana beberapa kali dia telah menghempas-hempaskan dirinya dan menggolek-golek di lantai seperti budak kecil.

Esoknya pukul 5.00 Ajmain telah sedia naik ke kapal Hakuran Maru, iaitu sebuah kapal yang besar kepunyaan Jepun. Waktu kapal hendak merenggang diri dari wap Singapura Ajmain telah bersalam-salaman dengan beberapa orang penghantar yang ternama tidak kira beberapa orang penulis surat khabar yang terbilang di Singapura.

Walaupun kapal itu belayar dengan perlahan-lahan tetapi perasaan Ajmain sangat lekas kapal itu menjarakkan dirinya dengan tanah tumpah darah anak muda itu.

Semakin lama semakin jauh dan hampir-hampir tidak terbuat Ajmain berdiri lagi memerhatikan Tanah Semenanjung itu tinggal barangkali tinggal buat selamalamanya. Pelabuhan Singapura yang sibuk dengan segala dagang santeri itu terbayang-bayang di fikiran pengarang muda itu adalah Tanah Melayu ini penuh dengan kebaikan dan kemewahan yang tidak terkira. Kemuncaknya ofis dan gudang yang terbilang serta keindahan pekan Singapura itu nyata jelas dari kapal yang sedang belayar. Tetapi makin lama semakin jauh, jauh ... hingga hilang dari pemandangan.

Di dalam kapal itu beberapa pengalaman yang sengaja ditulis oleh Ajmain di dalam buku-buku peringatannya. Orang Melayu tidak ada langsung di dalam kapal yang besar itu hanya dia seorang sahaja. Itu pun bukan pula dia seorang berniaga atau ahli pengembara melainkan seorang yang telah menghadapi hukuman. Di dalam kapal yang besar itu penuh dengan beratus penumpang Cina, Jepun, India, Inggeris, Belanda dan lain bangsa yang memang ahli berniaga.

Oh bangsaku dan tanah airku...! Jauh rupanya engkau ketinggalan dalam kalangan dunia perjuangan hidup. Hidup engkau bersenang dengan kemewahan dan kemakmuran negerimu Semenanjung. Kamu tidak mengira apa-apa asalkan kamu senang makan dan minum. Hidup mati berlonggok dengan kaum keluarga dan bangsaku maka itu memadai baikmu. Tetapi kamu lupa di hadapan dan di belakangmu berdiri beberapa banyak bangsa asing yang telah mengira-ngira kekayaan negerimu untuk faedah baginya. Harta khazanah kamu yang berharga

daripada getah dan bijih timah iaitu hak milik pusaka dari zaman dunia tajalli itu habis diperceti oleh orang.

Oh negeriku! Sekiranya aku duduk dengan segala bangsaku dan tidak didiami oleh bangsa yang mengira-ngirakan kelabaan tak dapat tiada negeriku masih kekal dan tidak habis harta kekayaan hingga hari kiamat.

Selain daripada kekayaan negeriku yang limpah keluar maka terkenanglah balik olehku kaum bangsaku diam di dalam tanah airnya dengan aman dan damai, kampung halamannya yang sederhana dan tidak berkehendakkan yang lebih cukup yang ada itu. Sawah ladangnya yang terhampar terbentang meliuk-liuk pohon padi dan kelapa yang terkembang seperti payung itu menaungi yang panas. Oh senang segala bangsaku tetapi wahai bangsaku ... lupa rupanya kita akan hal yang di sekeliling kita! Dunia ini berpusing dan beredar. Oleh itu, Semenanjung sentiasa berpusing menghala panas dan sejuk, gugurlah buah-buahan yang sedang masak ranum. Tumpahlah mengalir segala perak dan timah yang seperti lumpur cair itu hanyut menempuh lautan mencari daratan yang lain untuk orang lain.

Maka tinggallah kita wahai bangsaku memain-mainkan gigi yang sudah goyang hampir terjatuh, mempersunting bunga yang sudah mala memperelokkan labu yang sudah remuk di dalam.

Apakah yang kita dapat selain daripada pantun dan syair gurindam untuk anak cucu cicit kita memperikan keindahan tanah airnya zaman sehari iaitu zaman yang tidak dapat dipegang pangkalnya?

Oh bangsaku! Menangislah kamu untuk meruntuhkan gunung bukit tetapi bilakan runtuh selagi gempa kiamat belum tiba?

Oh bangsaku yang tetap dengan adat istiadat Melayu, hidup dengan damai tolong-menolong satu sama lain rosak rupanya adatku oleh tiupan ribut kebebasan dan kehendak hawa nafsu! Lupa rupanya kamu akan adat bangsamu yang mulia dan agama yang suci, Islam yang maha tinggi. Keliru kamu apabila dihadapkan dengan rupa sadur perak yang terumpam di sisi kamu. Emas yang kamu genggam kamu lemparkan ke lubuk kebinasaan. Perak yang kamu cari kamu tampalkan di segenap pancaindera hidupmu.

## Senarai Karya

### Novel

*Suka dan Duka*, 1936. Pulau Pinang: Muhd. Ali al-Rawi. 120 halaman.

### Cerpen

1. "Tanggungan Muda" dlm. *Majalah Guru*, September/Oktober 1932 dan Februari 1933.
2. "Kecewa" dlm. *Majlis*, 23 Disember 1935.
3. "Persabungan Ajal" dlm. *Majlis*, 24 Februari–13 April 1936.
4. "Ombak Perasaan" dlm. *Majlis*, 19 Jun–10 Ogos 1936.
5. "Bukan Emas" dlm. *Majlis*, 10 Disember 1936.
6. "Bukan Pertemuan" dlm. *Majlis*, 23 Jun 1938.
7. "Asyik Maksyuk Sutan Alam" dlm. *Majlis*, 29 Jun–8 Julai 1938.
8. "Nasib Moden Siti Comel" dlm. *Majlis*, 18 dan 20 Julai 1938.
9. "Pengaruh Sutan Alam" dlm. *Majlis*, 17 Ogos 5 September 1938.
10. "Di Bawah Lindungan Cinta" dlm. *Majlis*, 21 Oktober–21 November 1938.
11. "Berulam Jantung" dlm. *Majlis*, 21 November 1938.
12. "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" dlm. *Warta Ahad*, 7 Julai 1940.
13. "Pencari Hati Lelaki" dlm. *Warta Jenaka*, 11 Julai 1940.
14. "Oh Kasihku Tak Kering oleh Panas, Tak Basah oleh Air Ombak Perasaan" dlm. *Warta Ahad*, 28 Julai dan 4 Ogos 1940.
15. "Nasib Pengarang Muda" dlm. *Warta Ahad*, 11 Ogos 1940.
16. "Bermain di Perigi Beracun" dlm. *Warta Ahad*, 18–25 Ogos 1940.
17. "Polis dan Mata-mata Gelap" dlm. *Warta Ahad*, 22 dan 29 September 1940.
18. "Membuka Kampung Baru di Tanjung Karang" dlm. *Warta Ahad*, 6 Oktober 1940.

19. "Beralun-alun dan Berbuai-buai dalam Cinta Asmara", dlm. *Warta Ahad*, 22 dan 29 Disember 1940.

### Puisi

1. "Di Tengah Segara" dlm. *Majalah Guru*, Disember 1933.
2. "Ibuku" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1934.
3. "Keluh Kesah" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1934.
4. "Pujukan Hati" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1934.
5. "Selalu Merayu" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1934.
6. "Tak Disangka-sangka" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1934.
7. "Nasihatnya Wang" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1935.
8. "Waktu Senjakala" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1935.
9. "Sesat di Hutan Kerana Merajuk" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1936.
10. "Taman Perasaan" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1936.
11. "Adindaku Sayang" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1936.
12. "Oh Tuhan" dlm. *Majalah Guru*, Ogos 1936.
13. "Indahnya" dlm. *Majalah Guru*, Ogos 1936.
14. "Jangan Pedulikan Susah" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1931.
15. "Wahai Dayang dan Dara" dlm. *Majalah Guru*, Februari 1937.
16. "Siti Dara" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1937.
17. "Tanpa Judul" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1936.
18. "Tanpa Judul" dlm. *Majalah Guru*, Mac 1938.
19. "Merdeka ... Merdeka ... Merdeka ..." dlm. *Bingkisan Merdeka*, Ogos 1957.

### Rencana (Bahasa, Sastera dan Pendidikan)

1. "Berbagai-bagai Berhubung dengan Sekolah" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1932.
2. "Mengikutkan Guru-guru" dlm. *Majalah Guru*, Oktober 1932.
3. "Sekolah Melayu dengan Pertukangan" dlm. *Majalah Guru*, November 1932.
4. "Sekolah Anak-anak Kecil" dlm. *Majalah Guru*, November 1932.
5. "Kemajuan Siapa yang Patut Ditiru" dlm. *Majalah Guru*, Disember 1932.
6. "Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Melayu Selangor" dlm. *Majalah Guru*, April 1933.
7. "Bahasa Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Mei 1933.
8. "Orang Melayu dengan Surat Khabar" dlm. *Majalah Guru*, April 1934.
9. "Kerosakan Budi dan Bahasa" dlm. *Majalah Guru*, Mei 1934.
10. "Kepala Semua Pengarang Surat Khabar Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1934.
11. "Gaya-gaya Bahasa Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Oktober 1934.
12. "Bandingan dan Pedoman Guru" dlm. *Majalah Guru*, Jun 1934.

SENARAI KARYA

13. "Kewajipan terhadap Bahasa" dlm. *Majalah Guru*, Jun 1934.
14. "Majalah Guru" dlm. *Majalah Guru*, Januari 1935.
15. "Sekolah-sekolah Melayu Itulah Suluh Kepada Kampung Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Mei 1935.
16. "Tun Seri Lanang dan Munsyi Abdullah" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1935.
17. "Perang Penakah atau Main-main Saja – Penulis-penulis Indonesia — Semenanjung" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1935.
18. "Kolej Tanjung Malim – Perhimpunan Agung Guru-guru Kali Kedua" dlm. *Majalah Guru*, September 1935.
19. "Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Inggeris di Selangor" dlm. *Majalah Guru*, Julai 1936.
20. "Taraf Bahasa Melayu di Universiti England" dlm. *Majalah Guru*, Januari 1936.
21. "Sekolah-sekolah Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Februari 1936.
22. "Bahasa Melayu Pinjaman" dlm. *Majalah Guru*, April 1936.
23. "Berkenaan Bahasa Melayu" dlm. *Majalah Guru*, Jun 1936.
24. "Bahasa Melayu Juga" dlm. *Majalah Guru*, Jun 1936.
25. "Kepandaian Mengarang Bukan Kerana Guru" dlm. *Majalah Guru*, Ogos 1936.
26. "Murid-murid Sekolah Melayu dengan Pelajaran di Rumahnya" dlm. *Majalah Guru*, Ogos 1936.
27. "Pelajaran di Sekolah Melayu Itu Menjadi Tanggungan Kerajaan yang Utama dalam Masa yang Akan Datang" dlm. *Majalah Guru*, Disember 1936.
28. "Kewajipan Pendidikan" dlm. *Majalah Guru*, Disember 1936.



## Bibliografi

- A. Ghaffar Ibrahim, 1970. "Wawancara dengan Pungguk Pelopor Puisi Moden" dlm. *Dewan Masyarakat*, Oktober 1970. hlm. 48–51.
- A. Ghaffar Ibrahim, 1970. "Wawancara dengan Pungguk" dlm. *Dewan Sastra*, Oktober.
- A. Samad Ahmad, 1973. "Sebuah Sajak 60 Tahun Dulu" dlm. *Dewan Sastra*, Julai.
- A. Wahab Ali, 1975. "Sejarah Novel dan Pertumbuhan Perwatakan dalam Novel-novel Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*, Mac.
- Abd. Manaf Jaafar, 1970. "Muhammad Yasin Maamor Sebagai Tokoh Sastra Moden Sebelum Perang" dlm. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abd. Rahman Kaeh, 1977. "Sekitar Pemikiran Melayu Novel-novel Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*, Mac.
- Ali Haji Ahmad, 1961. "Cerita-cerita Pendek Sebelum Perang" dlm. *Dewan Bahasa*, November.
- Ali Haji Ahmad, 1962. *Puisi Baharu Melayu Zaman Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Haji Ahmad, 1972. "Perintis Sajak-sajak Melayu" dlm. *Dewan Sastra*, Ogos.
- Ali Haji Ahmad, 1974. *Tema Sajak-sajak Melayu 1933–1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1969. "Penyajak dan Tanah Air" dlm. *Dewan Bahasa*, September. *Bingkisan Merdeka*, 1957. Hlm. 78–80.
- Gullick, J.M., 1964. *Malaya*. London: Eames Benn Ltd.
- Hamdan Yahya, 1977. "Percintaan dan Kisah Rumahtangga: Tema Novel-novel Melayu Malaysia dan Inggeris Filipina Tahun-tahun 1920-an dan 1930-an" dlm. *Dewan Bahasa*, Disember.
- Hashim Awang, 1974. "Cerpun-cerpun Melayu Sebelum Perang Dunia II: Sejarah Pertumbuhan dan Pengkajiannya Dilihat dalam Perspektif yang Lebih Wajar"



## BIBLIOGRAFI

- dim. *Dewan Bahasa*, Mac.
- Hashim Awang, 1972. "Cerpen Melayu Sebelum Perang: Satu Pandangan Umum" dim. *Dewan Sastera*, Oktober.
- Ibrahim Yaakub, 1957. *Sekitar Melayu Merdeka*. Jakarta.
- Jaafa H.S., 1972. "Muhammad Yasin Maamor" dim. *Dewan Sastera*, Jun. hlm. 3.
- Li Chuan Siu, Drs., 1966. *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1930-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Majalah Guru* September/Oktober 1932; Januari dan Februari 1933.
- Majalah Guru*, Januari 1933.
- Majlis*, 17 Ogos-September 1938.
- Majlis*, 18 dan 20 Julai 1938.
- Majlis*, 21 November 1938.
- Majlis*, 22 Jun 1938.
- Majlis*, 23 Disember 1935.
- Majlis*, 23 Jun 1938.
- Majlis*, 24 Februari-13 April 1936.
- Majlis*, 29 Julai-10 Ogos 1936.
- Majlis*, 6 Ogos 1936.
- Majlis*, Ogos-5 September 1938.
- Mohd. Janan Ahmad, 1967. "Karya Sastera dan Esei dalam *Majalah Guru* (1924-1937)" dim. *Dewan Bahasa*, Januari.
- Mohd. Thani Ahmad, Sarah Sadon dan Suhaimi Haji Muhammad, 1988. *Wajah: Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yasin Maamor, 1932. *Suka dan Duka*. Pulau Pinang: Muhammad Ali Rawa Press.
- Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, 1957. *Bingkisan Merdeka*. Kuala Lumpur.
- Shannon Ahmad, 1977. "Sejarah Perkembangan Puisi Baru Melayu" dim. *Dewan Sastera*, Januari.
- Umar Junus, 1970. *Perkembangan Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang, 1971. "Pungguk: Penyair yang Berjasa pada Dunia Puisi" dim. *Berita Minggu*, 1 Julai.
- Warta Ahad*, 11 Ogos 1940.
- Warta Ahad*, 18 Ogos 1940 dan 25 April 1940.
- Warta Ahad*, 21 Julai 1940.
- Warta Ahad*, 26 Mac 1936.
- Warta Ahad*, 28 Julai - 4 Ogos 1940.
- Warta Ahad*, 7 Januari 1940.
- Warta Ahad*, 7 Julai 1940.

## Indeks

- A. Ghafar Ibrahim 22  
A. Latiff Mohidin 8  
Abdul Karim Rashid 4,6  
Abdul Manaf Jaafar 1-2, 4, 6, 15, 34, 92  
Abdul Rahim Kajai 92  
Abdullah Sidek 4, 6  
"Adat Istiadat Melayu dalam Tahun 1931"  
4  
"Adat Menguburkan Mayat di Negeri China"  
33  
"Adat Perkahwinan di Negeri China" 33  
"Adat Perkahwinan di Sulawesi Selatan" 33  
"Adindaku Sayang" 13, 21, 23, 68, 84  
Ahmad bin Abdullah, Cikgu 4  
Ahmad Boestamam 5  
Ahmad Shah 2, 17  
"Ajal" 23  
Ali Haji Ahmad 67  
al-Qur'an 7  
ambiguiti 90  
Amir Hamzah 67  
*anachronism* 57  
antagonis 39  
anti-British 4, 24  
"Asyik Masyuk Sultan Alam" 13, 22-3,  
47, 56, 63, 65  
  
bahasa kiasan 44  
"Bahasa Melayu" 29  
Balai Pustaka 35, 43, 54  
Bangsa-bangsa Bersatu 31  
Bapa Puisi Melayu Moden vii  
  
Bapa Pujangga Moden Malaysia x  
"Beralun-alun dan Berbuai-buai dalam  
Cinta Asmara" 13, 23  
"Berapa Rahsia Perniagaan" 31  
*Berita Minggu* 8, 73  
"Bermain-main di Perigi Beracun" 12, 18-  
9, 51, 58, 62  
"Berulam Jantung" 13, 62  
*Bingkisan Merdeka* 28, 31, 34, 74  
"Bukan Emas" 12, 15, 19, 26, 51  
"Bukan Pertemuan" 13, 23, 48, 63, 66  
"Bunga dan Balam dan Awan" 8  
"Bunyi-bunyian Cina" 33  
Buyong bin Adil, Cikgu 4  
  
Chairil Anwar 91  
  
*Dewan Bahasa* 33, 37, 46  
*Dewan Sastera* 6-8, 12, 22, 27, 53  
"Di Bawah Lindungan Cinta" 13, 23, 55, 63  
"Di Tengah Segara" 6, 13, 26, 67, 73  
didaktik 37  
diksi 83, 86  
  
*flashback* 54-5  
*foreshadowing* 38-9  
*Frobel School* 28  
  
Gullick, J.M. 20  
gurindam 65  
  
Hadiah Abdul Jalil 3

## INDEKS

- Hadiah Mohd. Jaafar 3  
*happy ending* 42, 55, 59  
 Harun bin Muhammad Amin, Cikgu (Harun Aminurrashid) 4  
 Hassan Haji Abdul Manan 4, 6  
*hikayat* 42, 45  
*Hikayat Abdullah* 32, 38  
*Hikayat Hang Tuah* 38
- Ibrahim Haji Yaacob 4-6, 27  
 "Ibuku" 7, 12, 15-6, 19, 71, 81-3, 88  
 imejan 80  
 "Indahnya" 13, 26, 72  
 Ishak Haji Muhammad 5, 92
- Jaafa HS 73  
 "Jangan Pedulikan Susah" 13  
 "Jawapan yang Lebih Baik kepada Peranakan" 30
- "Kecewa" 13, 23, 53 64  
 "Keluh-Kesah" 7, 13, 22, 68, 80, 82, 86-7  
 Kem Tahanan Politik 5  
 "Kemajuan Siapa yang Patut Ditiru?" 32  
 "Kepada Segala Pengarang Surat Khabar Melayu" 32  
 Keris Melayu 90  
 "Keris Panjang Keris Pendek Hulubalang Melaka" 14, 28, 49, 57, 65  
 Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung 6  
 Kesatuan Melayu Muda (KMM) 5, 27  
 Ketua Pengarang 74  
 khutbah 45
- lambang 83
- Maamor bin Abdul Karim 1  
*Majalah Guru* vii, 4, 6-7, 15-22, 25-6, 29-30, 32, 45, 47, 64, 66-8, 70-8, 85, 90-2  
*Majlis* 4, 7, 45, 47-8, 51, 53, 55-7, 59-60, 62, 64, 66  
 Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) ix, 3, 5-6, 12, 19-20, 24, 35  
 Malim Deman 7, 45  
 MCA 74
- melankolik 90  
 "Membuka Kampung Baru di Tanjung Karang" 14, 27  
 "Merdeka ... Merdeka ... Merdeka!" 14, 27, 34, 74  
 metafora 44, 90  
 MIC 74  
 MPAJA 33  
 Muhammad Ali Rawa Press 35  
 Muhammad Kasim 2-3, 19  
 "Murid-murid Sekolah Melayu dengan Pelajaran di Rumahnya" 29
- Naksyabandiah 8  
 "Nasib Moden Si Comel" 13, 23, 51, 58, 66  
 "Nasib Pengarang Muda" 14, 28  
 "Nasihatnya Wang" 14, 85  
 nasionalisme ix  
 Noraini 6  
 Norsaadah 6  
 novel satira 45  
 novelet 45
- "Oh Kekasihku, Tak Kering oleh Panas, Tak Basah oleh Air" 14, 25, 59, 62  
 "Oh Tuhan" 12, 19, 76, 87  
 "Ombak Perasaan" 14, 26, 60
- Panji Pustaka* 4  
 pantun vii, 43, 65, 67, 86-7, 91  
 Parti Komunis Malaya (PKM) 5  
 Pejabat Karang Mengarang 29  
 Pelopor Puisi Melayu Moden 91  
 Pelopor Puisi Moden Tanah Air 90  
 "Pencari Hati Lelaki" 13  
 Pengarang 90  
 "Pengaruh Sultan Alam" 14, 47, 56, 63  
*Pengasuh* 4  
 Pencil Biru 90  
 Peperiksaan Darjah Lima Sekolah Melayu 3  
 perimbangan 67, 85  
 "Persabungan Muda" 13  
 "Persambungan Ajal" 23, 48, 55, 65  
 Persekutuan Guru-guru Melayu 29  
 Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor 74

INDEKS

- personifikasi 90  
*Pewarta Deli* 4, 91  
*poetic justice* 41, 54, 58–9  
 "Polis dan Mata-mata Gelap" 14, 24, 52, 60, 63, 92  
 protagonis 39  
*Puisi Baharu Melayu* 67  
*Pujangga Baru* 4, 91  
 "Pujukan Hati" 7, 12, 17, 19, 75, 81
- Ramayana 48  
 Residen British 4  
 rima vii, 86  
 "Rindu Pengarang Muda" 48, 57
- sad ending* 42, 48  
 Safiah binti Haji Abdul Rahman 5  
*Sejarah Melayu* 32, 50, 58  
 Sekolah Beranang Hilir 5  
 Sekolah Melayu Banting 5  
 Sekolah Melayu Batu Belah 2  
 Sekolah Melayu Beranang 2, 5  
 Sekolah Melayu Hulu Gombak 3  
 Sekolah Melayu Kampung Baru 5  
 Sekolah Melayu Petaling 1, 15  
 Sekolah Melayu Setapak 3  
 Sekolah Melayu Sungai Pelek 5  
 Sekolah Melayu Tanjung Karang 5  
 Sekolah-sekolah Melayu Daerah Hulu Selangor 5  
 "Selalu Merayu" 7, 13, 17, 73, 76, 80–2  
*Seruan Azhar* 4
- "Sesat di Hutan Kerana Merajuk" 13, 19, 77  
 Sheferd, Tuan (Tan Sri Sheferd) 4  
 simili 90  
 "Siti Dara" 13, 21, 23, 68, 70  
*Siti Nurbaya* 39, 44  
 "Suara Islam dalam Persyarikatan Bangsa-bangsa" 31  
*Suka dan Duka* 7, 12, 18, 23–6, 35, 42–3, 45, 63  
 syair vii, 43, 65, 67, 86, 91
- "Tak Disangka-sangka" 7, 13, 20, 23, 75, 77, 79, 86, 89  
 "Taman Perasaan" 13, 68  
 Tanah Emas 7, 45  
 "Tanggungan Muda" 13, 22–3, 47, 54, 63, 66  
 "Tanpa Nama" 13–4, 82  
 "Tawarikh yang Menyedihkan" 12, 16, 19–20, 53, 61, 64
- UMNO 74  
 Usman Awang 7, 73
- "Wahai Dayang dan Dara" 14  
 "Waktu Senjakala" 13, 20, 23, 68, 70, 80, 82, 89  
*Warta Ahad* 45, 48–9, 51–3, 59, 62, 65  
*Warta Jenaka* 7, 45  
 watak bulat 39–40, 61  
 watak pipih 39